Bagi mencapai hasrat kerajaan untuk menjadikan pengajian siswazah pentadbiran perniagaan bertaraf antarabangsa, Graduate School of Business (UKM-GSB) telah diwujudkan bagi menggantikan Pusat Pengajian Siswazah Perniagaan pada 1 Januari 2008. UKM-GSB ini menguruskan penawaran Program Sarjana Pentadbiran Perniagaan, Doktor Pentadbiran Perniagaan dan Sarjana Perakaunan, manakala program pascasiswazah dalam bidang ekonomi diurus oleh Fakulti Ekonomi dan Perniagaan yang ditadbir di bawah pengurusan pejabat dekan. Pada Ogos 2010, Lembaga Pengarah Universiti telah meluluskan nama baru Fakulti Ekonomi dan Perniagaan kepada Fakulti Ekonomi dan Pengurusan, manakala Pusat Pengajian Pengurusan Perniagaan ditukar kepada Pusat Pengajian Pengurusan.

*To support the government's vision of establishing an internationally recognised postgraduate programme in business administration, the Graduate School of Business (UKM-GSB) was launched on 1 January 2008, replacing the School of Graduate Business Studies. UKM-GSB oversees the Master of Business Administration (MBA), Doctor of Business Administration (DBA), and Master of Accounting programmes, while postgraduate programmes in economics continue to be managed by the Faculty of Economics and Business under the Dean's Office. In August 2010, the University Board of Directors approved renaming the Faculty of Economics and Business as the Faculty of Economics and Management, while the School of Business Management was renamed the School of Management.*

Pada 7 Mei 2014, Mesyuarat Pengurusan Universiti telah bersetuju untuk meluluskan penstrukturan tadbir urus UKM dan usaha ini seterusnya melibatkan

penstrukturan semula fakulti. Pada Julai 2018, Fakulti Ekonomi dan Pengurusan telah distrukturkan semula dengan mewujudkan portfolio penolong-penolong dekan dan pusat-pusat penyelidikan yang baharu bagi menggantikan pusat pengajian iaitu Pusat Kajian Pembangunan Inklusif dan Lestari (SID), Pusat Kajian Keutuhan Tadbir Urus dan Akauntabiliti (GRACE), Pusat Kajian Perniagaan Global dan Ekonomi Digital (GLOBDE) dan Pusat Kajian Penciptaan Nilai dan Kesejahteraan Insan (INSAN).

*On 7 May 2014, the University Management Committee approved the restructuring of UKM's governance, which subsequently led to the reorganisation of faculties. In July 2018, the Faculty of Economics and Management underwent further restructuring with the introduction of new assistant dean portfolios and research centres, replacing the previous academic schools. The newly established research centres include: Centre for Inclusive and Sustainable Development (SID), Centre for Governance Resilience and Accountability (GRACE), Centre for Global Business and Digital Economy (GLOBDE), and Centre for Value Creation and Human Well-being (INSAN)*

Fakulti juga menawarkan program di peringkat Pascasiswazah iaitu Program Sarjana Perakaunan, Sarjana Perdagangan, Sarjana Ekonomi, Sarjana Ekonomi Islam, Sarjana Pentadbiran Awam dan Kepimpinan, Sarjana Keusahawanan dan Inovasi, Doktor Falsafah Ekonomi dan Doktor Falsafah.

*The faculty also offers postgraduate programmes, including: Master of Accounting, Master of Commerce, Master of Economics, Master of Islamic Economics, Master of Public Administration and Leadership, Master of Entrepreneurship and Innovation, Doctor of Philosophy (PhD) in Economics, Doctor of Philosophy (PhD) in various disciplines*

## JENIS-JENIS KURSUS

### TYPES OF COURSES

pelajar perlu lulus kursus-kursus di bawah:

*Students are required to pass the following courses:*

- Wajib Universiti / *University Core*
- Teras / *Core*
- Elektif / *Elective*

Bilangan kredit yang perlu dipenuhi adalah seperti dalam jadual di bawah.

*The number of credits that must be fulfilled is as outlined in the table below.*

Bil No	Program <i>Programme</i>	Kursus <i>Course</i>		
		Wajib Universiti <i>University Core</i>	Teras <i>Core</i>	Elektif <i>Elective</i>
1	Ekonomi (BE) <i>Economics</i>	22	70	30
2	Pentadbiran Perniagaan (BBA) <i>Business Administration</i>	22	79	21
3	Keusahawanan & Inovasi (BEI) <i>Entrepreneurship and Innovation</i>	22	86	12
4	Perakaunan (BAC) <i>Accounting</i>	22	108	9

**1. Kursus Wajib Universiti: 10 kredit***University Core Courses*

<b>Bil No</b>	<b>Kod Code</b>	<b>Kursus Course</b>	<b>Kredit Credit</b>
1	LMCW1022	Asas Keusahawanan dan Inovasi <i>Fundamentals of Entrepreneurship and Innovation</i>	2
2	LMCW2152	Integriti dan Antirasuah	2
3	LMCW2143	Falsafah dan Isu Semasa <i>Philosophy and Current Issues</i>	3
4	LMCW2153	Penghayatan Etika dan Peradaban <i>Appreciation of Ethics and Civilization</i>	3

## 2. Kursus Wajib Universiti (Citra) : 12 Kredit

*University Core Courses (Citra)*

Kursus citra universiti perlu memenuhi keperluan minima 2 unit setiap domain seperti berikut:

*University Citra courses must meet a minimum requirement of 2 units per domain, as outlined below:*

<b>Bil No</b>	<b>Domain</b>	<b>Nama Domain Domain Name</b>	<b>Kredit Credit</b>
1	C1	Literasi Bahasa dan Komunikasi <i>Language Literacy and Communication</i>	2
2	C2	Pemikiran Kritis dan Reka Cipta <i>Critical Thinking and Design</i>	2
3	C3	Literasi Sastera, Budaya dan Ketamadunan <i>Literature Literacy, Culture and Civilisation</i>	2
4	C4	Literasi Sains, Teknologi dan Kesihatan <i>Science, Technology and Health Literacy</i>	2
5	C5	Keusahawanan dan Tanggungjawab Sosial <i>Entrepreneurship and Social Responsibilities</i>	2
6	C6	Keterampilan Diri dan Pasukan <i>Self-Image and Team</i>	2
<b>Jumlah/Total</b>			<b>12</b>

Senarai lengkap kursus citra boleh diperolehi daripada Buku Panduan Prasiswazah Pusat Pengajian Citra Universiti (PPCU), UKM yang boleh dimuat turun di laman sesawang PPCU.

*The complete list of Citra courses can be found in the Undergraduate Handbook of the Centre for University Citra Studies (PPCU), UKM, which is available for download on the PPCU website.*

## Pengambilan Kursus Bahasa Inggeris

### *English Language Course Enrolment*

1. Pelajar **WAJIB** melengkapkan jumlah kredit kursus Bahasa Inggeris seperti berikut:

*It is **MANDATORY** for students to complete the following English language course credits:*

- i. **5 kredit** (MUET tahap 3.0, 3.5, 4.0, 4.5., 5.0 dan 5+)  
(Rujuk Pekeliling Pusat Pengajian Citra Bil1/2022)  
**5 credits** (for MUET scores of Band 3.0, 3.5, 4.0, 4.5, 5.0, and 5+).  
(Refer to Citra Centre Circular No. 1/2022).

2. Pelajar yang belum mengambil MUET tidak dibenarkan mendaftar kursus Bahasa Inggeris (kemasukan luar UPU).

*Students who have not taken the MUET are not permitted to enrol in English language courses (non-UPU entry).*

3. Pelajar yang mempunyai kelulusan IELTS, TOEFL atau sijil kelulusan yang lain boleh mendaftar kursus Bahasa Inggeris dengan mengemukakan bukti kelulusan kepada Penyelaras Kursus Bahasa Inggeris Pusat Citra Universiti (PCU).

*Students with IELTS, TOEFL, or other equivalent qualifications may register for English language courses by submitting proof of qualification to the English Course Coordinator at the Centre for University Citra (PCU).*

4. Pelajar-pelajar berikut layak memohon pemindahan kredit kursus Bahasa Inggeris secara menegak:

*The following students are eligible to apply for a vertical credit transfer for English language courses:*

- i. Diploma (Politeknik dan Kolej IPTA/IPTS/Institusi Luar Negara); atau  
*Diploma (Polytechnics, Public/Private Higher Education Institutions (IPTA/IPTS), or International Institutions; or*
- ii. Diploma IB (International Baccalaureate).  
*IB Diploma holders (International Baccalaureate).*

Pelajar perlu mengisi *Borang Pemindahan Kredit Secara Menegak* secara terus kepada Pusat Citra Universiti.

*Students must submit the Vertical Credit Transfer Application Form directly to the Centre for University Citra.*

5. Pelajar-pelajar berikut layak memohon pemindahan kredit kursus Bahasa Inggeris secara mendatar:

*The following students are eligible to apply for a horizontal credit transfer for English language courses:*

- i. pelajar telah mengikuti program Ijazah Sarjana Muda di institusi lain;  
*Students who have previously pursued a Bachelor's degree at another institution;*
- ii. pelajar bertukar program pengajian di UKM; dan  
*Students who have transferred to a different programme within UKM; and*
- iii. pelajar mengikuti program pertukaran pelajar (mobiliti) di luar negara.  
*Students who have participated in an international student exchange (mobility) programme.*

Pelajar perlu mengisi *Borang Pemindahan Kredit Secara Mendatar* secara terus kepada Pusat Citra Universiti.

*Students must submit the Horizontal Credit Transfer Application Form directly to the Centre for University Citra.*

6. Kursus yang boleh dipohon untuk pemindahan kredit adalah LMCE1042/1062/1072/1082 bergantung kepada tahap pencapaian MUET.

*The courses eligible for credit transfer are LMCE1042/1062/1072/1082, depending on the student's MUET proficiency level.*

7. Pelajar yang membuat permohonan pemindahan kredit perlu mendapat pengesahan dari Akademik-UKM terlebih dahulu dan hanya boleh mendaftar kursus Bahasa Inggeris pada Semester II.

*Students applying for credit transfer must obtain approval from UKM Academic Affairs before proceeding. Students can only register for English language courses in Semester II.*

8. Pelajar wajib mendaftar kursus Bahasa Inggeris mengikut turutan yang ditetapkan oleh Pusat Citra Universiti.

*Students must register for English language courses in the sequence prescribed by the Centre for University Citra.*

**MUET Band 3.0 & 3.5 (5 Credit)**

- a. LMCE1062 Academic Interactions
- b. LMCE2082 Pro Talk English
- c. LMCE3061 Corporate Storytelling



***MUET Band 4 & 4.5 (5 Credit)***

- a. *LMCE1072 Academic Literacy*
- b. *LMCE2092 Speak to Persuade*
- c. *LMCE3071 Professional Communication*

***MUET Band 5.0 ke atas (5 Credit)***

- a. *LMCE1082 Page to Stage*
- b. *LMCE2103 Advanced Communication Project*

**SARJANA MUDA  
EKONOMI DENGAN  
KEPUJIAN  
/  
BAHCELOE IN  
ECONOMICS WITH  
HONOURS**

## **PROGRAM IJAZAH SARJANA MUDA EKONOMI DENGAN KEPUJIAN BACHELOR IN ECONOMICS (HONOURS) PROGRAMME**

Program Sarjana Muda Ekonomi menyediakan graduan yang berupaya untuk memahami isu ekonomi dan mencadangkan penyelesaian yang bersesuaian dengan keadaan semasa. Penawaran Program Sarjana Muda Ekonomi akan kekal relevan bersesuaian sifat ekonomi yang dinamik. Kitaran ekonomi sama ada turun atau naik adalah suatu proses yang berterusan. Justeru, ia memerlukan buah fikiran yang segar dalam mendepani cabaran semasa.

*The Bachelor of Economics programme equips graduates with the ability to understand economic issues and propose appropriate solutions in line with current conditions. The programme remains relevant and adaptable, reflecting the dynamic nature of economics. Economic cycles, whether expansion or contraction, are continuous processes that require fresh insights to address contemporary challenges effectively.*

### **Objektif Pembelajaran Program**

#### ***Programme Learning Objectives***

1. Graduan ekonomi yang berilmu secara teori dan praktikal serta celik digital dalam penyelesaian masalah.  
*Graduates with both theoretical and practical knowledge of economics, capable of utilising digital tools for problem-solving.*
2. Graduan ekonomi yang mempunyai kemahiran kepimpinan, bertanggungjawab interpersonal dan keupayaan berkomunikasi secara berkesan dengan pihak berkepentingan.  
*Graduates with leadership qualities, interpersonal responsibility, and the ability to communicate effectively with stakeholders.*
3. Graduan ekonomi yang melibatkan diri dengan pembelajaran sepanjang hayat dan mempunyai pemikiran keusahaawanan untuk pembangunan diri dan kerjaya  
*Graduates committed to continuous learning and equipped with an entrepreneurial mindset for self-development and career growth.*

4. Graduan ekonomi yang beretika, profesional dan berintegriti dalam berurusan dengan pihak berkepentingan.  
*Graduates who uphold ethical values, professionalism, and integrity in their dealings with stakeholders.*

## **Hasil Pembelajaran Program**

### **Programme Learning Outcomes**

Pada akhir program pengajian, graduan seharusnya boleh:

1. Mengenalpasti teori dan konsep dalam ilmu ekonomi.  
*Identify key theories and concepts in economics.*
2. Mengaplikasi teori dan konsep ekonomi dalam penyelesaian isu semasa.  
*Apply economic theories and concepts to address current issues.*
3. Mempamerkan kemahiran praktikal berkaitan ekonomi dalam tugasan.  
*Demonstrate practical skills related to economics in assignments and projects.*
4. Mempamerkan kemahiran berinteraksi melalui kerjasama dengan pihak berkepentingan.  
*Exhibit interpersonal skills through collaboration with stakeholders.*
5. Mempamerkan kemahiran berkomunikasi lisan dan bukan lisan dengan efektif dan meyakinkan.  
*Communicate effectively using verbal and non-verbal skills with confidence.*
6. Mengaplikasikan kemahiran digital dalam bidang ekonomi.  
*Utilise digital tools and technology in economic analysis.*
7. Menganalisis data numerikal dalam penyelesaian tugasan.  
*Analyse numerical data to support economic decision-making.*
8. Menunjukkan sikap kepimpinan, autonomi, dan kebertanggungjawaban berkaitan bidang ekonomi.  
*Demonstrate leadership, autonomy, and responsibility within the field of economics.*
9. Mempamerkan kemahiran sendiri dalam perkembangan kerjaya dan pembelajaran sepanjang hayat.  
*Showcase self-management skills for career development and lifelong learning.*
10. Mempamerkan kemahiran keusahawanan yang kreatif dan inovatif.

*Display creativity and innovation in entrepreneurial initiatives.*

11. Mengamalkan sikap profesionalisme berlandaskan prinsip, etika dan integriti.  
*Uphold professionalism, ethics, and integrity in their professional conduct.*

## Struktur Program

### Programme Structure

Untuk tujuan pengijazahan, pelajar perlu lulus sekurang-kurangnya 122 unit kredit seperti berikut:

*To be eligible for graduation, students must successfully complete a minimum of 122 credit units, as outlined below:*

- |    |  |                                |
|----|--|--------------------------------|
| 1. | Kursus Wajib Universiti<br><i>University Core Courses</i>                    | – 22 unit<br>– 22 credit units |
| 2. | Kursus Teras<br><i>Core Courses</i>  | – 62 unit<br>– 62 credit units |
|    | Kursus Teras (Latihan Industri)<br><i>Core Courses (Industrial Training)</i> | – 8 unit<br>– 8 credit units   |
| 3. | Kursus Elektif<br><i>Elective Courses</i>                                    | – 30 unit<br>– 30 credit units |

### Kursus Universiti – 22 Unit Kredit University Courses – 22 Credit Units

Bil No	Kod Kursus <i>Course Code</i>	Nama Kursus <i>Course Name</i>	Kredit <i>Credit</i>
1	LMCW1022	Asas Keusahawanan dan Inovasi <i>Fundamentals of Entrepreneurship and Innovation</i>	2
2	LMCW2152	Integriti dan Antirasuah <i>Integrity and Anti-Corruption</i>	2
3	LMCW2143	Falsafah dan Isu Semasa <i>Philosophy and Contemporary Issues</i>	3
4	LMCW2153	Penghayatan Etika dan Peradaban <i>Appreciation of Ethics and Civilisation</i>	3

5	LMXXxxxx	Kursus Citra Universiti (C1-C6) <i>University Citra Courses (C1-C6)</i>	12
---	----------	--	----

### Kursus Teras – 62 Unit Kredit

#### Core Courses – 62 Credit Units

Bil No	Kod Kursus <i>Course Code</i>	Nama Kursus <i>Course Name</i>	Kredit <i>Credit</i>
1	LMCE1062/ LMCE1072/ LMCE1082	Academic Interaction (MUET Band 3.0 dan 3.5)/ Academic Literacy (MUET Band 4.0 dan 4.5) Page to Stage (MUET Band 5.0 dan 6.0)	2
2	LMCE2082/ LMCE2092 LMCE2013	Pro Talk English (MUET Band 3.0 dan 3.5)/ Speak to Persuade (MUET Band 4.0 dan 4.5) Advanced Communication Project (MUET Band 5.0 dan 6.0)	2
3	LMCE3061/ LMCE3071	Corporate Storytelling (MUET Band 3.0 dan 3.5) Professional Communication (MUET Band 4.0 dan 4.5)	1
4	EPPA1013	Prinsip Perakaunan <i>Principle Of Accounting</i>	3
5	EPPD1003	Prinsip Ekonomi <i>Principle of Economics</i>	3
6	EPPD1043	Matematik untuk Ekonomi dan Perniagaan <i>Mathematics for Economics And Business</i>	3
7	EPPD1053	Pengantar Pengurusan <i>Fundamentals of Management</i>	3
8	EPPD1073	Komunikasi Perniagaan Kontemporari <i>Contemporary Business Communication</i>	3
9	EPPD1083	Statistik untuk Ekonomi dan Pengurusan <i>Statistics for Economics and Management</i>	3

10	EPPM2043	Etika dan Tanggungjawab Sosial Korporat <i>Ethics and Corporate Social Responsibility</i>	3
11	EPPE1013	Mikroekonomi I <i>Microeconomics I</i>	3
12	EPPE1023	Makroekonomi I <i>Macroeconomics I</i>	3
13	EPPE2003	Kalkulus untuk Ekonomi dan Perniagaan <i>Calculus for Economics and Business</i>	3
14	EPPE2013	Mikroekonomi II <i>Microeconomics II</i>	3
15	EPPE2023	Makroekonomi II <i>Macroeconomics II</i>	3
16	EPPE2043	Kaedah Penyelidikan <i>Kaedah Penyelidikan Research Method</i>	3
17	EPPE2063	Ekonometrik untuk Ekonomi dan Perniagaan <i>Econometrics For Economics And Business</i>	3
18	EPPE2073	Ekonomi Pembangunan <i>Development Economics</i>	3
19	EPPE2083	Ekonomi Antarabangsa <i>International Economics</i>	3
20	EPPE3053	Ekonomi Malaysia <i>Malaysian Economy</i>	3
21	EPPE3996	Kertas Ilmiah <i>Academic Paper</i>	6

### Latihan Industri – 8 Unit Kredit

#### Industrial Training – 8 Credit Units

Bil No	Kod Kursus Course Code	Nama Kursus Course Name	Kredit Credit
1	EPPE3098	Latihan Industri <i>Industrial Training</i>	8

**Kursus Elektif – 30 Unit Kredit**  
**Elective Courses – 30 Credit Units**

Sebanyak Sepuluh (10) kursus boleh diambil daripada senarai berikut:  
*Students may select **ten (10) courses** from the following list:*

<b>Bil No</b>	<b>Kod Kursus</b> <i>Course Code</i>	<b>Nama Kursus</b> <i>Course Name</i>	<b>Kredit</b> <i>Credit</i>
1	EPPE1033	Perkembangan Pemikiran Ekonomi <i>History Of Economic Thought</i>	3
2	EPPE2033	Prinsip Ekonomi Islam <i>Principle of Islamic Economics</i>	3
3	EPPE2093	Perancangan dan Penilaian Projek <i>Planning and Project Evaluation</i>	3
4	EPPE2113	Organisasi Industri <i>Industrial Organization</i>	3
5	EPPE2123	Statistik untuk Kajian Industri <i>Statistics for Industrial Research</i>	3
7	EPPE2213	Ekonomi Monetari <i>Monetary Economics</i>	3
8	EPPE2223	Perbelanjaan Awam <i>Public Finance</i>	3
9	EPPE2323	Pengantar Penyelidikan Kendalian <i>Introduction to Operational Research</i>	3
10	EPPE2363	Analisis Statistik Ekonomi <i>Economic Statistics Analysis</i>	3
11	EPPE2413	Analisis Ekonomi Islam <i>Islamic Economics Analysis</i>	3
12	EPPE2423	Pengenalan Kepada Fiqh Ekonomi <i>Fiqh For Economists</i>	3
13	EPPE2433	Perbankan Islam <i>Islamic Banking</i>	3
14	EPPE2453	Pasaran Wang dan Modal Islam <i>Islamic Capital and Money Market</i>	3
15	EPPE2513	Analisis Demografi Ekonomi <i>Demography Economics Analysis</i>	3
16	EPPE2533	Pertumbuhan Ekonomi dan Agihan	3



		<i>Distribution and Economics Growth</i>	
17	EPPE3143	Ekonomi Perdagangan Antarabangsa <i>International Trade Economics</i>	3
18	EPPE3153	Ekonomi Industri dan Perniagaan Antarabangsa <i>International Industrial Economics</i>	3
19	EPPE3213	Ekonomi Monetari Antarabangsa <i>International Monetary Economics</i>	3
20	EPPE3223	Ekonomi Pencukaian <i>Taxation Economics</i>	3
21	EPPE3253	Ekonomi Kewangan Mikro <i>Economics of Microfinance</i>	3
22	EPPE3273	Ekonomi Dasar Sosial <i>Economics Of Social Policy</i>	3
23	EPPE3313	Ekonometrik Pertengahan <i>Intermediate Econometrics</i>	3
24	EPPE3323	Statistik Penakbiran <i>Inferential Statistics</i>	3
25	EPPE3353	Analisis Siri Masa dan Peramalan <i>Time Series Analysis and Forecasting</i>	3
26	EPPE3413	Dasar Fiskal dan Kewangan Islam <i>Islamic Fiscal and Monetary Policy</i>	3
27	EPPE3433	Perbandingan Sistem Ekonomi <i>Comparative Economic Systems</i>	3
28	EPPE3453	Perancangan Kewangan dan Pengurusan Harta Islam <i>Islamic Wealth Management and Financial Planning</i>	3
29	EPPE3463	Usul dan Kaedah Fiqh dalam Ekonomi <i>Principles of Islamic Jurisprudence and Legal Maxims In Economics</i>	3
30	EPPE3543	Ekonomi Bandar dan Wilayah <i>Regional and Urban Economics</i>	3
31	EPPE3553	Ekonomi Buruh <i>Labor Economics</i>	3
32	EPPE3573	Ekonomi Pembangunan Antarabangsa <i>International Development Economics</i>	3
33	EPPE3593	Ekonomi Sumber Manusia	3

		<i>Human Resource Economics</i>	
34	EPPE3643	Ekonomi Rekreasi dan Hospitaliti <i>Hospitality and Recreational Economics</i>	3
35	EPPE3693	Ekonomi Industri Asas Tani <i>Economics of Agro-Based Industry</i>	3

## **SINOPSIS KURSUS**

### **COURSE SYNOPSIS**

## **KURSUS TERAS**

### **CORE COURSES**

#### **EPPA1013 PRINSIP PERAKAUNAN / PRINCIPLE OF ACCOUNTING**

Kursus ini memperkenalkan pelajar kepada konsep dan prinsip asas serta rasional yang mendasari amalan perakaunan. Kitaran perakaunan disentuh secara terperinci yang meliputi proses penjumlahan, pengeposan, penyediaan imbalan duga, pelarasan, penyediaan penyata kewangan dan catatan penutup. Perbincangan meliputi kitaran perakaunan bagi jenis operasi berbeza seperti perniagaan perkhidmatan, pembarangan dan perkilangan serta dari konteks pemilikan berbeza yang meliputi pemilihan tunggal, perkongsian, syarikat dan organisasi tidak bermotifkan keuntungan.

*This course introduces students to the basic concepts and principles, and rationale that form the basis of accounting practices. The accounting cycle is discussed in detail which includes the process of journalizing, posting, preparing trial balance, adjustments, preparing financial statements and closing entries. The discussion covers the accounting cycle for different types of operations such as services, merchandising and manufacturing as well as from different ownership contexts including sole proprietorships, partnerships, corporations and non-profit organizations.*

#### **EPPD1003 PRINSIP EKONOMI / PRINCIPLE OF ECONOMICS**

Kursus ini bertujuan memberi pengetahuan kepada pelajar tentang analisis dan konsep asas mikroekonomi dan makroekonomi. Topik dalam skop mikroekonomi merangkumi masalah ekonomi pada peringkat pengguna dan firma. Pelajar akan didedahkan kepada tajuk utama mikroekonomi meliputi aspek permintaan, penawaran, keseimbangan harga, keanjalan, fungsi pengeluaran, kos dan struktur pasaran. Topik dalam skop makroekonomi pula meliputi pengukuran dan keseimbangan pendapatan negara, peranan bank pusat, bank perdagangan dan proses penciptaan kredit, pasaran wang dan penentuan kadar bunga, implikasi

dasar fiskal dan monetari terhadap pendapatan negara, pengangguran dan inflasi, perdagangan antarabangsa, imbalan pembayaran serta pasaran pertukaran asing. Di akhir kursus, pelajar seharusnya dapat mengaplikasikan pendekatan kedua-dua mikroekonomi dan makroekonomi dalam menyelesaikan masalah ekonomi dan pengurusan serta mengaitkan ilmu tersebut dengan isu ekonomi semasa dalam persekitaran global dan setempat.

*This course aims to equip students with knowledge of basic concepts and analysis of microeconomics and macroeconomics. Topics within the scope of microeconomics include economic issues at the consumer and firm levels, covering aspects of demand, supply, price equilibrium, elasticity, production functions, costs and market structure. In the macroeconomic scope, topics include the measurement and equilibrium of national income, the role of central and commercial banks and credit creation process, the money market and determination of interest rate, as well as the implications of fiscal and monetary policy on national income, unemployment and inflation. Other topics include international trade, balance of payments and the foreign exchange market. By the end of the course, students should be able to apply both microeconomic and macroeconomic approaches in solving economic and management problems and relate the knowledge to current economic issues in the global and local contexts.*

### **EPPD1043 MATEMATIK UNTUK EKONOMI DAN PERNIAGAAN / MATHEMATICS FOR ECONOMICS AND BUSINESS**

Kursus ini memberi kefahaman kepada pelajar beberapa aspek asas dalam matematik yang meliputi fungsi, matriks, matematik kewangan, had dan keselajaran, pembezaan dan pengamiran. Aplikasi dalam bidang ekonomi turut dibincangkan untuk setiap tajuk tersebut. Selepas mengikuti kursus ini, pelajar dapat menganalisis masalah ekonomi dan perniagaan dengan menggunakan teknik-teknik matematik yang telah dibincangkan.

*This course introduces some basic mathematical concepts, including functions, matrices, financial mathematics, limits and continuity, differentiation and integration. Each topic is also discussed with applications to economics. Upon completion, students will be able to analyze economic and business problems using the mathematical techniques covered.*

### **EPPD1053 PENGANTAR PENGURUSAN / FUNDAMENTALS OF MANAGEMENT**

Kursus ini merupakan kursus pengenalan kepada pengurusan perniagaan. Ia mendedahkan kepada pelajar konsep dan teori asas pengurusan dan pentadbiran organisasi. Tajuk-tajuk utama merangkumi pemikiran pengurusan, perancangan, pengorganisasian, kepimpinan dan motivasi, pengawalan kualiti dan prestasi,

budaya korporat dan komunikasi dalam menguruskan sesebuah organisasi. Kursus ini turut membincangkan tentang amalan-amalan terbaik pengurusan terkini dalam pembentukan dan pengendalian daya saing organisasi.

*This introductory course in business management covers basic concepts and theories of management and business administration. The main topics include the evolution of management thought, planning, organizing, leadership and motivating, performance and quality control, corporate culture and communication in organizational management. This course also examines best management practices for fostering and sustaining organization competitiveness.*

### **EPPD1073 KOMUNIKASI PERNIAGAAN KONTEMPORARI / CONTEMPORARY BUSINESS COMMUNICATION**

Komunikasi Perniagaan mengajar pelajar cara untuk memperbaiki kemahiran berkomunikasi sebagai asas kejayaan dalam alam pekerjaan. Kursus ini membolehkan pelajar memahami faktor-faktor yang akan menjamin komunikasi yang efektif. Pelajar akan diajar tentang pelbagai elemen kemahiran komunikasi seperti komunikasi silang budaya, komunikasi lisan dan bukan lisan. Pelajar akan mengetahui cara berkomunikasi ketika berada dalam situasi berbeza, dalam kumpulan kerja, mendengar secara efektif, serta menggunakan teknologi untuk berkomunikasi dengan lebih efektif dan produktif. Pelajar juga akan didedahkan kepada penulisan resume dan penyediaan resume video bagi memenuhi tuntutan terkini industri, seterusnya dibimbing melalui satu sesi mock interview sebagai latihan persediaan temuduga pekerjaan.

*Business communication teaches students to improve their communication skills as the main basis of their career success. This course enables students to understand the factors that ensure effective business communication. They are taught various elements of communication skills such as intercultural communication as well as verbal and non-verbal messaging. Students will develop the ability to communicate in diverse workplace situations, collaborate in teams, listen effectively and use communication technology efficiently and productively. They will be exposed to the writing of resume to meet current industry requirements. They will also be guided through a mock interview session for their job interview preparation training.*

### **EPPD1083 STATISTIK UNTUK EKONOMI DAN PERNIAGAAN / STATISTICS FOR ECONOMICS AND MANAGEMENT**

Kursus ini bertujuan memberi fahaman kepada pelajar tentang konsep dan kaedah statistik yang digunakan dalam bidang ekonomi dan perniagaan. Perbincangan meliputi pengenalan kepada statistik, perihalan data secara visual dan numerik,

pengenalan kepada kebarangkalian, taburan kebarangkalian, taburan pensampelan, penganggaran, ujian hipotesis, analisis varian, ujian Khi-kuasadua, kaedah statistik tak berparameter, analisis kolerasi dan analisis regresi. Selepas mengikut kursus ini, pelajar seharusnya boleh mengaplikasi kaedah statistik yang sesuai dan menganalisis keputusan statistik yang diperoleh.

*This course aims to provide students with an understanding of statistical concepts and methods applicable to economics and business. Discussions include introduction to statistics, visual and numerical data description, introduction to probability, probability distributions, sampling distributions, estimation, hypothesis testing, analysis of variance, Chi-squared tests, nonparametric statistical methods, correlation analysis and regression analysis be able to apply appropriate statistical techniques and interpret results of statistical analysis.*

### **EPPM2043 ETIKA DAN TANGGUNGJAWAB SOSIAL KORPORAT / ETHICS AND CORPORATE SOCIAL RESPONSIBILITY**

Secara umumnya kursus ini membincangkan etika dan tanggungjawab sosial korporat berdasarkan perspektif Teori Pemegang Kepentingan yang menekankan bahawa perniagaan dan masyarakat adalah sebahagian daripada sistem yang saling berinteraksi dan bergantung antara satu sama lain. Tajuk-tajuk yang akan dibincangkan termasuklah hubungan di antara perniagaan dan masyarakat, persekitaran sosial, persekitaran etika, kerajaan, alam sekitar, perubahan teknologi, dan pemegang kepentingan. Para pelajar akan didedahkan kepada konsep dan teori etika dan tanggungjawab sosial korporat, isu-isu semasa dan masalah berkaitan dengan etika dan tanggungjawab sosial korporat. Melalui kursus ini juga, pelajar dapat mengaplikasikan pengetahuan melalui keterlibatan dengan aktiviti kesukarelawanan. Pelajar dikehendaki memilih satu daripada empat modul kesukarelawanan yang ditawarkan, iaitu: 1) modul alam sekitar, 2) modul kepenggunaan, 3) modul perniagaan sosial, dan 4) modul khidmat masyarakat. Di penghujung kursus, pelajar dikehendaki mengaplikasi teori dan pengetahuan yang telah dipelajari dalam kes-kes sebenar berkaitan etika dan tanggungjawab sosial perniagaan.

*This course generally discusses ethics and corporate social responsibility from a stakeholder perspective emphasizing the interdependence between business and society. Topics include the relationship between business and society, social environment, ethical climate, government, environmental issues, change in technology, and stakeholders. Students will be introduced to the concepts, and theories of ethics and corporate social responsibility, as well as related current issues and challenges. Students through this course, will have the*

*opportunity to apply their knowledge in volunteerism activities. They are required to select one of the four volunteerism modules offered as follows: 1) environmental, 2) consumerism, 3) social business, and 4) community service. By the end of the course, students will apply the theories and knowledge acquired to real-world cases related to ethics and corporate social responsibility.*

### **EPPE1013 MIKROEKONOMI I / MICROECONOMICS I**

Kursus ini bertujuan memberi pengetahuan kepada pelajar tentang model, konsep dan metodologi mikroekonomi dalam memahami masalah ekonomi pada peringkat pengguna dan firma. Pelajar akan didedahkan kepada tajuk-tajuk utama mikroekonomi meliputi aspek permintaan, penawaran, keseimbangan harga, keanjalan, teori pilihan pengguna, fungsi pengeluaran, kos dan struktur pasaran. Di akhir kursus, pelajar seharusnya dapat mengaplikasikan pendekatan mikroekonomi dalam menyelesaikan masalah persekitaran ekonomi dan pengurusan.

*This course aims to provide students with knowledge on the microeconomic models, concept and methodologies in understanding economic issues at the consumer and and firm levels. They will be exposed to major microeconomic topics including demand, supply, price equilibrium, elasticity, consumer choice theory, production functions, cost and market structures. By the end of the course, students should be able to use microeconomic approach in solving problems related to economics and management.*

### **EPPE1023 MAKROEKONOMI I / MACROECONOMICS I**

Kursus ini bertujuan memberi pengetahuan kepada pelajar tentang teori dan konsep makroekonomi yang meliputi model makroekonomi Klasik, analisis keluk permintaan dan penawaran agregat Keynesian, pasaran barangan dan analisis keluk IS, pasaran wang dan analisis keluk LM, analisis keseimbangan IS-LM dan keberkesanan dasar penstabilan, teori penentuan kadar bunga, kitaran perniagaan serta inflasi dan kos sara hidup. Di akhir kursus, pelajar seharusnya dapat mengaitkan ilmu tersebut dengan isu ekonomi semasa dalam persekitaran global dan setempat.

*This course introduces students to macroeconomic theories and concepts, including the Classical macroeconomic model, Keynesian aggregate supply and demand curve analysis, IS curve analysis in the goods market, LM curve analysis in the money market, IS-LM equilibrium analysis, stabilization policy effectiveness, theory of interest rate determination, business cycles, inflation, and cost of living. By the end of the course, students should be able to relate this knowledge to current economic issues in the global and local environments.*

## **EPPE2003 KALKULUS UNTUK EKONOMI DAN PERNIAGAAN / CALCULUS FOR ECONOMICS AND BUSINESS**

Kursus ini memberi pengetahuan kepada pelajar tentang kalkulus pembezaan dan kamiran dan aplikasinya dalam bidang ekonomi. Tajuk-tajuk yang dibincangkan termasuk had, keselajaran, pembezaan yang merangkumi pembezaan tersirat, pembezaan fungsi berbilang pemboleh ubah, aplikasi pembezaan dan pengoptimuman fungsi berbilang pemboleh ubah. Tajuk yang diliputi oleh kalkulus kamiran ialah teknik-teknik pengamiran dan penggunaannya dalam ekonomi. Selepas mengikuti kursus ini pelajar seharusnya dapat menggunakan kalkulus pembezaan dan kamiran dalam penyelesaian masalah ekonomi.

*This course provides students with the knowledge of differential and integral calculus and its application in economics. Topics discussed cover limits, continuity, differentiation, (including implicit differentiation, differentiation of multi-variable functions), applications of differentiation and optimization of multi-variable functions. The topics under integral calculus include integration techniques and their application in economics. Upon completing this course, students should be able to apply differential and integral calculus in solving economic problems.*

## **EPPE2013 MIKROEKONOMI II / MICROECONOMICS II**

Kursus ini bertujuan memberi kefahaman kepada pelajar tentang teori dan aplikasi mikroekonomi peringkat pertengahan. Kursus ini membincangkan topik-topik penting dalam mikroekonomi pertengahan yang tidak dibincangkan dalam Mikroekonomi I yang merangkumi analisis gelagat pengguna dalam ketidakpastian dan pilihan antaramasa, analisis keputusan strategik dalam pasaran input dan pasaran tidak sempurna melalui teori mainan, di samping analisis keseimbangan umum dan kegagalan pasaran. Kursus ini meliputi topik pilihan dalam ketidakpastian, permintaan aset berisiko, pilihan antaramasa, teori mainan, pasaran input, keseimbangan umum dan kecekapan, maklumat tak simetri, kesan luaran dan barangan awam. Selepas mengikuti kursus ini, pelajar dijangka dapat memahami dan berupaya menghubungkan konsep mikroekonomi pertengahan bagi menganalisis isu ekonomi sebenar, seterusnya memahami bagaimana mikroekonomi dapat menjadi alat bagi membuat keputusan dan membentuk dasar awam.

**Prasyarat: EPPE1013 Mikroekonomi I / Microeconomics I**

*This course aims to provide students with an understanding of intermediate-level microeconomics theory and its applications. It covers important topics in intermediate*

*microeconomics not addressed in Microeconomics I, including analysis of consumer behaviour under uncertainty and intertemporal choice, strategic decision-making in input and imperfect markets through game theory, as well as general equilibrium analysis and market failure. The course includes topics such as decision-making under uncertainty, risky asset demand, intertemporal choice, game theory, input markets, general equilibrium and efficiency, asymmetric information, externalities and public goods. Upon completing this course, students are expected to understand and relate the concept of intermediate microeconomics to analyze real-world economic issues and consequently understand how microeconomics can serve as a tool for decision-making and formulation of public policies.*

### **EPPE2023 MAKROEKONOMI II / MACROECONOMICS II**

Kursus ini merupakan lanjutan daripada kursus Makroekonomi I. Kursus ini bertujuan memberi fahaman kepada pelajar tentang konsep, teori dan model makroekonomi dengan penekanan kepada model ekonomi terbuka. Tajuk yang dibincangkan ialah fungsi penggunaan; pelaburan; inflasi dan pengangguran; model ekonomi klasik baru; model kitaran niaga benar; model ekonomi Keynes baru, model IS-PC-MR, keseimbangan umum pendapatan negara dalam ekonomi terbuka (model IS-LM-BP); dan pertumbuhan ekonomi dalam jangka panjang. Selepas mengikuti kursus ini pelajar seharusnya berupaya mengaplikasi teori dan model makroekonomi dalam mengenal pasti dan menyelesaikan permasalahan ekonomi.

*This course is an extension of Macroeconomics I aimed at providing students with an understanding of concepts, theories and macroeconomic models with particular emphasis on open economic models. The curriculum encompasses topics on consumption function, investment, inflation and unemployment, new classical economic model, new Keynesian economics, IS-PC-MR model, general equilibrium in an open economy (IS-LM-BP model), and long-term economic growth. Upon completion of this course, students are expected to demonstrate the ability to apply macroeconomic theories and models in identifying and addressing economic problems.*

### **EPPE2043 KAEDAH PENYELIDIKAN / RESEARCH METHOD**

Kursus ini bertujuan membincang dan mengenal pasti beberapa langkah perlu bagi menjalankan penyelidikan dalam bidang sains sosial khususnya ekonomi. Tajuk-tajuk yang dibincangkan ialah pengertian penyelidikan, etika dalam penyelidikan, pembentukan model ekonomi: model sebab akibat dan model siri masa, skala pengukuran dan pembentukannya, kaedah pungutan data dan reka bentuk borang soal selidik, kaedah pensampelan dan isu-isu yang berkaitan dengannya, memproses data dan penulisan laporan penyelidikan. Pelajar diwajibkan membuat projek penyelidikan bagi kursus ini. Selepas mengikuti kursus ini, pelajar berupaya



mengenal pasti kaedah penyelidikan dan melaksanakan suatu penyelidikan secara ilmiah dan saintifik.

*This course aims to outline the essential steps involved in conducting research within the social sciences, with focus on economics. Topics of discussion include the definition of research, ethics in research, formulation of economic models (causal models and time series models), measurement scales and their formation, data collection methods and questionnaire design, sampling methods and related issues, data processing and preparation of research report. Upon completion of this course, students are able to identify research methods, and conduct research in an academic and scientific manner.*

### **EPPE2063 EKONOMETRIK UNTUK EKONOMI DAN PERNIAGAAN / ECONOMETRICS FOR ECONOMICS AND BUSINESS**

Kursus ini bertujuan untuk memberi fahaman kepada pelajar mengenai prinsip asas dalam ekonometrik dengan memberi fokus kepada model regresi linear. Liputan kursus termasuklah pengenalan ekonometrik; regresi mudah dan berbilang; model regresi pemboleh ubah dami; masalah-masalah dalam regresi; multikolineariti, heteroskedastisiti, autokorelasi dan pemodelan ekonometrik. Selepas mengikuti kursus ini, pelajar diharap mampu menjelaskan konsep-konsep asas dalam ekonometrik, menganalisis keputusan output berdasarkan teori ekonomi, statistik dan ekonometrik dan mempamerkan kemahiran menggunakan pakej ekonometrik untuk menganalisis data ekonomi.

*This course aims to provide students with understanding of the basic principles of econometrics with focus on linear regression models. Topics covered include an introduction to econometrics, simple and multiple regression, dummy variable regression model, issues in regression analysis (including multicollinearity, heteroskedasticity, autocorrelation) and econometric modeling. Upon completing this course, students are expected to be able explain the basic concepts of econometrics, analyze the output of regression models based on economic theory, statistics and econometric and to demonstrate proficiency in using econometric software to analyze economic data.*

### **EPPE2073 EKONOMI PEMBANGUNAN / DEVELOPMENT ECONOMICS**

Kursus ini bertujuan memberi kefahaman kepada pelajar tentang konsep dan teori pertumbuhan dan pembangunan ekonomi serta pelaksanaan dasar yang diperlukan untuk memperbaiki taraf hidup penduduk di negara membangun. Fokus perbincangan tertumpu kepada aspek berkaitan struktur, proses, ciri-ciri dan masalah yang terdapat di negara membangun serta melihat punca wujudnya masalah tersebut.

Perbincangan dibahagikan kepada dua bahagian, iaitu pertama, aspek teori dan kedua, mengkaji isu-isu penting dalam proses pembangunan ekonomi. Tajuk yang dibincangkan merangkumi teori pertumbuhan dan pembangunan ekonomi, isu penduduk, migrasi, kemiskinan, sektor pertanian, sektor industri, sumber pertumbuhan ekonomi dan isu global terpilih dalam pembangunan ekonomi seperti gender, kesihatan dan alam sekitar. Selepas mengikuti kursus ini, pelajar seharusnya berupaya menganalisis secara kritis isu-isu penting dalam proses pembangunan ekonomi.

*This course aims to provide students with an understanding of theory and concept of economic growth and development, and the implementation of policies necessary to improve the living standards of the population in developing countries. The course focuses on the structure, processes, characteristics and challenges faced by developing nations and in identifying the root causes of these issues. Discussion is divided into two sections; the first section addresses the theoretical aspects, while the second, analyses key issues in the process of economic development. Topics covered include theory on economic growth and development, population growth, migration, poverty, the agriculture sector, the manufacturing sector, sources of economic growth and selected global issues in development economics, such as gender, health and environment. Upon completing this course, students are expected to be able to critically analyse significant issues in the process of economic development.*

### **EPPE2083 EKONOMI ANTARABANGSA / INTERNATIONAL ECONOMICS**

Kursus ini bertujuan memberi fahaman tentang teori dan konsep asas dalam ekonomi antarabangsa yang meliputi topik dalam ekonomi perdagangan antarabangsa dan kewangan antarabangsa. Antara topik yang dibincangkan ialah teori perdagangan antarabangsa awal dan moden, sekatan tarif dan bukan tarif, integrasi ekonomi, aliran antarabangsa faktor, imbalan pembayaran dan pasaran pertukaran asing dan sistem kewangan dunia. Di akhir kursus ini pelajar seharusnya dapat membincangkan kerelevanan teori ekonomi antarabangsa dengan isu dunia sebenar dan polisi yang berkaitan.

*This course aims to provide students with an understanding of the theory and basic concepts in international economics encompassing topics in international trade and international monetary economics. Topics discussed include the foundation of early and modern international trade theories, tariff and non-tariff barriers, trade regulations and industrial policies, trade policies for developing nations, economic integration, international factor movements, the balance of payments, exchange rate determination, exchange rate systems*

*and currency crises, and macroeconomic policy in an open economy. At the end of this course, students should be able to critically discuss the relevance of international economics theories to real-world issues and related policies.*

### **EPPE3053 EKONOMI MALAYSIA / MALAYSIAN ECONOMY**

Kursus ini bertujuan memberi fahaman kepada pelajar mengenai sejarah perkembangan dan pembangunan ekonomi Malaysia sebelum merdeka sehingga kini. Antara topik yang dibincangkan ialah struktur dan dasar pembangunan ekonomi negara dalam perspektif pembangunan domestik dan global seiring dengan pertumbuhan sektor-sektor utama negara. Selepas mengikuti kursus ini, pelajar sewajarnya mampu mengulas dan menganalisis prestasi ekonomi negara, memahami dasar kerajaan dan berupaya mengenal pasti faktor ekonomi dan sosial yang mendorong pembangunan ekonomi negara.

*This course aims to provide students with an understanding of the history of Malaysia's economic development spanning from the pre-independence era to the present day. Among the topics discussed is the structure and policies of the nation's economic development, examined from both domestic and global perspectives, in alignment with the growth of the country's key economic sectors. Upon completing this course, students should be able to review and analyze the country's economic performance, understand government policies and identify the economic and social factors driving national economic development.*

### **EPPE3996 KERTAS ILMIAH / ACADEMIC PAPER**

Kertas ilmiah merupakan hasil penulisan berbentuk esei panjang. Panjang esei ini tidak melebihi 40 halaman bertaip berjarak dua baris atau tidak melebihi 8,000 perkataan. Isi kandungannya perlu meliputi latar belakang, rasional kajian, tujuan kajian, metodologi, analisis dan rumusan kajian.

*The academic paper is a written work in the form of a long essay that should not exceed 40 typed, double-spaced pages or 8,000 words. Its content should include the background information, the rationale of the study, objectives of the study, methodology, analysis and the study's conclusions.*

### **LATIHAN INDUSTRI INDUSTRIAL TRAINING**

### **EPPE3098 LATIHAN INDUSTRI / INDUSTRIAL TRAINING**

Latihan industri memberikan pelajar peluang pembelajaran di dunia pekerjaan agar lebih bersedia dengan suasana kerja yang bakal mereka cemburi. Selain itu, kursus ini juga bertujuan memperkasakan kompetensi dan kemahiran pekerjaan pelajar dan seterusnya dapat mempertingkatkan kebolehan pasaran pelajar. Melalui kursus ini juga pelajar berpeluang menerapkan konsep, teori dan kemahiran ilmu yang diperolehi dalam bilik kuliah kepada alam pekerjaan.

**Prasyarat: Taklimat Latihan Industri yang dikendalikan oleh HEJIM**

*Industrial training provides students with an opportunity to gain practical learning experience in the professional world, equipping them to be better prepared for the job environment in which they will be employed. Additionally, this course aims to enhance students' competencies and job skills, thereby improving their marketability. Through this course students will also have the opportunity to apply the concepts, theories, and knowledge acquired in the classroom to real-world work settings.*

**KURSUS ELEKTIF  
ELECTIVE COURSES**

**EPPE1033 PERKEMBANGAN PEMIKIRAN EKONOMI / HISTORY OF ECONOMIC THOUGHT**

Kursus ini meninjau sejarah aliran ilmu ekonomi. Perbincangan bermula dari pemikiran ekonomi zaman Merkantalis sehinggalah ke zaman moden. Tinjauan dibuat terhadap sejarah aliran pemikiran pelbagai kumpulan ahli ekonomi seperti kumpulan Merkantalis, Fisiokrasi, Klasik, Marginalis, Neoklasik, Institutional, Kebajikan, Keynesian dan Chicago. Turut dibincaperancangannya ialah pendekatan ekonomi Sustainomics dan Ekonomi Syariah. Selepas mengikuti kursus ini, pelajar seharusnya dapat mengenal pasti dan membincangkan tenet-tenet penting setiap kumpulan ahli ekonomi tersebut dan sumbangan penting tokoh-tokoh ekonomi terkemuka.

*This course reviews the history of economics. Discussion ranges from the economic ideas of the Mercantile era and extend to modern times. A survey examines the historical development of various schools of economic thought, including Mercantilism, Physiocracy, Classical, Marginalist, Neoclassical, Institutional, Welfare, Keynesian and Chicago schools. It also discusses the approaches taken such as Sustainomics and Syariah Economics. Upon completing this course, students should be able to identify and discuss the*

*important tenets of each school of thought and the important contributions of leading economic figures.*

### **EPPE2033 PRINSIP EKONOMI ISLAM / PRINCIPLE OF ISLAMIC ECONOMICS**

Kursus ini bertujuan memberi kefahaman kepada pelajar mengenai prinsip-prinsip asas ekonomi Islam yang perlu diterapkan dalam setiap topik yang dibincangkan. Antara topik utama yang dibincangkan ialah penggunaan, pengeluaran, peranan pemerintah, pasaran, dasar monetari dan fiskal, perancangan dan pembangunan. Selepas mengikuti kursus ini, pelajar seharusnya dapat memahami kegiatan ekonomi berasaskan prinsip syariah demi mendapat rahmat, keberkatan dan keredhaan Allah

*This course aims to provide students with an understanding of the basic principles of Islamic economics which should be incorporated into each topic discussed. The main topics include consumption, production, the role of government, markets, monetary and fiscal policies, planning, and development. Upon completing this course, students should be able to understand economic activities based on Syariah principles, in order to obtain the blessings, grace and pleasure of Allah.*

### **EPPE2093 PERANCANGAN DAN PENILAIAN PROJEK / PLANNING AND PROJECT EVALUATION**

Kursus ini bertujuan memberi kefahaman tentang teori perancangan pembangunan dan penilaian projek. Kursus ini terbahagi kepada dua bahagian. Bahagian pertama memberi tumpuan terhadap perancangan pembangunan yang meliputi topik berkaitan kepentingan perancangan pembangunan; jenis, matlamat, alat, model dan proses perancangan pembangunan. Pengalaman perancangan pembangunan di Malaysia turut dibincangkan. Bahagian kedua menjelaskan konsep dan kaedah penilaian projek (kitaran projek, kriteria pelaburan dan pembentukan aliran tunai terdiskaun) serta hubungannya dengan perancangan pembangunan. Di akhir kursus, pelajar dapat membincang dan menilai proses pelaksanaan perancangan pembangunan dan penilaian projek serta kaitannya dengan pembangunan sesebuah negara.

*The aim of this course is to provide an understanding of development planning theory and project evaluation. It is divided into two parts. The first part focuses on development planning, its types, goals, tools, models, and development planning processes. The development planning experience in Malaysia is also discussed. The second explains the concepts and methods of project evaluation (project cycles, investment criteria, and the preparation of*

*discounted cash flows), as well as their relationship to development planning. By the end of the course students will be able to discuss and evaluate the implementation process of development planning and project evaluation, as well as their relevance to a nation's development.*

### **EPPE2113 ORGANISASI INDUSTRI / INDUSTRIAL ORGANIZATION**

Kursus ini membincangkan isu-isu dalam bidang organisasi industri. Matlamat utama kursus ini adalah untuk meningkatkan pengetahuan pelajar berkaitan bidang organisasi industri moden. Fokus kursus ini adalah untuk memberi pengetahuan yang berkaitan dengan gelagat firma, struktur pasaran dan interaksi strategik di antara firma. Pasaran yang akan dibincangkan ialah pasaran persaingan sempurna, monopoli dan oligopoli. Di samping itu, kesan daripada persekitaran struktur pasaran juga akan turut dibincangkan. Antara kesan tersebut ialah diskriminasi harga, kepelbagaian produk, pengiklanan, kesejahteraan masyarakat, penggabungan serta ikatan produk. Selepas mengikuti kursus ini pelajar seharusnya boleh memahami dan menerangkan aspek yang berkaitan dengan ciri-ciri organisasi industri yang wujud dalam pelbagai bentuk pasaran dan tingkah laku masing-masing.

*This course examines issues in the field of industrial organization. Its main goal is to enhance students' knowledge related to the field of modern industrial organization. Its focus is to provide knowledge related to firm behavior, market structure and strategic interactions between firms. Markets discussed include perfect competition, monopoly and oligopoly. In addition, the impacts of market structure on various aspects will also be discussed, such as price discrimination, product diversity, advertising, social welfare, product bundling and tying. At the end of this course, students should be able to understand and explain aspects related to the characteristics of industrial organization across different market forms and their respective behaviors.*

### **EPPE2123 STATISTIK UNTUK KAJIAN INDUSTRI / STATISTICS FOR INDUSTRIAL RESEARCH**

Kursus ini menggabungkan teori statistik dan organisasi industri untuk menganalisis prestasi industri dalam ekonomi. Matlamat utama kursus ini adalah untuk meningkatkan pengetahuan pelajar berkenaan kajian empirikal yang berkaitan dengan organisasi industri moden. Bahagian awal kursus ini memfokus kepada kaedah penilaian kualiti produk dalam proses pengeluaran firma. Seterusnya, kursus ini memfokus kepada hubungan antara kajian industri dan statistik. Dalam bahagian ini pelajar dapat mempelajari konsep statistik penakbiran dan kaitannya dengan teori organisasi industri. Pemahaman pelajar dapat ditingkatkan lagi dengan menunjukkan hasil kajian empirikal yang pernah dibuat. Di samping itu, kesan

persekitaran struktur pasaran juga akan dibincangkan dengan mempelajari beberapa ukuran struktur pasaran yang digunakan dalam bidang organisasi industri seperti darjah penumpuan dan indeks pengeluaran. Selepas mengikuti kursus ini, pelajar boleh memahami kaedah-kaedah statistik yang diaplikasikan dalam industri, melakukan pensampelan, mentafsirkan carta kawalan, menilai kualiti produk dan membuat keputusan.

*This course integrates statistical theory and industrial organization theory to analyse industrial performance within an economic context. The main goal of this course is to enhance students' knowledge on empirical studies that are related to modern industrial organizations. The initial segment of this course focuses on methods of assessing product quality in the production processes of firms. Subsequently, the course focuses on the relationship between industrial studies and statistics. In this section, students will explore the concept of inferential statistics and its relation to the theory of industrial organization. Students' comprehension will be further deepened through the study of results from empirical research. In addition, the impact of market structure will also be discussed, through exploring various market measures used in the field of industrial organization, such as the degree of concentration and index of production. Upon completing this course, students will be able to understand statistical methods applied in industry, conduct sampling, interpret control charts, evaluate product quality and make informed decisions.*

### **EPPE2133 KERAJAAN DAN PEMBANGUNAN INDUSTRI / GOVERNMENT AND INDUSTRIAL DEVELOPMENT**

Kursus ini membincangkan peranan kerajaan dalam membangunkan sektor pembuatan di Malaysia. Tajuk utama yang dibincangkan ialah penglibatan kerajaan, institusi dan insentif yang disediakan dalam proses industrialisasi negara. Tajuk-tajuk lain seperti sumber untuk pembangunan industri, cabaran dan prospek perindustrian turut dibincangkan bagi menangani persaingan global di alaf baru. Di akhir kursus, pelajar seharusnya dapat merangka dasar industri dan perdagangan untuk membangunkan sektor pembuatan.

*This course examines the role of the government in developing the manufacturing sector in Malaysia. The main topics discussed include the involvement of government, institutions and incentives provided in the process of the country's industrialization. Other topics, such as resources for industrial development, challenges and prospects of industrialization, are also expored to address global competition in the new millenium. By the end of the course, students should be able to formulate industrial and trade policies to advance the manufacturing sector.*

### **EPPE2213 EKONOMI MONETARI / MONETARY ECONOMICS**

Kursus ini membincangkan teori dan aplikasi penawaran dan permintaan wang. Daripada aspek penawaran wang, perbincangan difokuskan kepada struktur sistem kewangan, peranan bank pusat, teori penentu penawaran wang dan pelbagai alat dasar monetari. Daripada aspek permintaan pula, perbincangan tertumpu kepada teori permintaan wang Klasik, Keynesian dan Friedman serta kajian empirik terhadap fungsi permintaan wang. Selain itu, teori penentuan kadar bunga, kelakuan kadar bunga, struktur tempoh kadar bunga, pelaksanaan dasar kewangan dan proses mekanisme transmisi juga turut dibincangkan. Selepas mengikuti kursus ini, pelajar seharusnya dapat menerangkan aspek penawaran dan permintaan wang dan membincangkan proses dan strategi dasar kewangan dalam ekonomi.

*This course discusses the theory and application of money supply and demand. From the aspect of money supply, the discussion focuses on the structure of financial system, the role of central banks, the theory of money supply determination, and various tools of monetary policy. From the demand side, the course focuses on the Classical, Keynesian and Friedman's theories of money demand, and empirical studies on the money demand function. In addition, the theory of interest rate determination, interest rate behaviour, term-structure of interest rate, implementation of financial policies, and the transmission mechanism process are also discussed. Upon completing this course, students should be able to explain the aspects of money supply and money demand and examine the processes and strategies of monetary policy in the economy.*

### **EPPE2223 PERBELANJAAN AWAM / PUBLIC FINANCE**

Kursus ini bertujuan untuk mengkaji kegiatan ekonomi kerajaan daripada aspek perbelanjaan yang berasaskan pengalaman Malaysia. Penumpuan perbincangan diberikan terhadap topik kegagalan mekanisme pasaran yang memerlukan campur tangan kerajaan, analisis pembekalan optimum barang awam tulen dan tidak tulen, eksternaliti pengeluaran dan penggunaan, masalah pasaran monopoli dalam ekonomi, isu agihan optimum polisi fiskal dalam pilihan awam serta penentuan prinsip penilaian perbelanjaan awam. Selepas mengikuti kursus ini, pelajar seharusnya boleh menganalisis teori pertumbuhan perbelanjaan awam, struktur dan prestasi perbelanjaan awam di Malaysia.

*This course aims to study government economic activities from the perspective of expenditure, based on Malaysia's experience. The discussion will focus on topics such as market mechanism failures requiring government intervention, the analysis of optimal supply of pure and impure public goods, externalities of production and consumption, monopoly market issues in the economy, issues of optimal distribution of fiscal policy in public choice, and determination of public expenditure evaluation principles. Upon completing this course,*



*students should be able to analyze the theory of public expenditure growth, as well as the structure and performance of public expenditure in Malaysia.*

### **EPPE2323 PENGANTAR PENYELIDIKAN KENDALIAN / INTRODUCTION TO OPERATIONAL RESEARCH**

Kursus ini bertujuan membincangkan kaedah-kaedah pengoptimuman asas dalam bidang penyelidikan kendalian. Antara tajuk yang akan dibincangkan adalah pengenalan kepada penyelidikan kendalian dan aplikasinya di Malaysia, pemrograman linear, kaedah simpleks dan ciri-ciri penyelesaian. Analisis kepekaan dan analisis selepas keoptimuman, masalah dual dan hubungannya dengan masalah primal turut dibincangkan. Perbincangan tentang model pengangkutan dan model peruntukan, model rangkaian dan penjadualan projek (PERT/CPM) mengakhiri kursus ini. Selepas mengikuti kursus ini, pelajar diharapkan berupaya menjelaskan konsep-konsep asas dalam penyelidikan kendalian, mengaplikasikan teknik-teknik penyelidikan kendalian yang sesuai untuk menyelesaikan model kuantitatif dan menghubungkan penyelesaian yang diperoleh daripada model kuantitatif dengan persekitaran permasalahan.

*This course aims to discuss basic optimization methods in the field of operational research. The topics to be covered are an introduction to operational research and its applications in Malaysia, linear programming, the simplex methods, and solution characteristics. Sensitivity analysis and post-optimization analysis, dual problems and their relationship with primal problems, will also be discussed. The course concludes with discussion on transportation and allocation models, network models and project scheduling (PERT/CPM). Upon completing this course, students are expected to be able to explain the basic concepts of operational research, apply appropriate operational research techniques to solve quantitative models, and relate the solutions obtained from the quantitative model to real-world problem environments.*

### **EPPE2363 ANALISIS STATISTIK EKONOMI / ECONOMIC STATISTICS ANALYSIS**

Kursus ini bertujuan memberi fahaman tentang teknik menganalisis data ekonomi dengan menggunakan perisian SPSS dan Microsoft Excel. Perbincangan meliputi statistik dan analisis data, pengenalan kepada SPSS, pemerihal data secara visual dan numerik, ujian hipotesis, analisis korelasi dan regresi, analisis kebolehpercayaan. Selepas mengikuti kursus ini, pelajar seharusnya berupaya untuk mengaplikasikan teknik yang sesuai untuk menganalisis data ekonomi dengan menggunakan perisian statistik dan menganalisis keputusan output secara logik dan kritis.

*This course aims to provide an understanding of techniques for analysing economic data using SPSS and Microsoft Excel software. Discussions will include statistics and data analysis, an introduction to SPSS, visual and numerical description of data, hypothesis testing, correlation and regression analysis, and reliability analysis. Upon completing this course, students should be able to apply appropriate techniques in analyzing economic data using statistical software and produce logical and critical analyses of the output results.*

### **EPPE2413 ANALISIS EKONOMI ISLAM / ISLAMIC ECONOMICS ANALYSIS**

Kursus ini bertujuan memberi fahaman dan kemahiran menganalisis kemungkinan kesan perubahan sikap dan gelagat agen ekonomi daripada amalan ekonomi konvensional kepada ekonomi Islam. Pelajar akan diperkenalkan kepada gelagat dan peranan agen ekonomi sebelum dan selepas perubahan sikap, serta implikasi perubahan sikap terhadap aktiviti ekonomi. Perbincangan meliputi teori ekonomi yang lazim seperti penggunaan, pengeluaran, sistem pasaran, agihan pendapatan faktor, keseimbangan pendapatan negara dan dasar ekonomi negara. Di akhir kursus, pelajar seharusnya dapat menganalisis kesan perubahan sikap dan gelagat agen ekonomi ke atas kebajikan ekonomi dan rohani serta ekonomi negara secara agregat.

*This course aims to provide an understanding and skills needed to analyse the potential effects of changes in the attitudes and behaviors of economic agents from conventional economic practices to Islamic economics. Students will be introduced to the behaviors and roles of economic agents before and after such attitude changes, as well as the implications of these changes on economic activities. Discussions will encompass common economic theories such as consumption, production, market systems, income distribution of factors, national income equilibrium, and national economic policies. Students should, by the end of the course, be able to analyze the effects of changes in the attitudes and behaviors of economic agents on their economic and spiritual well-being, as well as the national economy as a whole.*

### **EPPE2423 PENGENALAN KEPADA FIQH EKONOMI / FIQH FOR ECONOMISTS**

Kursus ini bertujuan memberi fahaman tentang kontrak muamalat yang digunakan dalam aktiviti ekonomi. Pelajar akan diperkenalkan kepada konsep dan aplikasi sesuatu kontrak dalam amalan sebenar. Perbincangan akan meliputi konsep asas fiqh iaitu hak, milik dan harta, dan beberapa kontrak muamalat seperti kontrak jualbeli, salam, istisna' wadiah, wakalah, kafalah, hawalah, ijarah, qard, rahnu, musyarakah, dan mudarabah. Selepas mengikuti kursus ini pelajar seharusnya dapat memahami beberapa kontrak muamalat dan boleh mengaplikasikan dalam amalan kewangan Islam semasa.

*This course aims to provide an understanding of muamalat contracts used in economic activities. Students will be introduced to the concepts and practical applications of a contract in actual practice. Discussion will cover the basic concepts of fiqh, namely rights, ownership, and property, and several muamalat contracts such as sales and purchase contracts, salam, istisna 'wadi'ah, wakalah, kafalah, hawalah, ijarah, qard, rahn, musyarakah, and mudarabah. On completing this course students should be able to understand some muamalat contracts and be able to apply them within current Islamic financial practices.*

### **EPPE2433 PERBANKAN ISLAM / ISLAMIC BANKING**

Kursus ini bertujuan mendedahkan pelajar dengan prinsip dan operasi perbankan Islam. Pelajar diberi fahaman mengenai rasional pengharaman riba yang membawa kepada penubuhan perbankan Islam, serta hubungan di antara perbankan Islam dengan pelanggan. Seterusnya, pelajar diperkenalkan dengan prinsip muamalat utama yang mendasari operasi perbankan Islam. Perbincangan dalam kursus ini meliputi aspek pengoperasian, pengurusan dan pengawalseliaan perbankan Islam, serta pengurusan modal, aset dan liabiliti. Setelah mengikuti kursus ini, pelajar akan dapat mengaplikasikan pengetahuan mengenai prinsip muamalat dalam operasi perbankan Islam. Selain itu, pelajar juga memperoleh pengetahuan mengenai kaedah pengurusan modal, aset dan liabiliti serta aplikasi perbankan digital dalam operasi pasaran perbankan Islam semasa.

*This course aims to expose students to the principles and operations of Islamic banking. Students will gain an understand of the rationale behind the illegitimacy of riba, which led to the establishment of Islamic banking, as well as the relationship between Islamic banks and customers. Additionally, students will be introduced to the main principles of muamalat banking that underlie Islamic banking operations. The course covers aspects of Islamic banking operations, management, and regulation, as well as capital, asset and liability management. Upon completing the course, students will be able to apply their knowledge on the principles of muamalat in Islamic banking operations. In addition, students will also gain knowledge on methods of capital management, asset and liability management and the application of digital banking in the operation of the current Islamic banking market.*

### **EPPE2453 PASARAN WANG DAN MODAL ISLAM / ISLAMIC CAPITAL AND MONEY MARKET**

Kursus ini membincangkan mengenai dua buah pasaran kewangan yang penting, iaitu pasaran wang Islam dan pasaran modal Islam. Pelajar akan diperkenalkan kepada prinsip dan amalan pasaran wang dan modal Islam di Malaysia. Perbincangan akan meliputi rangka kerja perundangan, institusi, peserta, instrumen dan produk dan perkhidmatan yang ditawarkan oleh pasaran wang dan modal Islam,

khususnya di Malaysia. Selepas mengikuti kursus ini, pelajar seharusnya dapat menerangkan aplikasi teknologi kewangan dalam pasaran wang dan modal Islam semasa di Malaysia.

*This course discusses two important financial markets, namely the Islamic money market and the Islamic capital market. Students will be introduced to the principles and practices of the Islamic money and capital market in Malaysia. Discussions will cover the legal framework, institutions, participants, instruments and products and services offered by these markets, particularly in Malaysia. On completion of this course, students should be able to explain the application of financial technology in contemporary Islamic money and capital markets in Malaysia.*

### **EPPE2513 ANALISIS DEMOGRAFI EKONOMI / DEMOGRAPHY ECONOMICS ANALYSIS**

Kursus ini bertujuan mempelajari teknik asas berhubung analisis demografi daripada perspektif ekonomi. Tajuk yang dibincangkan meliputi pengukuran asas demografi; pembinaan jadual hayat; analisis fertiliti dan mortaliti; model populasi; tenaga buruh dan migrasi; kaedah penganggaran dan pelunjuran populasi; dan penggunaan jadual 'multiple decrement' dalam demografi ekonomi. Selepas mengikut kursus ini pelajar harus dapat menjelaskan komponen-komponen penting demografi, menggunakan teknik asas, menganalisis dan membuat unjuran berhubung kependudukan.

*This course aims to study the basic techniques of demographic analysis from an economic perspective. Topics discussed include basic demographic measurements, life table construction, fertility and mortality analysis, population models, labour force and migration, population estimation and projection methods, and the use of 'multiple decrement' tables in economic demography. Upon completing this course students should be able to explain the important components of demography, apply basic techniques, analyze population data, and make population projections.*

### **EPPE2533 PERTUMBUHAN EKONOMI DAN AGIHAN / DISTRIBUTION AND ECONOMICS GROWTH**

Kursus ini bertujuan memberi kefahaman kepada pelajar mengenai isu pertumbuhan ekonomi dan agihan pendapatan dikalangan penduduk negara dunia khususnya di negara membangun. Perkara-perkara yang dibincangkan termasuklah konsep pertumbuhan, pembangunan, agihan pendapatan, kemiskinan dan guna tenaga; teori agihan pendapatan, kemiskinan dan guna tenaga; pengukuran agihan pendapatan dan kemiskinan; impak dan sebab-sebab ketaksetaraan agihan pendapatan; kemiskinan, guna tenaga serta peranan institusi dalam mengurangkan

ketaksetaraan agihan pendapatan dan kemiskinan. Kajian kes berkait hubungan proses pertumbuhan dengan agihan pendapatan dan kemiskinan juga turut dibincangkan. Di akhir kursus pelajar diharap dapat menerangkan hubung kait antara pertumbuhan ekonomi dengan agihan pendapatan, kemiskinan dan guna tenaga serta berupaya membincang dan menilai keberkesanan peranan institusi dalam mengurangkan ketidaksetaraan agihan pendapatan, kemiskinan dan guna tenaga.

*This course aims to provide students with an understanding of the issues of economic growth and income distribution among the world's population, especially in developing countries. Topics discussed include the concepts of growth, development, income distribution, poverty and employment; including theories of income distribution; poverty, employment; and the role of institutions in reducing income inequality and poverty. Case studies related to the relationship between growth processes and income distribution and poverty are also examined. By the end of the course, students are expected to explain the relationship between economic growth and income distribution, poverty and employment and be able to discuss and evaluate the effectiveness of the role of institutions in reducing income inequality, poverty and employment.*

### **EPPE3143 EKONOMI PERDAGANGAN ANTARABANGSA / INTERNATIONAL TRADE ECONOMICS**

Kursus ini adalah lanjutan daripada topik ekonomi antarabangsa. Pembincangan dalam kursus ini merangkumi teori, polisi dan aplikasi dalam ekonomi perdagangan antarabangsa. Tajuk-tajuk utama yang dibincangkan meliputi teori perdagangan antarabangsa klasik dan moden, kesan perdagangan ke atas agihan pendapatan dan kebajikan penduduk, sekatan perdagangan yang berkaitan dengan tarif dan sekatan bukan tarif serta hujah yang menyokong kepada halangan perdagangan antarabangsa. Di samping itu, isu-isu dan tajuk berkaitan integrasi ekonomi, pertumbuhan dan mobiliti antarabangsa faktor pengeluaran serta kemajuan teknikal dan hubungan mereka dengan kadar syarat perdagangan, jumlah perdagangan antarabangsa dan kebajikan ekonomi negara turut dibincangkan. Selepas mengikuti kursus ini pelajar berupaya mengaplikasikan konsep dan polisi, membandingkan teori perdagangan antarabangsa dan mampu membuat penyelidikan berkaitan isu ekonomi perdagangan antarabangsa.

*This course is a continuation of topics in international economics. The discussions encompass theories, policies and applications in the economics of international trade. Key topics covered include classical and modern theories of international trade, the impact of*

*trade on income distribution and welfare of the population, tariff and non-tariff trade restrictions, and arguments supporting international trade barriers. In addition, the course addresses issues and topics related to economic integration, growth and international mobility of production factors, as well as technical advancements and their relationship with terms of trade, international trade volume and national economic welfare. Upon completing this course, students will be able to apply concepts and policies, compare theories of international trade and conduct research related to economic issues of international trade.*

### **EPPE3153 EKONOMI INDUSTRI DAN PERNIAGAAN ANTARABANGSA / INTERNATIONAL INDUSTRIAL ECONOMICS**

Kursus ini bertujuan membincang dan menganalisis kedinamikan industri dan perniagaan antarabangsa akibat daripada perubahan teknologi. Aspek-aspek penting yang diliputi ialah perkembangan terkini perdagangan antarabangsa dan industri; dari konsep faedah berbanding kepada konsep faedah daya saing; teori ekonomi jaringan dan sistem kompleks; dan persaingan dalam produk berteknologi masa kini dan akan datang dengan aplikasi teori teknologi berterusan berlawanan dengan inovasi teknologi memusnah. Selepas mengikuti kursus ini pelajar boleh memahami dan membincangkan ciri-ciri penting industri dan perniagaan yang melibatkan pelaburan serta firma antarabangsa terutamanya dalam industri berorientasi teknologi terkini.

*This course aims to discuss and analyze the dynamics of international industry and business arising from technological advancement. Important aspects covered are the latest developments in international trade and industry, the transition from the concept of comparative advantage to competitive advantage, network economics theory and complex systems, and competition in current and future technology-based products, applying the theories of sustaining versus destructive technological innovation. Upon completing this course, students will be able to understand and discuss the important features of industries and businesses involving investments as well as international firms, especially in the latest technology-oriented industries.*

### **EPPE3213 EKONOMI MONETARI ANTARABANGSA / INTERNATIONAL MONETARY ECONOMICS**

Kursus ini adalah lanjutan daripada topik ekonomi antarabangsa. Perbincangan merangkumi teori dan aplikasi dalam ekonomi monetari antarabangsa. Tajuk-tajuk utama yang dibincangkan meliputi akaun imbalan pembayaran, pasaran pertukaran asing, pendekatan kewangan dan pendekatan imbalan portfolio, mekanisme pelarasan harga, dasar ekonomi terbuka di bawah sistem kadar pertukaran fleksibel dan sistem kadar pertukaran tetap, harga dan output dalam ekonomi terbuka dengan menggunakan pendekatan agregat, isu pemilihan sistem

kadar pertukaran serta sejarah dan prospek sistem kewangan antarabangsa. Selepas mengikuti kursus ini, pelajar berupaya mengaplikasikan teori dan konsep asas ekonomi moneteri antarabangsa dalam konteks semasa serta mampu membuat penyelidikan dan membahaskan isu-isu yang berkaitan dengan ekonomi moneteri antarabangsa

*This course is a continuation of topics in international economics, covering theories and applications in international monetary economics. Key topics include balance of payments accounts, foreign exchange markets, the monetary and portfolio balance approaches, price adjustment mechanism, open economic policy under flexible and fixed exchange rate systems, prices and output in an open economy using the aggregate approach, the issue of choosing an exchange rate system as well as the history and prospects of the international financial system. Upon completing the course, students are able to apply basic theories and concepts of international monetary economics to contemporary contexts, as well as conduct research and discuss issues related to international monetary economics.*

### **EPPE3223 EKONOMI PENCUKAIAN / EKONOMI PENCUKAIAN TAXATION ECONOMICS**

Kursus ini bertujuan membincangkan kegiatan kerajaan dari aspek pencukaian yang berasaskan pengalaman Malaysia. Penumpuan diberikan terhadap analisis kesaksamaan cukai, kesan beban cukai dari aspek kecekapan dan taburan, pencukaian dalam ekonomi terbuka, cukai jualan, cukai pengeluaran terutama cukai eksais, cukai kekayaan, hartanah dan harta pusaka, serta federalisme fiskal dan pembiayaan kerajaan negeri dan tempatan. Selepas mengikuti kursus ini, pelajar seharusnya boleh menganalisis prestasi dan kesan amalan sesuatu cukai dari aspek kecekapan dan kesaksamaan secara kualitatif dan kuantitatif.

*This course aims to discuss government activities from the aspect of taxation based on Malaysia's experience. The focus is on tax equity analysis, the impacts of tax burden on efficiency and distribution, taxation in an open economy, sales tax, production tax especially excise tax, wealth tax, real estate and inheritance tax, as well as fiscal federalism and state and local government financing. By the end of the course, students should be able to analyze the performance and impact of tax practices in terms of efficiency and equity using both qualitative and quantitative approaches.*

### **EPPE3253 EKONOMI KEWANGAN MIKRO / ECONOMICS OF MICROFINANCE**

Kursus ini membincangkan teori dan aplikasi dalam bidang ekonomi kewangan mikro. Antara topik yang dibincangkan ialah teori pelaburan portfolio yang terdiri daripada analisis min-varian (model Markowitz) dan model keseimbangan pasaran

modal yang terdiri daripada model CAPM, perletakan harga arbitraj, dan model multi faktor CAPM. Selain itu, kaedah untuk membentuk dan mengira sempadan portfolio yang cekap serta model penilaian pelaburan portfolio juga dibincangkan. Perbezaan antara pasaran modal, pasaran opsyen, pasaran hadapan dan mikro kredit juga dibincangkan. Akhir sekali, konsep kecekapan pasaran dan strategi penentuan harga di pasaran opsyen dan pasaran hadapan juga dibincangkan secara teori dan berdasarkan pengalaman di negara Malaysia.

*This course discusses theories and applications in the field of micro-financial economics. Among the topics discussed include portfolio investment theory, comprising mean-variance analysis (Markowitz model) and capital market equilibrium models, such as the CAPM model, arbitrage pricing, and multi-factor CAPM models. In addition, methods for formulating and calculating efficient portfolio frontiers, as well as portfolio investment valuation models are also examined. The course also explored the differences between capital markets, options markets, futures markets, and microcredit. Finally, the concepts of market efficiency and pricing strategies in options and futures markets are discussed both theoretically and based on experiences in Malaysia.*

### **EPPE3273 EKONOMI DASAR SOSIAL / ECONOMICS OF SOCIAL POLICY**

Kursus ini bertujuan mengkaji peranan modal manusia dalam pasaran buruh dan ekonomi serta dasar kebajikan sosial. Pelajar diberi pencerahan teori modal manusia, khususnya dalam sektor pendidikan dan kesihatan, serta impaknya dalam dasar kebajikan sosial. Selain itu, pembiayaan dalam sektor pendidikan, kesihatan, perumahan, kebajikan am dan keselamatan sosial juga dibincangkan. Pendekatan mikroekonomi digunakan untuk menganalisis sebarang dasar yang dibentuk oleh kerajaan khususnya dasar sosial. Di akhir kursus, pelajar seharusnya dapat menilai permasalahan sosial dari segi ekonomi, menerangkan kepentingan kecekapan dan ekuiti dalam penentuan objektif sosial serta menerangkan rasional campur tangan kerajaan dalam mengatasi masalah sosial.

*This course aims to study the role of human capital in the labor market and the economy, as well as social welfare policy. Students are given explanation on the theory of human capital, particularly in the education and health sectors, and its impact on social welfare policy. In addition, financing in the education, health, housing, general welfare and social security sectors is also discussed. The microeconomic approach is used to analyse government policies, especially those related to social policy. By the end of the course, students should be able to evaluate social problems in economic terms, explain the importance of efficiency and equity in determining social objectives, and articulate the rationale for government intervention in overcoming social issues.*



### **EPPE3313 EKONOMETRIK PERTENGAHAN / INTERMEDIATE ECONOMETRICS**

Kursus ini adalah kursus lanjutan bagi Ekonometrik. Kursus ini bertujuan memberi fahaman tentang penggunaan kaedah ekonometrik lanjutan dalam pembentukan dan penganggaran model. Perbincangan meliputi lanjutan pengujian hipotesis dalam model regresi berbilang, spesifikasi model dan ujian diagnostik, model lat tertabur dan autoregresif, model sistem persamaan dan model respon kualitatif. Selepas mengikuti kursus ini, pelajar seharusnya berupaya untuk mengaplikasikan kaedah ekonometrik yang sesuai dalam kajian empirikal dan menganalisis keputusan output berdasarkan teori ekonomi, statistik dan ekonometrik.

*This course is a continuation of Econometrics aimed at providing an understanding of the use of advanced econometric methods for model formulation and estimation. The topics covered include advanced hypothesis testing in multiple regression models, model specification and diagnostic testing, distributed lag autoregressive models, simultaneous equation models, and qualitative response models. Upon completing this course, students should be able to apply appropriate econometric methods in empirical studies and analyze the results based on economic theory, statistics, and econometric principles.*

### **EPPE3323 STATISTIK PENAKBIRAN / INFERENTIAL STATISTICS**

Kursus ini bertujuan memberi fahaman tentang konsep dan teori asas statistik penakbiran. Perbincangan akan meliputi pemboleh ubah rawak dan taburan kebarangkalian, jangkaan matematik, taburan khusus pemboleh ubah diskrit dan selanjar, fungsi pemboleh ubah, taburan pensampelan, teori dan aplikasi penganggaran serta teori dan aplikasi ujian hipotesis. Selepas mengikuti kursus ini pelajar seharusnya dapat memahami beberapa teori statistik penakbiran dan boleh mengaplikasikan dalam analisis ekonomi.

*This course aims to provide an understanding of the basic concepts and theories of inferential statistics. Discussions will cover random variables and probability distributions, mathematical expectations, specific distributions of discrete and continuous variables, functions of variables, sampling distributions, estimation theory and applications, as well as hypothesis testing theory and applications. Upon completion of this course students should be able to understand key theories of inferential statistics and apply these in economic analysis.*

### **EPPE3353 ANALISIS SIRI MASA DAN PERAMALAN / TIME SERIES ANALYSIS AND FORECASTING**

Kursus ini bertujuan memberi fahaman tentang konsep peramalan dan kaedah menganalisis data siri masa dengan menggunakan model univariat dan multivariat.

Perbincangan meliputi konsep asas dan penilaian prestasi peramalan, analisis awalan data siri masa, model regresi siri masa, penguraian data siri masa, teknik pelicinan eksponen, model ARIMA tidak bermusim dan bermusim, kointegrasi dan model pembetulan ralat. Selepas mengikuti kursus ini pelajar seharusnya dapat mengaplikasi kaedah analisis siri masa yang sesuai dalam kajian empirikal dan membuat peramalan berdasarkan model siri masa yang digunakan.

*This course aims to provide an understanding of forecasting concepts and methods for analyzing time series data using univariate and multivariate models. Topics covered include the basic concepts and evaluation of forecasting performance, preliminary analysis of time series data, time series regression models, time series decomposition, exponential smoothing techniques, non-seasonal and seasonal ARIMA models, cointegration, and error correction models. By the end of the course students should be able to apply appropriate time series analysis methods in empirical studies and make forecasts based on the time series models used.*

### **EPPE3413 DASAR FISKAL DAN KEWANGAN ISLAM / ISLAMIC FISCAL AND MONETARY POLICY**

Kursus ini bertujuan memberi fahaman tentang dasar fiskal monetari Islam. Perbincangan akan meliputi peranan pemerintah Islam dalam ekonomi, struktur sistem dan dasar fiskal, struktur sistem dan dasar monetari, serta keberkesanan dasar fiskal dan monetari Islam. Di akhir kursus, pelajar seharusnya dapat membincangkan kesan pelaksanaan dasar fiskal dan monetari Islam dalam konteks ekonomi Malaysia.

*This course aims to provide an understanding of Islamic fiscal and monetary policies. Discussions will cover the role of Islamic government in the economy, the structure of the fiscal system and policies, the structure of the monetary system and policies, and the effectiveness of Islamic fiscal and monetary policies. By the end of the course, students should be able to discuss the impact of implementing Islamic fiscal and monetary policies within the context of the Malaysian economy.*

### **EPPE3433 PERBANDINGAN SISTEM EKONOMI / COMPARATIVE ECONOMIC SYSTEMS**

Kursus ini bertujuan untuk menjelaskan kepelbagaian sistem ekonomi yang diamalkan di dunia, ciri-ciri dan aplikasinya dalam konteks semasa. Pelajar akan diperkenalkan kepada jenis-jenis sistem ekonomi di dunia iaitu sistem ekonomi kapitalis, sosialis dan juga sistem ekonomi Islam. Perbincangan juga meliputi amalan setiap sistem ekonomi ini, kebaikan dan juga keburukan yang terdapat pada

setiap sistem ini. Selain itu, perbincangan mengenai isu-isu semasa, cabaran-cabaran serta pendekatan dan juga penyelesaian yang disarankan oleh setiap sistem ini turut ditekankan. Selepas mengikuti kursus ini pelajar berupaya menjelaskan prinsip-prinsip dan membezakan antara setiap sistem ekonomi serta menilai aplikasinya dalam konteks semasa.

*This course aims to explain the diversity of economic systems practiced worldwide, their characteristics and applications in the contemporary context. Students will be introduced to the main types of global economic systems, namely the capitalist, the socialist, and also the Islamic economic systems. The discussion also covers the practices, the advantages and disadvantages of each of each system. In addition, the course will emphasise current issues and challenges, as well as approaches and solutions proposed by each system. By the end of this course students should be able to explain the principles, differentiate between each economic system and evaluate their applications in the current context.*

### **EPPE3453 PERANCANGAN KEWANGAN DAN PENGURUSAN HARTA ISLAM / ISLAMIC WEALTH MANAGEMENT AND FINANCIAL PLANNING**

Kursus ini dibentuk untuk memberikan pendedahan kepada pelajar mengenai perancangan kewangan dan pengurusan harta mengikut Islam. Kandungan kursus ini merangkumi tajuk-tajuk berikut:- pengenalan kepada pengurusan harta dan perancangan kewangan, kod etika perancang kewangan, proses perancangan kewangan, pengukuran kesihatan kewangan, pengurusan tunai, kecairan dan hutang, perlindungan harta, penyucian harta, perancangan cukai, perancangan pelaburan, persaraan dan perancangan harta pusaka. Di akhir pembelajaran, pelajar akan dibimbing untuk menyediakan satu pelan perancangan kewangan individu dengan mengambil kira matlamat kewangan mereka di dunia dan matlamat kehidupan Ukhrawi.

*This course is designed to expose students to financial planning and wealth management from an Islamic perspective. The course content includes the following topics: an introduction to wealth management and financial planning, code of ethics for financial planners, financial planning process, financial health assessment, cash, liquidity and debt management, wealth protection, wealth purification, tax planning, investment planning, retirement planning, and estate planning. By the end of this course, students will be guided to develop an individual financial plan, taking into account their worldly financial goals as well as their spiritual objectives for the Hereafter.*

### **EPPE3463 USUL DAN KAEDAH FIQH DALAM EKONOMI / PRINCIPLES OF ISLAMIC JURISPRUDENCE AND LEGAL MAXIMS IN ECONOMICS**

Kursus ini bertujuan memperkenalkan asas kepada teori, prinsip dan kaedah pembinaan hukum fiqh dalam syariat Islam, khususnya yang berkaitan dengan bidang muamalat. Kursus ini memberi fokus kepada teori-teori yang terdapat di dalam Usul Fiqh dan Qawaid Fiqh. Perbincangan dalam Usul Fiqh akan merangkumi aspek konsep, teori hukum syarak, sumber hukum, Maqasid Syariah dan juga ijtihad serta taqlid. Manakala dalam Qawaid Fiqh pula, perbincangan memberi penekanan kepada konsep dan juga lima kaedah fiqh yang menjadi asas dalam proses pembinaan hukum syarak.

*This course aims to introduce students to foundational theories, principles, and methods of deriving Islamic legal rulings (fiqh laws), especially those related to the field of muamalat. The course focuses on the theories within Usul Fiqh and Qawaid Fiqh. Discussions on Usul Fiqh will cover concepts, theory of Syarak laws, sources of Islamic law, Maqasid Syariah, as well as ijtihad and taqlid. Meanwhile, discussions on Qawaid Fiqh, will emphasize the concepts and the five methods of fiqh that form the basis of formulating Syarak laws.*

### **EPPE3543 EKONOMI BANDAR DAN WILAYAH / REGIONAL AND URBAN ECONOMICS**

Kursus ini membincangkan mengenai teori ekonomi ruwang dalam letakan lokasi kegiatan ekonomi dan firma. Khususnya kursus ini mengkaji mengapa kegiatan ekonomi tertentu dan firma tertentu menempatkan diri di mana mereka kini berada dan faktor-faktor yang menentukan keputusan mereka untuk berada di lokasi berkenaan. Teori-teori yang dibincangkan termasuk analisis ruwang sebuah bandar sebagai pusat ekonomi, fungsi bandar, asas ekonomi bandar yang diukur sebagai aktiviti asas dan tidak asas serta keperluan minima, dan struktur ekonomi bandar mengikut teori zon berpusat, teori sektoral, dan pelbagai nuklei. Analisis terhadap lokasi dilakukan melalui teori letakan industri, teori lokasi intra-bandar, teori pusat setempat dan teori pusat pertumbuhan. Selepas mengikut kursus ini pelajar dapat menjelaskan dan menganalisis mengenai kewujudan kegiatan ekonomi tertentu dan firma tertentu di sesuatu lokasi tertentu.

*This course discusses spatial economic theory concerning the location of economic activities and firms. Specifically, this course analyzes the reasons why certain economic activities and firms are situated in their current locations and the factors influencing their locational decisions. Theories to be discussed include spatial analysis of a city as an economic hub, the functions of a city, the economic fundamental of a city measured as fundamental and non-fundamental activities, as well as its minimum requirements. The course also covers urban economic structures of a city based on the concentric zone theory, sectoral theory, and*

*multiple nuclei theory. Location analysis is conducted using the theory of industrial location, theory of intra-city location, central place theory, and growth pole theory. Upon completing this course, students will be able to explain and analyze the existence of specific economic activities and firms at particular locations.*

### **EPPE3553 EKONOMI BURUH / LABOR ECONOMICS**

Kursus ini merupakan pengenalan kepada bidang kajian ekonomi buruh. Kandungan kursus ini tertumpu kepada perbincangan mengenai agihan buruh dan proses penetapan upah mengikut pendekatan fahaman Neoklasik. Bahan utama melibatkan topik mengenai teori pilihan dalam penawaran dan permintaan buruh. Turut sama dibincangkan ialah bukti empirik dan aplikasi dasar bagi setiap teori berkenaan termasuk kaitannya dengan isu semasa dalam pasaran buruh Malaysia. Topik lain ialah proses penentuan upah, struktur upah, mobiliti buruh dan peranan kesatuan sekerja. Selepas mengikuti kursus ini, pelajar berupaya menerangkan model-model utama penawaran dan permintaan buruh sebagai asas proses agihan buruh dan penentuan upah serta perbezaan upah antara pekerja, pekerjaan, industri dan kawasan.

*This course introduces the study of labor economics. The course content focuses on discussions regarding the distribution of labor and the wage determination process based on the understanding of Neoclassical approach. The main topics include theories of choice in labor supply and demand. In addition, it also examines empirical evidence and policy applications for each theory, with particular relevance to current issues in the Malaysian labor market. Other topics include the process of wage determination, wage structures, labor mobility, and the role of trade unions. Upon completing this course, students will be able to explain the main models of labor supply and demand as the fundamental for understanding the distribution of labor and wage determination, as well as the wage differences between workers, occupations, industries, and regions.*

### **EPPE3573 EKONOMI PEMBANGUNAN ANTARABANGSA / INTERNATIONAL DEVELOPMENT ECONOMICS**

Kursus ini membincangkan pembangunan ekonomi antarabangsa dengan memfokuskan kepada tren pembangunan seiring dengan pertumbuhan ekonomi. Di samping itu, memberi pengetahuan teoritis dan analisis empiris mengenai situasi, arah aliran dan pembangunan ekonomi di peringkat antarabangsa. Kandungan kursus ini merangkumi teori ekonomi pembangunan antarabangsa, perubahan struktur ekonomi, perdagangan dan pelaburan antarabangsa, ekonomi “baru”, serta isu semasa berhubung liberalisasi perdagangan dan kewangan dalam era

globalisasi. Setelah mengikuti kursus ini, pelajar mampu mengaplikasi teori pembangunan ekonomi untuk menerangkan proses dan struktur pembangunan antarabangsa; menerangkan proses transformasi dunia, khususnya di negara membangun; membanding ciri dan faktor mencorak pembangunan di negara-negara terpilih; menghurai tren dan kesan perdagangan dan pelaburan; menjelas maksud, teori, faktor pendorong, ciri dan kesan globalisasi; dan mengenal pasti dan membincangkan isu-isu ekonomi semasa berkaitan ekonomi pembangunan antarabangsa.

*This course examines the development of the international economy with focus on development trends associated with economic growth. It also provides theoretical knowledge as well as empirical analysis of the situation, trends, and of the international economic development. The course covers the international development of economic theories, changes in economic structures, international trade and investment, the "new" economy, and current issues concerning trade and financial liberalization in the era of globalization. Upon completing the course, students will be able to apply economic development theories to explain the processes and structures of international development; describe the processes of global transformation, particularly in developing countries; compare the characteristics and factors influencing development in specific countries; analyse trends and impact of trade and investment; explain the meaning, theories, driving factors, characteristics, and effects of globalization; and identify and discuss current economic issues related to international economic development.*

### **EPPE3593 EKONOMI SUMBER MANUSIA / HUMAN RESOURCE ECONOMICS**

Kursus ini bertujuan memberi kefahaman kepada pelajar mengenai konsep, teori dan aplikasi pembangunan sumber manusia dan perancangan tenaga manusia. Tajuk yang dibincangkan termasuklah konsep dan teori pelaburan modal manusia; kriteria pelaburan modal manusia; kaedah mengira kadar pulangan pelaburan modal manusia; sumbangan modal manusia kepada pertumbuhan dan pembangunan ekonomi, perolehan individu, agihan perolehan dan perbezaan upah; teknik dan masalah perancangan tenaga manusia serta strategi pembangunan dan perancangan sumber manusia. Selepas mengikuti kursus ini, pelajar diharapkan dapat menjelaskan kepentingan pembangunan dan perancangan sumber manusia kepada pertumbuhan dan pembangunan ekonomi dan mengaplikasikan aspek yang dipelajari kepada situasi empirik.

*This course aims at providing understanding to students on the concepts, theories and applications for human resource development and manpower planning. Topics to be discussed include concepts and theories of human capital investment; criteria for human capital investment; method for calculating rate of return on human capital investment;*

*contribution of human capital to economic growth and development; individual earnings, income distribution and wage differentials; techniques and challenges in manpower planning as well as strategies for human resource development and planning. Upon course completion, students are expected to be able to explain the importance of human resource development and planning for economic growth and development, as well as applying the concepts and techniques learned to empirical situations.*

### **EPPE3643 EKONOMI REKREASI DAN HOSPILITI / HOSPITALITY AND RECREATIONAL ECONOMICS**

Kursus ini mengkaji industri pelancongan daripada perspektif ekonomi. Secara umumnya kursus ini menghuraikan ciri-ciri utama, kepentingan dan impaknya kepada pembangunan ekonomi. Topik utama yang dibincangkan dalam kursus ini ialah konsep asas pelancongan, sejarah pembangunannya, pasaran utama dan trend pelancongan global, industri pelancongan Malaysia, asas pembentukan permintaan pelancongan, komponen utama dalam perkhidmatan pelancongan, pemasaran pelancongan, kesan pembangunan pelancongan kepada ekonomi negara, isu persekitaran dan pembangunan pelancongan lestari.

*This course examines the tourism industry from an economic perspective. In general this course describes the main features, importance and impact on economic development. The main topics discussed in this course are the basic concepts of tourism, its historical development, key markets and global tourism trends, Malaysian tourism industry, basics of tourism demand formation, key components in tourism services, tourism marketing, the economic impact of tourism development, environmental issues and sustainable tourism development.*

### **EPPE3693 EKONOMI INDUSTRI ASAS TANI / ECONOMICS OF AGRO-BASED INDUSTRY**

Kursus ini merupakan kursus asas dalam pengurusan, pembiayaan dan keusahawanan dalam perniagaan asas tani. Matlamat utama kursus adalah memberi pendedahan dan fahaman supaya pelajar mampu menghayati konsep dan teori asas dalam aspek pengurusan perniagaan, pengurusan pembiayaan dan pembangunan keusahawanan dalam pertanian dan industri asas tani. Topik-topik utama berfokus kepada pengenalan sektor pertanian dan perniagaan asas tani, pengurusan pembiayaan dan sumber-sumber kewangan, pengurusan pemasaran, pengurusan komunikasi dan jaringan dalam perniagaan asas tani. Dalam aspek pembangunan keusahawanan tani pula mencakupi ciri dan keperluan asas dalam pembangunan keusahawanan tani, pembangunan rancangan perniagaan untuk

projek perniagaan asas tani. Pelajar diperlukan untuk menghasilkan kajian kes perniagaan tani di Malaysia untuk membolehkan pelajar mengaplikasi teori dalam persekitaran perniagaan tani yang sebenar. Selain itu, pelajar dapat mengenalpasti peranan koperasi dan institusi kerajaan serta memadankan kesesuaian agensi dalam membangunkan sektor pertanian.

*This is a basic course in management, financing, and entrepreneurship within the agribusiness sector. The main objective of the course is to provide students with the exposure and understanding of the basic concepts and theories related to business management, financing management, and entrepreneurial development in agriculture and agribusiness industries. The main topics comprise financial resources, marketing management, communication management, and networking management in agribusiness. In the aspect of agricultural entrepreneurship development, the course covers the basic characteristics and requirements for agricultural entrepreneurship and the development of business plans for agribusiness projects. Students are required to produce a case study of agribusiness in Malaysia to enable the application of theoretical knowledge in a real agribusiness environment. In addition, students may identify the roles of cooperatives and government institutions and align the appropriate agencies in developing the agricultural sector.*



**SARJANA MUDA  
PERAKAUNAN  
DENGAN KEPUJIAN  
/  
*BACHELOR IN  
ACCOUNTING WITH  
HONOURS***

## **PROGRAM SARJANA MUDA PERAKAUNAN DENGAN KEPUJIAN BACHELOR IN ACCOUNTING (HONOURS) PROGRAMME**

Falsafah pendidikan program ini adalah untuk melahirkan graduan yang beretika, berpengetahuan luas dalam persekitaran sosial, ekonomi dan perniagaan yang dinamik dan global, berkemahiran dalam ilmu perakaunan seiring dengan tuntutan profesion, berketerampilan dan berfikiran kreatif.

*The philosophy of this programme is to produce graduates who are ethical, well-versed in the dynamic and global social, economic, and business environment, skilled in accounting in accordance with professional requirements, confident, and capable of critical thinking.*

### **Objektif Pembelajaran Program Programme Learning Objectives**

1. Graduan yang mempraktikkan ilmu perakaunan secara teori dan praktikal, serta celik digital dalam menyelesaikan masalah.  
*Graduates who apply accounting knowledge both theoretically and practically, as well as being digitally literate in problem-solving.*
2. Graduan yang mempunyai kemahiran kepimpinan, bertanggungjawab, berautonomi dan keupayaan berkomunikasi dan berinteraksi secara berkesan dengan pihak berkepentingan  
*Graduates who possess leadership skills, responsibility, autonomy, and the ability to communicate and interact effectively with stakeholders*
3. Graduan yang melibatkan diri dengan aktiviti pembelajaran sepanjang hayat dan mempunyai pemikiran keusahawanan untuk pembangunan diri dan kerjaya  
*Graduates who engage in lifelong learning activities and exhibit an entrepreneurial mindset for personal and career development.*
4. Graduan yang beretika, profesional dan berintegriti dalam berurusan dengan pihak berkepentingan  
*Graduates who demonstrate ethical, professional, and integrity-driven conduct in dealings with stakeholders.*

### **Hasil Pembelajaran Program Programme Learning Outcomes**

Pada akhir program pengajian, graduan seharusnya boleh:  
*Upon completion of the programme, graduates should be able to:*

1. Mengenalpasti pengetahuan, teori dan prinsip asas perakaunan dalam pelaksanaan fungsi perakaunan.

*Identify fundamental knowledge, theories, and principles of accounting in executing accounting functions.*

2. Mengaplikasi pengetahuan dan kemahiran perakaunan dalam penyelesaian masalah perniagaan yang kompleks.  
*Apply accounting knowledge and skills to solve complex business problems.*
3. Mempamerkan kemahiran praktikal fungsi perakaunan dan perniagaan untuk penyelesaian masalah perniagaan.  
*Demonstrate practical competencies in accounting and business functions to address business challenges.*
4. Menunjukkan kemahiran berinteraksi dan bekerja dalam pasukan bagi penyelesaian isu organisasi dan perniagaan.  
*Exhibit teamwork and interpersonal skills in resolving organisational and business issues.*
5. Mempamer kemahiran komunikasi berkesan secara lisan dan penulisan kepada pemegang taruh.  
*Demonstrate effective communication skills, both orally and in writing, to stakeholders.*
6. Menggunakan kemahiran digital dalam pengurusan maklumat.  
*Utilise digital skills in information management.*
7. Menganalisis data numerikal dalam penyelesaian tugas.  
*Analyse numerical data in task completion.*
8. Mempamer sikap kepimpinan, bertanggungjawab dan berautonomi dalam pasukan  
*Exhibit leadership qualities, responsibility, and autonomy within a team.*
9. Menunjukkan peningkatan pembangunan sendiri melalui pembelajaran sepanjang hayat.  
*Demonstrate continuous self-development through lifelong learning.*
10. Mempamer minda keusahawanan untuk mengurus organisasi secara mampan.  
*Display an entrepreneurial mindset in managing an organisation sustainably.*
11. Mempamer tingkah laku yang konsisten dengan etika profesional.  
*Exhibit behaviour that is consistent with professional ethics.*

## **Pengiktirafan Badan Profesional *Recognition by Professional Bodies***

Program ini diiktiraf sebagai program profesional oleh Institut Akauntan Malaysia (MIA). Program ini juga ditanda aras mengikut standard badan profesional antarabangsa International Federation of Accountants (IFAC).

*This programme is recognised as a professional programme by the Malaysian Institute of Accountants (MIA). It is also benchmarked against the standards of the International Federation of Accountants (IFAC).*

Program ini mendapat pengiktirafan badan profesional dalam dan luar negara seperti The Malaysian Institute of Certified Public Accountants (MICPA), Association of Chartered Certified Accountants (ACCA), Chartered Institute of Management Accountants (CIMA), Institute of Chartered Accountants in England and Wales (ICAEW), Chartered Tax Institute of Malaysia (CTIM), The Malaysian Institute of Chartered Secretaries and Administrators (MAICSA).

*The programme has gained recognition from both local and international professional bodies, including The Malaysian Institute of Certified Public Accountants (MICPA), the Association of Chartered Certified Accountants (ACCA), the Chartered Institute of Management Accountants (CIMA), the Institute of Chartered Accountants in England and Wales (ICAEW), the Chartered Tax Institute of Malaysia (CTIM), and The Malaysian Institute of Chartered Secretaries and Administrators (MAICSA).*

Graduan Sarjana Muda Perakaunan layak mendapat pengecualian bagi beberapa modul peperiksaan profesional daripada MICPA, ACCA, CIMA dan ICAEW jika memenuhi kriteria ditetapkan. (Sila rujuk laman sesawang badan profesional untuk mendapatkan maklumat pengecualian terkini serta kriteria yang perlu dipenuhi.)

*Graduates of the Bachelor of Accounting programme may be eligible for exemptions from certain professional examination modules offered by the MICPA, ACCA, CIMA, and ICAEW, provided they meet the specified criteria. (Please refer to the official websites of the respective professional bodies, for the latest exemption details and eligibility requirements.)*

## **Struktur Program**

### ***Programme Structure***

Untuk tujuan pengijazahan, pelajar perlu lulus sekurang-kurangnya 139 unit kredit seperti berikut:

*To be eligible for graduation, students must successfully complete a minimum of 139 credit units as follows:*

- |    |                                      |             |
|----|--------------------------------------|-------------|
| 1. | Kursus Wajib Universiti              | – 22 unit   |
|    | <i>University Compulsory Courses</i> | – 22 units  |
| 2. | Kursus Teras                         | – 100 unit  |
|    | <i>Core Courses</i>                  | – 100 units |
|    | Kursus Teras (Latihan Industri)      | – 8 unit    |

- Core Courses (*Industrial Training*) – 8 units
3. Kursus Elektif – 9 unit
- Elective Courses – 9 units

### Kursus Universiti – 22 Unit Kredit

#### University Courses – 22 Credit Units

Bil No	Kod Kursus Course Code	Nama Kursus Course Name	Kredit Credit
1	LMCW1022	Asas Keusahawanan dan Inovasi <i>Fundamentals of Entrepreneurship and Innovation</i>	2
2	LMCW2152	Integriti dan Antirasuah <i>Integrity and Anti-Corruption</i>	2
3	LMCW2143	Falsafah dan Isu Semasa <i>Philosophy and Contemporary Issues</i>	3
4	LMCW2153	Penghayatan Etika dan Peradaban <i>Appreciation of Ethics and Civilisation</i>	3
5	LMXXxxxx	Kursus Citra Universiti (C1-C6) <i>University Citra Courses (C1-C6)</i>	12

### Kursus Teras – 100 Unit Kredit

#### Core Courses – 100 Credit Units

Bil No	Kod Kursus Course Code	Nama Kursus Course Name	Kredit Credit
1	LMCE1062/ LMCE1072/	<i>Academic Interaction (MUET Band 3.0 dan 3.5)/ Academic Literacy (MUET Band 4.0 dan 4.5)</i>	2
2	LMCE2082/ LMCE2092	<i>Pro Talk English (MUET Band 3.0 dan 3.5)/ Speak to Persuade (MUET Band 4.0 dan 4.5)</i>	2

3	LMCE3061/ LMCE3071	<i>Corporate Storytelling (MUET Band 3.0 dan 3.5) / Professional Communication (MUET Band 4.0 dan 4.5)</i>	1
4	EPPD1003	Prinsip Ekonomi <i>Principle of Economics</i>	3
5	EPPD1043	Matematik untuk Ekonomi dan Perniagaan <i>Mathematics for Economics And Business</i>	3
6	EPPD1053	Pengantar Pengurusan <i>Fundamentals of Management</i>	3
7	EPPD1073	Komunikasi Perniagaan Kontemporari <i>Contemporary Business Communication</i>	3
8	EPPD1083	Statistik untuk Ekonomi dan Pengurusan <i>Statistics For Economics And Business</i>	3
9	EPPA1114	Perakaunan dan Pelaporan Kewangan I <i>Financial Accounting and Reporting I</i>	4
10	EPPA1124	Perakaunan dan Pelaporan Kewangan II <i>Financial Accounting and Reporting II</i>	4
11	EPPA2114	Perakaunan dan Pelaporan Kewangan III <i>Financial Accounting and Reporting II</i>	4
12	EPPA2214	Perakaunan Pengurusan I <i>Management Accounting I</i>	4
13	EPPA2313	Etika dan Tadbir Urus <i>Ethics and Governance</i>	3
14	EPPA2324	Pengauditan I <i>Auditing I</i>	4
15	EPPA2414	Percukaian I <i>Taxation I</i>	4
16	EPPA2424	Percukaian II <i>Taxation II</i>	4
17	EPPA2513	Perakaunan Berkomputer <i>Computerized Accounting</i>	3
18	EPPA2524	Sistem Maklumat Perakaunan <i>Accounting Information System</i>	4

19	EPPA2613	Undang-Undang Komersial <i>Commercial Law</i>	3
20	EPPA2623	Undang-Undang Korporat <i>Corporate Law</i>	3
21	EPPA3114	Perakaunan dan Pelaporan Kewangan IV <i>Financial Accounting and Reporting IV</i>	4
22	EPPA3224	Perakaunan Pengurusan II <i>Management Accounting II</i>	4
23	EPPA3334	Pengauditan II <i>Auditing II</i>	4
24	EPPA4154	Perakaunan dan Pelaporan Kewangan V <i>Financial Accounting and Reporting V</i>	4
25	EPPA4164	Kajian Kes Integrasi <i>Integrated Case Study</i>	4
26	EPPA4534	Analitik Untuk Perakaunan <i>Analytics For Accounting</i>	4
27	EPPM1123	Pengantar Pemasaran <i>Fundamentals Of Marketing</i>	3
28	EPPM2053	Pengurusan Kewangan <i>Financial Management</i>	3
29	EPPM3643	Kewangan Korporat <i>Corporate Finance</i>	3
30	EPPM4023	Pengurusan Strategik <i>Strategik Management</i>	3

**Latihan Industri – 8 Unit Kredit**  
**Industrial Training – 8 Credit Units**

Bil No	Kod Kursus Course Code	Nama Kursus Course Name	Kredit Credit
1	EPPA4098	Latihan Industri Perakaunan <i>Accounting Industrial Training</i>	8

**Kursus Elektif – 9 Unit Kredit*****Elective Courses – 9 Credit Units***

Sebanyak tiga (3) kursus boleh diambil daripada senarai berikut:

*Students may select three (3) courses from the following list:*

<b>Bil No</b>	<b>Kod Kursus <i>Course Code</i></b>	<b>Nama Kursus <i>Course Name</i></b>	<b>Kredit <i>Credit</i></b>
1	EPPA4133	Perakaunan Sektor Awam <i>Accounting for Public Sector</i>	3
2	EPPA4143	Analisis Pelaporan Kewangan <i>Financial Reporting Analysis</i>	3
3	EPPA4153	Perakaunan untuk Instrumen Kewangan Islam dan Zakat <i>Accounting for Islamic Financial Instruments and Zakat</i>	3
4	EPPA4163	Perakaunan untuk Kelestarian <i>Accounting for Sustainability</i>	3
5	EPPA4323	Audit Dalaman <i>Internal Audit</i>	3
6	EPPA4433	Percukaian Lanjutan <i>Advance Taxation</i>	3
7	EPPA4543	Perkhidmatan Perniagaan Global Digital <i>Digital Global Business Services</i>	3
8	EPPA4553	Makmal Latihan Perkhidmatan Perniagaan Global Digital <i>Digital Global Business Services Training Lab</i>	3



9	EPPM3613	Pasaran dan Institusi Kewangan <i>Financial Market and Institution</i>	3
10	EPPM3653	Pengurusan Pelaburan dan Portfolio <i>Investment and Portfolio Management</i>	3
11	EPPM4623	Kewangan Antarabangsa <i>International Finance</i>	3
12	LMCR1423	Perkhidmatan Perniagaan Global (GBS) <i>Digital Global Business Services (GBS)</i>	3

## **SINOPSIS KURSUS**

### **COURSE SYNOPSIS**

## **KURSUS TERAS**

### **CORE COURSES**

#### **EPPD1003 PRINSIP EKONOMI / PRINCIPLE OF ECONOMICS**

Kursus ini bertujuan memberi pengetahuan kepada pelajar tentang analisis dan konsep asas mikroekonomi dan makroekonomi. Topik dalam skop mikroekonomi merangkumi masalah ekonomi pada peringkat pengguna dan firma. Pelajar akan didedahkan kepada tajuk utama mikroekonomi meliputi aspek permintaan, penawaran, keseimbangan harga, keanjalan, fungsi pengeluaran, kos dan struktur pasaran. Topik dalam skop makroekonomi pula meliputi pengukuran dan keseimbangan pendapatan negara, peranan bank pusat, bank perdagangan dan proses penciptaan kredit, pasaran wang dan penentuan kadar bunga, implikasi dasar fiskal dan monetari terhadap pendapatan negara, pengangguran dan inflasi, perdagangan antarabangsa, imbalan pembayaran serta pasaran pertukaran asing. Di akhir kursus, pelajar seharusnya dapat mengaplikasikan pendekatan kedua-dua mikroekonomi dan makroekonomi dalam menyelesaikan masalah ekonomi dan pengurusan serta mengaitkan ilmu tersebut dengan isu ekonomi semasa dalam persekitaran global dan setempat.

*This course aims to provide students with knowledge of the analysis and basic concepts of microeconomics and macroeconomics. Topics in the scope of microeconomics cover economic issues at the consumer and firm levels. Students will be introduced to key microeconomic topics, including demand, supply, price equilibrium, elasticity, production functions, costs, and market structures. The macroeconomic scope includes topics such as*

*the measurement and equilibrium of national income, the role of central banks, commercial banks and credit creation process, the money market and interest rate determination, the implications of fiscal and monetary policies on national income, unemployment and inflation, international trade, the balance of payments and the foreign exchange market. By the end of the course, students should be able to apply both microeconomic and macroeconomic approaches in solving economic and management problems and relate this knowledge to current economic issues within the global and local environments.*

### **EPPD1043 MATEMATIK UNTUK EKONOMI DAN PERNIAGAAN / MATHEMATICS FOR ECONOMICS AND BUSINESS**

Kursus ini memberi kefahaman kepada pelajar beberapa aspek asas dalam matematik yang meliputi fungsi, matriks, matematik kewangan, had, keselajaran, perbezaan dan pengamiran. Aplikasi dalam bidang ekonomi turut dibincangkan untuk setiap tajuk tersebut. Selepas mengikuti kursus ini, pelajar dapat menganalisis masalah ekonomi dan perniagaan dengan menggunakan teknik-teknik matematik yang telah dibincangkan.

*This course provides students with an understanding of fundamental aspects of mathematics covering functions, matrices, financial mathematics, limits and continuity, differentiation and integration. Applications of these topics in the field of economics are also discussed. Upon completing this course students are expected to be able to analyse economic and business problems using the mathematical techniques covered.*

### **EPPD1053 PENGANTAR PENGURUSAN / FUNDAMENTALS OF MANAGEMENT**

Kursus ini merupakan kursus pengenalan kepada pengurusan perniagaan. Ia mendedahkan kepada pelajar konsep dan teori asas pengurusan dan pentadbiran organisasi. Tajuk-tajuk utama merangkumi pemikiran pengurusan, perancangan, pengorganisasian, kepimpinan dan motivasi, pengawalan kualiti dan prestasi, budaya korporat dan komunikasi dalam menguruskan sesebuah organisasi. Kursus ini turut membincangkan tentang amalan-amalan terbaik pengurusan terkini dalam pembentukan dan pengendalian daya saing organisasi.

*This course serves as an introduction to business management, providing students with exposure to basic concepts and theories of organisational management and administration. The main topics include management thought, planning, organizing, leadership and motivation, quality and performance control, corporate culture, and communication in managing an organization. This course also discusses contemporary best management practices in management for building and maintaining organizational competitiveness.*

### **EPPD1073 KOMUNIKASI PERNIAGAAN KONTEMPORARI / CONTEMPORARY BUSINESS COMMUNICATION**

Komunikasi Perniagaan mengajar pelajar cara untuk memperbaiki kemahiran berkomunikasi sebagai asas kejayaan dalam alam pekerjaan. Kursus ini membolehkan pelajar memahami faktor-faktor yang akan menjamin komunikasi yang efektif. Pelajar akan diajar tentang pelbagai elemen kemahiran komunikasi seperti komunikasi silang budaya, komunikasi lisan dan bukan lisan. Pelajar akan mengetahui cara berkomunikasi ketika berada dalam situasi berbeza, dalam kumpulan kerja, mendengar secara ekektif, serta menggunakan teknologi untuk berkomunikasi dengan lebih efektif dan produktif. Pelajar juga akan didedahkan kepada penulisan resume dan penyediaan resume video bagi memenuhi tuntutan terkini industri, seterusnya dibimbing melalui satu sesi mock interview sebagai latihan persediaan temuduga pekerjaan.

*Business communication equips students with the skills to improve their communication abilities, which are essential for success in their careers. This course enables students to understand the factors that contribute to effective communication. They will be taught various elements of communication skills, such as intercultural communication, verbal and non-verbal communication. They will learn to communicate effectively in different situations, within workgroups, listen effectively, and use technology to communicate more efficiently and productively. The students will also be guided in resume writing, and creation of video resumes to meet the current demands of the industry. They will subsequently be guided through a mock interview session as preparation for job interviews.*

### **EPPD1083 STATISTIK UNTUK EKONOMI DAN PERNIAGAAN / STATISTICS FOR ECONOMICS AND BUSINESS**

Kursus ini bertujuan memberi fahaman kepada pelajar tentang konsep dan kaedah statistik yang digunakan dalam bidang ekonomi dan perniagaan. Perbincangan meliputi pengenalan kepada statistik, perihal data secara visual dan numerik, pengenalan kepada kebarangkalian, taburan kebarangkalian, taburan pensampelan, penganggaran, ujian hipotesis, analisis varian, ujian Khi-kuasadua, kaedah statistik tak berparameter, analisis kolerasi dan analisis regresi. Selepas mengikut kursus ini, pelajar seharusnya boleh mengaplikasi kaedah statistik yang sesuai dan menganalisis keputusan statistik yang diperoleh.

*This course aims to provide students with an understanding of statical concepts and methods used in economics and business. The topics to be covered include introduction to statistics, visual and numerical description of data, introduction to probability, probability distributions,*

*sampling distributions, estimation, hypothesis testing, analysis of variance, chi-squared tests, non-parametric statistical methods, correlation analysis and regression analysis. By the end of this course, students should be able to apply appropriate statistical techniques and analyse the statistical result obtained.*

### **EPPA1114 PERAKAUNAN DAN PELAPORAN KEWANGAN I / FINANCIAL ACCOUNTING AND REPORTING I**

Kursus ini bertujuan memperkenalkan pelajar kepada rangka kerja konseptual untuk pelaporan kewangan sebagai asas untuk memahami konsep dan elemen penyata kewangan. Ia memberikan pemahaman tentang sistem catatan bergu dan prinsip perakaunan untuk merekod urusanniaga, melaras rekod kewangan dan menyediakan penyata kewangan yang mudah.

*This course introduces students to the conceptual framework for financial reporting as a basis for understanding the concepts and elements of financial statements. It provides an understanding of double-entry bookkeeping system and accounting principles to record transactions, adjust financial records and prepare simple financial statements.*

### **EPPA1124 PERAKAUNAN DAN PELAPORAN KEWANGAN II / FINANCIAL ACCOUNTING AND REPORTING II**

Kursus ini membincangkan prinsip pengiktirafan, pengukuran, pengukuran berikutan, nyahiktiraf, pembentangan dan persembahan aset bukan semasa.

**Prasyarat:** EPPA1114 Perakaunan dan Pelaporan Kewangan I / *Financial Accounting And Reporting I*

*This course discusses the principles of recognition, measurement, subsequent measurement, de-recognition, presentation and disclosure of non-current assets.*

### **EPPA2114 PERAKAUNAN DAN PELAPORAN KEWANGAN III / FINANCIAL ACCOUNTING AND REPORTING III**

Kursus ini membincangkan prinsip pengiktirafan, pengukuran, pengukuran berikutan, nyahiktiraf, pembentangan dan persembahan liability dan ekuiti. Kursus ini juga membincangkan peristiwa selepas tempoh pelaporan dan perubahan dalam polisi perakaunan. Kursus ini mendedahkan pelajar kepada amalan sebenar perakaunan melalui lawatan industri atau sesi bersama pihak industri.

**Prasyarat:** EPPA1124 Perakaunan dan Pelaporan Kewangan II / *Financial Accounting And Reporting II*

*This course discusses the principles of recognition, measurement, subsequent measurement, de-recognition, presentation and disclosure of non-current assets. It also*

*discusses events occurring after the reporting period and changes in accounting policies. It exposes students to real-world accounting practices through industrial visits or engagement sessions with the industry.*

### **EPPA2214 PERAKAUNAN PENGURUSAN I / MANAGEMENT ACCOUNTING I**

Kursus ini direka untuk memperkenalkan pelajar kepada jenis maklumat perakaunan pengurusan yang digunakan untuk perancangan, kawalan dan membuat keputusan. Pelajar dijangka menggunakan konsep perakaunan pengurusan, alat dan teknik untuk keputusan pengurusan perniagaan.

*This course is designed to introduce students to the types of management accounting information used for planning, control, and decision-making. Students are expected to apply management accounting concepts, tools, and techniques in business management decisions.*

### **EPPA2313 ETIKA DAN TADBIR URUS / ETHICS AND GOVERNANCE**

Kursus ini direka untuk mendedahkan pelajar kepada falsafah kemanusiaan, pandangan dunia mengenai etika, tadbir urus diri serta tadbir urus korporat. Fokus kursus ini adalah untuk membangunkan ciri, pengetahuan dan kecekapan yang relevan kepada pelajar dalam membuat keputusan yang beretika dalam dilemma kehidupan dan kerja dengan melibatkan diri dalam tingkah laku professional serta mengimbangi kepentingan terbaik pemegang taruh, masyarakat dan alam sekitar. Kursus ini juga mendedahkan pelajar kepada isu etika dan tadbir urus korporat semasa dalam persekitaran perniagaan. Kursus ini memerlukan pembelajaran berasaskan pengalaman dan penilaian sumatif untuk pelajar membangunkan tabiat amalan reflektif dan keupayaan untuk mengaplikasi pengetahuan dalam kehidupan sebenar.

*This course is designed to expose the students to the philosophy of humanity, worldviews on ethics, self-governance as well as corporate governance. The course focuses on developing the attributes, knowledge and competencies necessary for students in making ethical decisions in life and work dilemmas by engaging in professional conduct whilst balancing the best interests of stakeholders, society and the environment. It also exposes students to contemporary ethical and corporate governance issues in the business environment. The course incorporates both experiential learning and summative assessment, enabling students to develop reflective practice habits and the ability to apply their knowledge in real-life situations.*

**EPPA2324 PENGAUDITAN I / AUDITING I**

Kursus ini adalah kursus pengenalan dalam pengauditan, dan ia memperkenalkan pelajar kepada konsep dan prinsip pengauditan. Ia juga menerangkan peranan dan tanggungjawab akauntan awam, peraturan dan undang-undang dalam pengauditan, penyediaan draf audit dan pelaporan. Antara topik yang dibincangkan dalam kursus ini, ia secara khusus memberi tumpuan kepada konsep, proses, perancangan, prosedur dan bukti audit, dokumentasi dan laporan audit.

**Prasyarat: EPPA2114 Perakaunan dan Pelaporan Kewangan III / *Financial Accounting and Reporting III***

*This course is an introductory course in auditing that introduces students to the concepts and principles of auditing. It also explains the role and responsibilities of public accountants, auditing regulation and laws, preparation of audit drafts and reporting. Among the topics covered in the course include the concepts, processes, planning, audit procedures and evidence, documentation, and audit reporting.*

**EPPA2414 PERCUKAIAN I / TAXATION I**

Kursus ini memperkenalkan pelajar kepada sistem percukaian Malaysia dengan menyediakan gambaran keseluruhan konsep asas undang-undang cukai pendapatan ke atas individu. Liputan tajuk-tajuk termasuk isu etika ke atas pengelakan dan pelarian cukai.

**Prasyarat: EPPA1114 Perakaunan dan Pelaporan Kewangan I / *Financial Accounting and Reporting I***

*This course introduces students to the Malaysian taxation system by providing an overview of fundamental concepts of income tax law pertaining to individuals. Its coverage includes topics on ethical issues related to tax avoidance and tax evasion.*

**EPPA2424 PERCUKAIAN II / TAXATION II**

Kursus ini membentuk pengetahuan asas cukai korporat dan memperkenalkan lanjutan topik-topik dalam percukaian Syarikat. Kursus ini juga memperkembangkan pengetahuan cukai pendapatan meliputi cukai korporat dan cukai tak langsung.

**Prasyarat: EPPA2414 Percukaian I / *Taxation I***

*This course builds on the basic knowledge of corporate tax and introduces advanced topics in company taxation. The course also extends the knowledge of income tax, to including corporate and indirect taxes. Students are expected to use established planning methods for tax optimization. It also discusses emerging issues in taxation.*

### **EPPA2513 PERAKAUNAN BERKOMPUTER / *COMPUTERIZED ACCOUNTING***

Kursus ini direka untuk melengkapkan pelajar dengan kemahiran asas perakaunan berkomputer yang meliputi kitaran perakaunan dan sistem kawalan dalaman. Pelajar akan didedahkan dengan teknik pendokumentasian dalam kitaran perakaunan. Selain itu, pelajar juga didedahkan dengan penggunaan Microsoft Excel dan pakej perisian perakaunan lain untuk penyediaan set lengkap akaun.

**Prasyarat:** EPPA1114 *Perakaunan dan Pelaporan Kewangan I / Financial Accounting and Reporting I*

*This course is designed to equip students with basic computerised accounting skills which covers the accounting cycles and internal control systems. The students will be exposed to documentaton techniques within the accounting cycles. Additionally, they will be exposed to the use of Microsoft Excel (MS) and other accounting software packages for the preparaton of a complete set of accounts.*

### **EPPA2524 SISTEM MAKLUMAT PERAKAUNAN / *ACCOUNTING INFORMATION SYSTEM***

Kursus ini direka untuk membolehkan pelajar memahami pengetahuan dan kemahiran termasuk penyediaan dokumentasi sistem dan pengaplikasian Teknik kawalan dalaman dalam kitaran perakaunan. Kursus ini juga mendedahkan pelajar kepada proses Kitaran Hayat Pembangunan Sistem (SDLC) yang melibatkan perancangan, analisis, penilaian dan pemilihan, rekabentuk, penukaran dan pelaksanaan system serta pendekatan lain yang berkaitan pembangunan sistem.

**Prerequisite:** EPPA2513 *Perakaunan Berkomputer / Computerized Accounting*

*This course is designed to enable students to comprehend the knowledge and skills which include preparation of system documentation and application of internal control techniques within the accounting cycles. The course also exposes students to the process of System Development Life Cycle (SDLC) which includes planning, analysis, evaluation and selection, design, conversion and implementation, as well as other approaches related to system development.*

### **EPPA2613 UNDANG-UNDANG KOMERSIAL / *COMMERCIAL LAW***

Kursus ini memperkenalkan para pelajar kepada persekitaran undang-undang komersial. Topiknya termasuk sistem perundangan Malaysia, undang-undang kontrak dalam kedua-dua persekitaran tradisional dan elektronik, prinsip Shari'ah dalam kontrak, undang-undang ejensi, undang-undang jualan barangan, undang-undang sewa beli dan undang-undang perkongsian. Kursus ini juga membincangkan

kesan ketidakpatuhan terhadap prinsip undang-undang yang berkaitan dalam transaksi komersial dan remedi-remedi yang ada.

*This course introduces students to the legal environment of commerce. The topics include the Malaysian legal system, the law of contract in both traditional and electronic platforms, the Shari'ah principles in contracts, the law of agency, the law of sale of goods, hire-purchase law, and the law of partnership. The course also covers the consequences of non-compliance with the related legal principles in commercial transactions and the remedies available.*

### **EPPA2623 UNDANG-UNDANG KORPORAT / CORPORATE LAW**

Kursus ini memperkenalkan para pelajar kepada undang-undang korporat Malaysia. Ia merangkumi peraturan dan prinsip undang-undang yang mengawal pengurusan syarikat, proses pemerbadanan dan kesannya, tugas dan liabiliti pengarah serta pegawai lain sesuatu perbadanan, kuasa dan remedi anggota, syer, pinjaman syarikat khususnya debentur dan gadaian tetap serta gadaian terapung. Kursus ini turut membincangkan kawalan syarikat yang berada dalam masalah kewangan termasuk proses penggugungan dan mekanisme penyelamatan korporat.

*This course introduces students to Malaysian corporate law. It covers regulations and legal principles governing the management of companies, incorporation process and its implications, the duties and liabilities of directors and other corporate officers, the powers and remedies available to members, shares, company borrowings with special reference to debentures and fixed and floating charges. This course also discusses the regulation of corporations facing financial difficulties, including the winding-up process and the corporate rescue mechanisms.*

### **EPPA3114 PERAKAUNAN DAN PELAPORAN KEWANGAN IV / FINANCIAL ACCOUNTING AND REPORTING IV**

Kursus ini melengkapkan pelajar dengan konsep penyatuan yang relevan dan teknik yang diperlukan untuk penyediaan akaun kumpulan termasuk syarikat bersekutu dan pengaturan bersama / usaha sama.

### **Prasyarat: EPPA2114 Perakaunan dan Pelaporan Kewangan III / Financial Accounting And Reporting III**

*This course equips students with relevant concepts of consolidation and the techniques required for the preparation of group accounts including those involving associate companies and joint arrangements/joint ventures.*

### **EPPA3224 PERAKAUNAN PENGURUSAN II / MANAGEMENT ACCOUNTING II**

Kursus ini direka untuk membolehkan pelajar dengan pemikiran bersepadu dalam menggunakan alat dan teknik yang berbeza perakaunan pengurusan strategik untuk



penilaian prestasi. Dalam kursus ini pelajar didedahkan kepada penggunaan maklumat perakaunan pengurusan yang membawa kepada penciptaan nilai dan kelestarian.

**Prasyarat: EPPA2214 Perakaunan Pengurusan I / *Management Accounting I***

*This course is designed to enable students to develop an integrated mindset in applying the different tools and techniques of strategic management accounting for performance evaluation. In this course students are exposed to the utilization of management accounting information leading to value creation and sustainability.*

**EPPA3334 PENGAUDITAN II / *AUDITING II***

Kursus ini bertujuan untuk mengukuhkan pemahaman pelajar dalam pengauditan. Antara topik yang akan dibincangkan ialah: melengkapkan audit, laporan audit, kod etika dan audit kumpulan. Ia juga membincangkan topik mengenai liabiliti juruaudit, penipuan, dan isu semasa yang dihadapi oleh profesion pengauditan. Kursus ini juga membolehkan pelajar membezakan antara perkhidmatan audit, asuran dan bukan asuran.

**Prasyarat: EPPA2324 Pengauditan I / *Auditing I***

*This course aims to strengthen students' understanding of auditing. Among the topics to be covered include completing audits, audit reports, code of ethics and group audits. It also addresses topics such as auditor liability, fraud, and current issues faced by the auditing profession. This course also enables students to differentiate between audit, assurance and non-assurance services.*

**EPPA4154 PERAKAUNAN DAN PELAPORAN KEWANGAN V / *FINANCIAL ACCOUNTING AND REPORTING V***

Kursus ini memperkenalkan penjelasan teori tentang mengapa syarikat terlibat dalam pengurusan perolehan. Ia juga meliputi pengukuran nilai saksama, maklumat segmen operasi dan pendedahan pihak berkaitan serta isu-isu dalam pelaporan kewangan.

**Prasyarat: EPPA3114 Perakaunan dan Pelaporan Kewangan IV / *Financial Accounting And Reporting Iv***

*The course introduces theoretical explanation as to why companies engage in earnings management. It also covers fair value measurement, operating segment information and related party disclosures as well as issues in financial reporting.*

### **EPPA4164 KAJIAN KES INTEGRASI / INTEGRATED CASE STUDY**

Ini adalah kursus “capstone” yang direka untuk memupuk pemikiran bersepadu kepada pelajar dalam mengaplikasi disiplin ilmu yang luas seperti perakaunan kewangan, perakaunan pengurusan, percukaian, audit, kewangan, pengurusan dan kursus berkaitan perniagaan termasuk teknologi maklumat. Ia adalah untuk melibatkan pelajar bergerak ke arah budaya kerja kolaboratif. Kursus ini menggunakan pendekatan pembelajaran pengalaman menggunakan kajian kes untuk menyokong dan merangsang pemikiran kritikal dan kemahiran insaniah yang lain.

*This is a capstone course designed to inculcate an integrated mindset among students in applying a broad range of disciplines such as financial accounting, management accounting, taxation, audit, finance, management and other business-related courses including information technology. It aims to engage students towards cultivating a collaborative work culture. The course adopts an experiential learning approach using case studies to support and stimulate critical thinking and other soft skills.*

### **EPPA4534 ANALITIK UNTUK PERAKAUNAN / ANALYTICS FOR ACCOUNTING**

Kursus ini bertujuan untuk melengkapkan pelajar dengan analisis data dan bagaimana ia membantu dalam membuat keputusan perniagaan. Kursus ini memberi tumpuan kepada aplikasi teknik analisis termasuk pengekodan dan menyediakan amalan amali untuk membangunkan kemahiran dengan teknologi analisis perniagaan terpilih.

*This course aims to equip students with data analysis skills and how this can assist in business decision-making. The course focuses on applications of analytical techniques, including coding, and provides practical exercises to develop proficiency in selected business analytics technologies.*

### **EPPM1123 PENGANTAR PEMASARAN / FUNDAMENTALS OF MARKETING**

Kursus ini merupakan pengenalan kepada dunia pemasaran. Ianya membolehkan para pelajar mengenali dan memahami konsep-konsep asas dan falsafah pemasaran, memberi kefahaman tentang persekitaran pemasaran, dan kepentingan kelakuan pengguna dalam pemasaran. Pelajar juga akan diperkenalkan kaedah pemetakan pasaran, penyasaran, dan pemposisian produk atau perkhidmatan. Elemen-elemen campuran pemasaran (4P) iaitu produk, harga, pengedaran dan promosi turut dikupas. Di samping itu, pembentukan strategi pemasaran berasaskan 4P juga akan dibincangkan. Pelajar juga akan dapat meneroka asas-asas pemasaran antarabangsa. Selain itu, pelajar juga akan mengaplikasikan apa yang

telah dipelajari dengan menghasilkan pelan pemasaran. Kesan IoT (Internet of Things) terhadap aktiviti pemasaran juga akan dibincangkan.

*This course is an introduction to the world of marketing. It enables students to identify and understand the basic concepts and philosophy of marketing, to gain insights into the marketing environment, and the importance of consumer behavior in marketing. Students will also be introduced to market segmentation, targeting, and positioning of products or services. The elements of the marketing mix (4P) i.e., product, price, distribution and promotion, will be examined in detail. Additionally, the development of the 4P-based marketing strategies will also be discussed. Students will also be able to explore the basics of international marketing. In addition, they will also apply their knowledge in preparing a marketing plan. The impact of IoT (Internet of Things) on marketing activities will also be addressed.*

### **EPPM2053 PENGURUSAN KEWANGAN / FINANCIAL MANAGEMENT**

Kursus ini bertujuan memberi pendedahan kepada pelajar mengenai prinsip dan teknik asas yang digunakan secara meluas dalam bidang kewangan di samping menekankan aplikasinya dalam membuat keputusan kewangan. Antara topik yang dibincangkan termasuk persekitaran dan pasaran kewangan, konsep dan aplikasi nilai masa wang, kadar faedah, penilaian sekuriti, polisi dividen, risiko dan pulangan dan pengurusan modal kerja. Di akhir kursus, pelajar diharap dapat memahami dan berkemahiran untuk menganalisa serta membuat perancangan kewangan dan menilai pelaburan dalam aset kewangan.

**Prasyarat: EPPD1043 Matematik untuk Ekonomi dan Perniagaan, ATAU EPPD1083 Statistik untuk Ekonomi dan Pengurusan / Mathematics For Economics And Business or Statistics For Economics And Business**

*This course aims to expose students with the principles and basic techniques widely applied in finance, with emphasis on their application in financial decision-making. Among topics covered include financial environment and markets, the concept and application of time value of money, interest rates, security valuation, dividend policy, risk and return, as well as working capital management. By the end of this course, students are expected to understand and have the ability to analyze and develop financial plans as well as evaluate investments in financial assets.*

### **EPPM3643 KEWANGAN KORPORAT / CORPORATE FINANCE**

Kursus ini bertujuan meningkatkan kemahiran pelajar dalam mengaplikasikan teknik menganalisis dan penerapan model kewangan bagi membuat keputusan secara berkesan menggunakan penggunaan kajian kes yang telah dikenalpasti. Di antara keputusan kewangan korporat yang penting termasuklah perancangan dan

pembiayaan pelaburan jangka panjang, dasar dividen, penstrukturan, penggabungan dan pengambilalihan. Matlamat utama kursus ini adalah mendedahkan pelajar kepada kemahiran dalam mengenalpasti masalah atau isu kewangan, menjana alternatif dan membuat keputusan.

**Prasyarat: EPPM2053 Pengurusan Kewangan./ *Financial Management*.**

*This course aims to improve students' skills in applying analytical techniques and financial models for effective decision-making using identified case studies. Key corporate financial decisions covered include planning and financing long-term investments, dividend policy, restructuring, mergers, and acquisitions. The main objective of this course is to equip students with skills in identifying financial problems or issues, generating alternatives, and making financial decisions.*

### **EPPM4023 PENGURUSAN STRATEGIK / *STRATEGIK MANAGEMENT***

Kursus ini bertujuan untuk memberi pendedahan kepada para pelajar mengenai pengurusan strategik secara keseluruhan bagi sesebuah perniagaan. Pelajar diberi pendedahan mengenai keperluan dan tanggungjawab pengurusan atasan sesebuah syarikat dalam mengekal atau meningkatkan daya saing perniagaan menerusi perancangan dan pelaksanaan strategik. Pelajar diberi latihan untuk menganalisis persekitaran dalaman dan luaran perniagaan, dan diberi panduan tentang cara membentuk dan melaksanakan strategi yang sesuai untuk sesebuah perniagaan. Di samping itu, kursus ini turut membincangkan isu-isu persekitaran global dan tren semasa yang dihadapi oleh pengurus atasan syarikat.

*This course aims to expose students to the overall concept of strategic management for a business entity. Students will gain insights into the needs and responsibilities of a company's top management in maintaining or enhancing business competitiveness through strategic planning and implementation. They will be trained to analyze the internal and external business environment and given guidance in formulating and implementing appropriate strategies for a business entity. In addition, this course will also address global issues and current trends faced by the top management in companies.*

### **LATIHAN INDUSTRI *INDUSTRIAL TRAINING***

#### **EPPA4098 LATIHAN INDUSTRI PERAKAUNAN / *ACCOUNTING INDUSTRIAL TRAINING***

Kursus ini bertujuan untuk mendedahkan pelajar kepada pengalaman bekerja dalam bidang perakaunan selama enam bulan. Kursus ini juga bertujuan untuk

memperkasakan kompetensi dan kemahiran pekerjaan pelajar dan seterusnya dapat mempertingkatkan kebolehan pasaran pelajar. Melalui kursus ini juga pelajar berpeluang menerapkan konsep, teori dan ilmu yang diperolehi dalam bilik kuliah kepada alam pekerjaan.

**Prasyarat: Lulus semua kursus teras yang lain./ Pass All Other Core Courses.**

*This course aims to expose students with six months of work experience in the field of accounting. This course also aims to strengthen students' competencies and job skills and thus enhance students' employability. Through this course students will have the opportunity to apply the concepts, theories and knowledge acquired in the classroom to a real-world work environment.*

## **KURSUS ELEKTIF ELECTIVE COURSES**

### **EPPA413 PERAKAUNAN SEKTOR AWAM / ACCOUNTING FOR PUBLIC SECTOR**

Kursus ini diolah untuk mendedahkan pelajar kepada teori dan amalan perakaunan sektor awam serta perundangan dan peraturan yang mendasarinya. Liputan kursus adalah termasuk persekitaran perakaunan sektor awam dan isu-isu utama berkaitan perakaunan kewangan dan pelaporan (mengambil kira peralihan kepada perakaunan akrual dan keperluan MPSAS), perakaunan pengurusan dan kawalan, pengauditan serta akauntabiliti.

**Prasyarat: EPPA2114 Perakaunan dan Pelaporan Kewangan III / Financial Accounting and Reporting III**

This course is designed to expose students to the theory and practice of public sector accounting as well as the underlying legislation and regulations. The course covers public sector accounting environment and key issues related to financial accounting and reporting (considering the transition to accrual accounting and MPSAS requirements), management accounting and control, auditing, and accountability.

### **EPPA4143 ANALISIS PELAPORAN KEWANGAN / FINANCIAL REPORTING ANALYSIS**

Kursus ini bertujuan untuk membina kemahiran menganalisis maklumat untuk pembuatan keputusan ekonomi. Pelajar dilatih untuk membaca, memahami, menganalisis dan menginterpretasi maklumat yang didedahkan dalam laporan tahunan yang diterbitkan. Di samping itu, pelajar juga dilatih untuk memahami realiti ekonomi di sebalik maklumat yang dilaporkan, memahami kaitan di antara tadbir

urus korporat dengan pelaporan kewangan, menilai kualiti pelaporan serta mengenal pasti dan membetulkan kesan pengurusan perolehan ke atas angka perakaunan. Analisis merangkumi analisis prestasi kewangan, pengenalan sumber yang menjana nilai bagi entiti pelapor, penilaian risiko dan kredit serta penilaian pencapaian sasaran dan matlamat strategik.

**Prasyarat: EPPA3114 Perakaunan dan Pelaporan Kewangan IV / *Financial Accounting and Reporting IV***

*This course aims to develop the skills in analyzing information for economic decision-making. Students are trained to read, understand, analyze and interpret the information disclosed in the published annual reports. In addition, students are also taught to comprehend the economic realities behind the reported information, understand the relationship between corporate governance and financial reporting, assess the quality of reporting as well as identify and correct the impacts of earnings management on accounting figures. The analysis includes financial performance evaluation, identification of value-generating resources for the reporting entity, risk and credit assessment, and evaluation of the achievement of strategic goals and objectives.*

**EPPA4153 PERAKAUNAN UNTUK INSTRUMEN KEWANGAN ISLAM DAN ZAKAT / *ACCOUNTING FOR ISLAMIC FINANCIAL INSTRUMENTS AND ZAKAT***

Kursus ini bertujuan untuk memberi kefahaman tentang perakaunan untuk instrumen kewangan Islam dan zakat perniagaan. Tumpuan kursus adalah kepada aspek teori dan amali meliputi kontrak dan instrumen Islam dalam pelbagai sektor. Ia juga merangkumi falsafah, hukum hakam, serta kaedah penaksiran zakat mengikut sistem perundangan zakat di Malaysia. Selain itu, kursus ini membincangkan isu semasa serta cabaran berkaitan perakaunan untuk instrumen kewangan Islam.

**Prasyarat: EPPA2114 Perakaunan dan Pelaporan Kewangan III / *Financial Accounting and Reporting III***

*This course aims to provide an understanding on accounting for Islamic financial instruments and business zakat. The course focuses on both theoretical and practical aspects, covering Islamic contract and instruments in various sectors. It also includes the philosophy, legal principles, as well as the method of zakat assessment based on the zakat legal framework in Malaysia. In addition, this course discusses current issues and challenges related to accounting for Islamic financial instruments.*

**EPPA4163 PERAKAUNAN UNTUK KELESTARIAN / *ACCOUNTING FOR SUSTAINABILITY***

Kursus ini merupakan kursus pilihan bagi semua pelajar perakaunan. Kursus ini bertujuan memberi kefahaman menyeluruh tentang perakaunan kelestarian. Topik-

topik merangkumi perkembangan pelaporan kelestarian, kepentingan dan implikasi pelaporan kelestarian, pematuhan kepada keperluan perundangan, ekosistem dan tadbir urus kelestarian pelbagai peringkat, struktur pelaporan pelbagai piawaian, pelaporan terintegrasi, asurans dan penglibatan pihak berkepentingan.

*This course is an elective course for all accounting students. It aims to provide a comprehensive understanding of sustainability accounting. The topics covered include the development of sustainability reporting, the importance and implications of sustainability reporting, compliance with legal requirements, ecosystems and multi-level sustainability governance, multi-standard reporting structures, integrated reporting, assurance and stakeholder engagement.*

### **EPPA4323 AUDIT DALAMAN / INTERNAL AUDIT**

Kursus ini mendedahkan kepada pelajar fungsi audit dalaman di organisasi. Secara khususnya, kursus ini menghuraikan skop audit dalaman dalam membantu organisasi memperbaiki mutu serta memberi khidmat yang menambah nilai organisasi terutamanya dalam aspek kawalan, pengurusan risiko dan tadbir urus. Pelajar juga akan mengetahui piawaian yang juruaudit dalaman perlu patuhi dalam melaksanakan tugas mereka.

*This course exposes students to functions of internal auditing within organizations. In particular, this course describes the scope of internal auditing in assisting organizations to improve quality and providing value-added services, especially in the areas of control, risk management and governance. Students will also gain an understanding of the standards that internal auditors must comply with in performing their duties.*

### **EPPA4433 PERCUKAIAN LANJUTAN / ADVANCE TAXATION**

Kursus ini membincangkan ilmu percukaaian di peringkat lanjutan dari sudut penggubal dasar, pentadbir cukai dan perancang cukai dengan mengaitkannya dengan amalan sebenar di sektor awam dan korporat.

*This course discusses advanced taxation concepts from the perspective of policy makers, tax administrators and tax planners, linking them to the actual real-world practices in the public and public and corporate sectors.*

### **EPPA4543 PERKHIDMATAN PERNIAGAAN GLOBAL DIGITAL / DIGITAL GLOBAL BUSINESS SERVICES**

Kursus ini bertujuan untuk meningkatkan kemahiran pelajar dengan konsep-konsep utama, amalan dan isu yang berkaitan dengan kerja-kerja perundingan Sistem Maklumat Perakaunan (SMP) daripada perspektif kedua-dua pihak iaitu pelanggan dan perunding. Kursus ini mengguna pakai teori yang berkaitan dalam pengurusan perubahan, aspek tingkah laku dan psikologi sosial untuk menggambarkan bagaimana perunding SMP terlibat dengan organisasi dan membantu pihak pengurusan menyelesaikan isu dalam proses perniagaan. Kursus ini juga mengkaji cabaran dan peluang dalam persekitaran perniagaan yang kontemporari yang dibawa oleh kemajuan teknologi seperti kemunculan perakaunan awan, “Robotic Process Automation”, teknologi terkini dalam media sosial, “Big Data Analytics” dan “crowdsourcing”.

*This course aims to enhance the skills of students with key concepts, practices and issues related to Accounting Information System (SMP) consultancy work from both client and consultant perspectives. This course adopts related theories in change management, behavioral aspects and social psychology to illustrate how SMP consultants engage with organizations and help management solve issues in business processes. It also examines the challenges and opportunities in the contemporary business environment brought about by technological advances, such as the emergence of cloud accounting, “Robotic Process Automation”, cutting-edge social media technologies, “Big Data Analytics” and “crowdsourcing”.*

### **EPPA4553 MAKMAL LATIHAN PERKHIDMATAN PERNIAGAAN GLOBAL DIGITAL / DIGITAL GLOBAL BUSINESS SERVICES TRAINING LAB**

Kursus ini bertujuan menyediakan ruang untuk pembelajaran berasaskan kerja dalam makmal latihan di universiti yang dibangunkan oleh firma perkhidmatan perniagaan global digital (DGBS) yang terpilih. Melalui Pembelajaran berasaskan Kerja, pelajar akan dilatih melaksanakan kerja-kerja mengikut bidang kerjaya masing-masing. Contohnya pelajar perakaunan dan kewangan akan dilatih melaksanakan kerja-kerja berkaitan dengan penyediaan perkhidmatan perakaunan dan kewangan. Pelajar dari jurusan perniagaan atau yang berkaitan pula boleh memilih perkhidmatan sumber manusia, perkhidmatan teknologi maklumat atau yang berkaitan dengannya. Firma DGBS terpilih akan bekerjasama dengan penyelaras kursus dalam membangunkan pelan latihan untuk memastikan pelajar memperoleh pengalaman kerja dalam firma DGBS disamping meningkatkan kemahiran insaniah serta kecekapan bekerja yang diperlukan dalam industri DGBS.

*This course aims to provide a platform for work-based learning within a training laboratory at the university, developed in collaboration with selected global digital business service*



*(DGBS) firms. Through work-based learning, students will be trained to perform tasks according to their respective career fields. For example, accounting and finance students will be trained to perform tasks related to the provision of accounting and financial services. Students from business or related disciplines can opt for human resources services, information technology services, or relevant fields. Selected DGBS firms will collaborate with course coordinators in developing training plans to ensure students gain work experience in DGBS firms while improving their soft skills and work competencies required in the DGBS industry.*

### **EPPM3613 PASARAN DAN INSTITUSI KEWANGAN / FINANCIAL MARKET AND INSTITUTION**

Kursus ini merupakan kursus wajib bagi semua pelajar yang mengkhusus dalam bidang kewangan. Kursus ini bertujuan memberi kefahaman menyeluruh tentang teori dan praktis pasaran dan institusi kewangan. Topik yang dipelajari merangkumi pasaran kewangan iaitu pasaran wang, pasaran modal, pasaran tukaran wang asing dan pasaran derivatif; dan institusi kewangan.

*This course is a compulsory module for all students specializing in finance. It aims to provide a comprehensive understanding of theories and practices of financial markets and institutions. Topics covered include financial markets, such as money market, capital market, foreign exchange market and derivatives market, as well as financial institutions.*

### **EPPM3653 PENGURUSAN PELABURAN DAN PORTFOLIO / INVESTMENT AND PORTFOLIO MANAGEMENT**

Antara topik-topik penting dalam kursus ini termasuklah persekitaran pelaburan di Malaysia, yang merangkumi pelbagai alternatif pelaburan langsung dan tidak langsung serta struktur pasaran kewangannya, konsep dan prinsip pelaburan, cara dan prosedur penilaian sekuriti dan pengurusan portfolio dengan mengambil kira perspektif Islam. Kursus ini juga membincangkan beberapa teori-teori utama kewangan dan pelaburan.

*Among the important topics in this course include the investment environment in Malaysia, which covers various direct and indirect investment alternatives as well as the structure of its financial markets. It also explores the concepts and principles of investment, methods and procedures for evaluating securities, and the management of portfolio with consideration given to Islamic perspective. Additionally, the course examines several key theories in finance and investment.*

**EPPA3114 Perakaunan dan Pelaporan Kewangan IV / FINANCIAL ACCOUNTING AND REPORTING IV**

Kursus ini bertujuan memberi fahaman kepada pelajar mengenai isu-isu utama dalam pengurusan kewangan antarabangsa dan kaedah-kaedah bagi menangani isu-isu tersebut. Perbincangan merangkumi aspek persekitaran syarikat multinasional, penentuan kadar pertukaran mata wang asing, pendedahan dan cara mengurus pendedahan perubahan kadar tukaran mata wang asing, pengurusan modal kerja antarabangsa, pelaburan dan pembiayaan antarabangsa khususnya pelaburan langsung asing, pembelanjawan modal global dan pembiayaan perdagangan antarabangsa, trend teknologi kewangan dan kesannya terhadap kewangan global.

**Prasyarat: EPPM2053 Pengurusan Kewangan dan EPPM3643 Kewangan Korporat / *Financial Management and Corporate Finance***

*This course aims to provide students with an understanding of significant issues in international financial management and the methods to address these issues. Discussions cover topics related to the environment of multinational corporations, determination of foreign exchange rates, exposure to and management of foreign exchange rate fluctuations, international working capital management, international investment and financing, specifically on foreign direct investment (FDI), global capital budgeting, and international trade financing. The course also covers trends in financial technology (FinTech) and its impact on global finance.*

**SARJANA MUDA  
PENTADBIRAN  
PERNIAGAAN  
DENGAN KEPUJIAN  
/  
*BACHELOR IN  
BUSINESS  
ADMINISTRATION  
WITH HONOURS***

## **PROGRAM IJAZAH SARJANA MUDA PENTADBIRAN PERNIAGAAN BACHELOR IN BUSINESS ADMINISTRATION PROGRAMME**

Tujuan dan objektif Program Sarjana Muda Pentadbiran Perniagaan ialah untuk melahirkan graduan yang mahir dan berpengetahuan dari segi teoretikal dan juga praktikal dalam bidang pentadbiran perniagaan yang merangkumi pengurusan, pemasaran dan kewangan.

*The purpose and objectives of the Bachelor of Business Administration programme are to produce graduates who are skilled and knowledgeable in both theoretical and practical aspects of business administration, encompassing management, marketing, and finance.*

### **Objektif Program Sarjana Muda Pentadbiran Perniagaan adalah:- Objectives of the Bachelor of Business Administration Programme:**

1. Graduan pengurusan perniagaan yang berilmu secara teori dan praktikal, serta celik digital dalam penyelesaian masalah.  
*To produce business management graduates who are knowledgeable in both theoretical and practical aspects, as well as digitally literate in problem-solving.*
2. Graduan yang mempunyai kemahiran kepimpinan, bertanggungjawab interpersonal dan keupayaan berkomunikasi secara berkesan dengan pihak berkepentingan.  
*To develop graduates with leadership skills, a strong sense of responsibility, interpersonal abilities, and effective communication skills with stakeholders.*
3. Graduan yang melibatkan diri dengan aktiviti pembelajaran sepanjang hayat dan mempunyai pemikiran keusahawanan untuk pembangunan diri dan kerjaya.  
*To cultivate graduates who engage in lifelong learning activities and possess an entrepreneurial mindset for personal and career development.*
4. Graduan yang beretika, profesional dan berintegriti dalam berurusan dengan pihak berkepentingan.  
*To nurture graduates who are ethical, professional, and possess integrity in their dealings with stakeholders.*

### **Hasil Pembelajaran Program Programme Learning Outcomes**

Pada akhir program pengajian, graduan seharusnya boleh:  
*Upon completion of the programme, graduates should be able to:*

1. Mengenalpasti teori dan konsep dalam pengurusan perniagaan.  
*Identify theories and concepts in business management.*

2. Mengaplikasi teori dan konsep pengurusan perniagaan dalam penyelesaian masalah  
*Apply business management theories and concepts in problem-solving.*
3. Melaksana aktiviti berkaitan proses pengurusan perniagaan.  
*Implement activities related to business management processes.*
4. Mempamer kemahiran berinteraksi melalui kerjasama dengan pihak berkepentingan.  
*Demonstrate interaction skills through collaboration with stakeholders.*
5. Mempamer kemahiran berkomunikasi lisan dan bukan lisan yang efektif.  
*Exhibit effective verbal and non-verbal communication skills.*
6. Mengguna kemahiran digital berkaitan pengurusan perniagaan.  
*Utilise digital skills relevant to business management.*
7. Menganalisa data numerikal dalam penyelesaian tugas.  
*Analyse numerical data in task execution.*
8. Menunjukkan sikap kepimpinan, autonomi, dan kebertanggungjawaban berkaitan bidang pengurusan perniagaan.  
*Display leadership qualities, autonomy, and responsibility in business management.*
9. Menunjukkan peningkatan pembangunan sendiri melalui pembelajaran sepanjang hayat.  
*Demonstrate continuous self-development through lifelong learning.*
10. Mempamerkan pemikiran keusahawanan berkaitan bidang pengurusan perniagaan.  
*Exhibit entrepreneurial thinking in business management.*
11. Mengamalkan sikap profesionalisme berlandaskan prinsip etika dan integriti.  
*Practise professionalism based on ethical principles and integrity.*

## **Struktur Program**

### ***Programme Structure***

Untuk tujuan pengijazahan, pelajar perlu lulus sekurang-kurangnya 122 unit kredit seperti berikut:

*To be eligible for graduation, students must successfully complete a minimum of 122 credit units as follows:*

- |                                      |            |
|--------------------------------------|------------|
| 1. Kursus Wajib Universiti           | – 22 unit  |
| <i>University Compulsory Courses</i> | – 22 units |
| 2. Kursus Teras                      | – 71 unit  |
| <i>Core Courses</i>                  | – 71units  |

Kursus Teras (Latihan Industri)	– 8 unit
<i>Core Courses (Industrial Training)</i>	– 8 units
3. Kursus Elektif	– 21 unit
<i>Elective Courses</i>	– 21 units

**Kursus Universiti – 22 Unit Kredit**  
**University Courses – 22 Credit Units**

Bil No	Kod Kursus <i>Course Code</i>	Nama Kursus <i>Course Name</i>	Kredit <i>Credit</i>
1	LMCW1022	Asas Keusahawanan dan Inovasi	2
2	LMCW2152	Integriti dan Antirasuah	2
3	LMCW2143	Falsafah dan Isu Semasa	3
4	LMCW2153	Penghayatan Etika dan Peradaban	3
5	LMXXxxxx	Kursus Citra Universiti (C1-C6)	12

**Kursus Teras – 26 Unit Kredit**  
**Core Courses – 26 Credit Units**

Bil No	Kod Kursus <i>Course Code</i>	Nama Kursus <i>Course Name</i>	Kredit <i>Credit</i>
1	LMCE1062/ LMCE1072/ LMCE1082	<i>Academic Interaction (MUET Band 3.0 dan 3.5)/ Academic Literacy (MUET Band 4.0 dan 4.5) Page to Stage (MUET Band 5.0,5+)</i>	2
2	LMCE2082/ LMCE2092/ LMCE2103	<i>Pro Talk English (MUET Band 3.0 dan 3.5)/ Speak to Persuade (MUET Band 4.0 dan 4.5) Advanced Communication Project (MUET Band 5.0,5+)</i>	2

3	LMCE3061/ LMCE3071/ LMCE2103	<i>Corporate Storytelling (MUET Band 3.0 dan 3.5) / Professional Communication (MUET Band 4.0 dan 4.5) Advanced Communication Project (MUET Band 5&amp;6)</i>	1
4	EPPA1013	Prinsip Perakaunan <i>Principles Of Accounting</i>	3
5	EPPD1043	Matematik untuk Ekonomi dan Perniagaan <i>Mathematics For Economics And Business</i>	3
6	EPPD1053	Pengantar Pengurusan <i>Fundamentals Of Management</i>	3
7	EPPD1073	Komunikasi Perniagaan Kontemporari <i>Contemporary Business Communication</i>	3
8	EPPD1083	Statistik untuk Ekonomi dan Pengurusan <i>Statistics For Economics And Business</i>	3
9	EPPD1003	Prinsip Ekonomi <i>Principles of Economics</i>	3
10	EPPM2043	Etika dan Tanggungjawab Sosial Korporat <i>Ethics And Corporate Social Responsibility</i>	3
11	EPPM1013	Perniagaan Digital <i>Digital Business</i>	3
12	EPPM1103	Kelakuan Organisasi <i>Organizational Behaviour</i>	3
13	EPPM1113	Aplikasi Komputer Bersepadu <i>Integrated Computer Application</i>	3
14	EPPM1123	Pengantar Pemasaran <i>Fundamentals Of Marketing</i>	3
15	EPPM1133	Pengurusan Sumber Manusia <i>Human Resources Management</i>	3
16	EPPM2033	Perniagaan Antarabangsa <i>International Business</i>	3

17	EPPM2053	Pengurusan Kewangan <i>Financial Management</i>	3
18	EPPM1023	Perniagaan Mengikut Perspektif Islam <i>Business From Islamic Perspective</i>	3
19	EPPM2133	Penyelidikan Perniagaan <i>Business Research</i>	3
20	EPPM2143	Pengurusan Operasi <i>Operation Management</i>	3
21	EPPA2813	Perakaunan untuk Pengurusan <i>Managerial Accounting</i>	3
22	EPPA2823	Undang-Undang Perniagaan <i>Business Law</i>	3
23	EPPM3096	Kertas Ilmiah <i>Academic Paper</i>	6
24	EPPM4023	Pengurusan Strategik <i>Strategic Management</i>	3
25	EPPM4098	Latihan Industri <i>Industrial Training</i>	8

### Kursus Elektif – 21 Unit Kredit

#### *Elective Courses – 21 Credit Units*

Sebanyak tujuh (7) kursus boleh diambil mengikut pengkhususan (5 kursus daripada modul utama + 2 daripada modul lain):

*Students may select seven (7) courses based on their specialisation (5 courses from the main module + 2 from other modules).*

### KEWANGAN

#### FINANCE

Bil No	Kod Kursus Course Code	Nama Kursus Course Name	Kredit Credit
1	EPPM3613	Pasaran dan Institusi Kewangan <i>Financial Market and Institution</i>	3
2	EPPM3643	Kewangan Korporat <i>Corporate Finance</i>	3



3	EPPM3653	Pengurusan Pelaburan dan Portfolio <i>Investment and Portfolio Management</i>	3
4	EPPM4613	Fintech dan Aset Digital <i>Financial Technology and Digital Assets</i>	3
5	EPPM4623	Kewangan Antarabangsa <i>International Finance</i>	3

### PERKHIDMATAN KEWANGAN DAN PENGURUSAN RISIKO *FINANCIAL SERVICES AND RISK MANAGEMENT*

Bil No	Kod Kursus <i>Course Code</i>	Nama Kursus <i>Course Name</i>	Kredit <i>Credit</i>
1	EPPM3533	Operasi Syarikat Insurans dan Takaful <i>Operations Of Insurance Companies And Takaful</i>	3
2	EPPM3553	Pengurusan Risiko Lanjutan <i>Advanced Risk Management</i>	3
3	EPPM3563	Pengurusan Risiko Enterpris <i>Enterprise Risk Management</i>	3
4	EPPM3573	Insurans Hayat dan Takaful Keluarga <i>Life Insurance And Family Takaful</i>	3

### PEMASARAN DAN KEPENGGUNAAN *MARKETING AND CONSUMERISM*

Bil No	Kod Kursus <i>Course Code</i>	Nama Kursus <i>Course Name</i>	Kredit <i>Credit</i>
1	EPPM3303	Pemasaran Digital <i>Digital Marketing</i>	3
2	EPPM3313	Psikologi Pengguna <i>Consumer Psychology</i>	3
3	EPPM3353	Pengurusan dan Strategi Pemasaran <i>Management and Marketing Strategy</i>	3

4	EPPM3363	Pengurusan Peruncitan <i>Retail Management</i>	3
5	EPPM3373	Pemasaran Perkhidmatan <i>Services Marketing</i>	3
6	EPPM3383	Inovasi Produk dan Penjenamaan <i>Product Innovation and Branding</i>	3
7	EPPM3413	Pemasaran Halal <i>Halal Marketing</i>	3
8	EPPM4323	Komunikasi Pemasaran Bersepadu <i>Integrated Marketing Communication</i>	3

### **PENGURUSAN MANAGEMENT**

<b>Bil No</b>	<b>Kod Kursus Course Code</b>	<b>Nama Kursus Course Name</b>	<b>Kredit Credit</b>
1	EPPM2093	Pengurusan Sistem Maklumat <i>Information System Management</i>	3
2	EPPM3153	Teori dan Rekabentuk Organisasi <i>Organization Theory and Design</i>	3
3	EPPM3223	Pengurusan Sumber Manusia Antarabangsa <i>International Human Resources Management</i>	3
4	EPPM4253	Pengurusan Ganjaran Pekerja <i>Employee Reward Management</i>	3
5	EPPM4263	Latihan dan Pembangunan Sumber Manusia <i>Employee Training and Development</i>	3

### **PERNIAGAAN ANTARABANGSA INTERNATIONAL BUSINESS**

<b>Bil No</b>	<b>Kod Kursus</b> <i>Course Code</i>	<b>Nama Kursus</b> <i>Course Name</i>	<b>Kredit</b> <i>Credit</i>
1	EPPE3143	Ekonomi Perdagangan Antarabangsa <i>International Trade Economics</i>	3
2	EPPM3183	Pengurusan Perubahan dan Inovasi <i>Innovation and Change Management</i>	3
3	EPPM3413	Pengurusan Silang Budaya <i>Cross-Cultural Management</i>	3

## **SINOPSIS KURSUS**

### **COURSE SYNOPSIS**

## **KURSUS TERAS**

### **CORE COURSES**

#### **EPPA1013 PRINSIP PERAKAUNAN / *PRINCIPLES OF ACCOUNTING***

Kursus ini memperkenalkan pelajar kepada konsep dan prinsip asas serta rasional yang mendasari amalan perakaunan. Kitaran perakaunan disentuh secara terperinci yang meliputi proses penjurnalan, pengeposan, penyediaan imbalan duga, pelarasan, penyediaan penyata kewangan dan catatan penutup. Perbincangan meliputi kitaran perakaunan bagi jenis operasi berbeza seperti perniagaan perkhidmatan, pabarangan dan perkilangan serta dari konteks pemilikan berbeza yang meliputi pemilikan tunggal, perkongsian, syarikat dan organisasi tidak bermotifkan keuntungan.

*This course introduces students to the basic concepts, principles, and rationale underlying accounting practices. The accounting cycle is explored in detail covering processes such as journalizing, posting, preparing trial balances, making adjustments, preparing financial statements and closing entries. Discussions extend to the accounting cycle for different types of operations, including services, merchandising and manufacturing businesses, as well as different ownership structures such as sole proprietorships, partnerships, corporations and non-profit organizations.*

### **EPPD1043 MATEMATIK UNTUK EKONOMI DAN PERNIAGAAN / MATHEMATICS FOR ECONOMICS AND BUSINESS**

Kursus ini memberi kefahaman kepada pelajar beberapa aspek asas dalam matematik yang meliputi fungsi, matriks, matematik kewangan, had, keselajaran, perbezaan dan pengamiran. Aplikasi dalam bidang ekonomi turut dibincangkan untuk setiap tajuk tersebut. Selepas mengikuti kursus ini, pelajar dapat menganalisis masalah ekonomi dan perniagaan dengan menggunakan teknik-teknik matematik yang telah dibincangkan.

*This course provides students with an understanding of fundamental aspects of mathematics, including functions, matrices, finance mathematics, limits, continuity, differentiation and integration. Application in the field of economics are also discussed for each topic. By the end of this course, students are expected to be able to analyse economic and business through using the mathematical techniques covered.*

### **EPPD1053 PENGANTAR PENGURUSAN / FUNDAMENTALS OF MANAGEMENT**

Kursus ini merupakan kursus pengenalan kepada pengurusan perniagaan. Ia mendedahkan kepada pelajar konsep dan teori asas pengurusan dan pentadbiran organisasi. Tajuk-tajuk utama merangkumi pemikiran pengurusan, perancangan, pengorganisasian, kepimpinan dan motivasi, pengawalan kualiti dan prestasi, budaya korporat dan komunikasi dalam menguruskan sesebuah organisasi. Kursus ini turut membincangkan tentang amalan-amalan terbaik pengurusan terkini dalam pembentukan dan pengekalannya daya saing organisasi.

*This is an introductory course on business management. It introduces students to fundamental concepts and theories of management and organisational administration. The main topics include management thought, planning, organizing, leadership and motivation, quality and performance control, corporate culture, and communication in managing organizations. This course also discusses the current best management practices in fostering and sustaining organizational competitiveness.*

### **EPPD1073 KOMUNIKASI PERNIAGAAN KONTEMPORARI / CONTEMPORARY BUSINESS COMMUNICATION**

Komunikasi Perniagaan mengajar pelajar cara untuk memperbaiki kemahiran berkomunikasi sebagai asas kejayaan dalam alam pekerjaan. Kursus ini membolehkan pelajar memahami faktor-faktor yang akan menjamin komunikasi yang efektif. Pelajar akan diajar tentang pelbagai elemen kemahiran komunikasi seperti komunikasi silang budaya, komunikasi lisan dan bukan lisan. Pelajar akan mengetahui cara berkomunikasi ketika berada dalam situasi berbeza, dalam kumpulan kerja, mendengar secara eektif, serta menggunakan teknologi untuk

berkomunikasi dengan lebih efektif dan produktif. Pelajar juga akan didedahkan kepada penulisan resume dan penyediaan resume video bagi memenuhi tuntutan terkini industri, seterusnya dibimbing melalui satu sesi mock interview sebagai latihan persediaan temuduga pekerjaan.

*The Business Communication course teaches students on how to enhance their communication skills as the basis of their career success. This course enables students to understand the factors that ensure effective communication. They will gain insight into effective communication under different situations, within workgroups, and in active listening, as well as using technology to communicate effectively and productively. Students will also be introduced to resume writing and the preparation of video resumes to meet current industrial demands, and be guided through a mock interview session as preparation for job interviews.*

### **EPPD1083 STATISTIK UNTUK EKONOMI DAN PERNIAGAAN / STATISTICS FOR ECONOMICS AND BUSINESS**

Kursus ini bertujuan memberi fahaman kepada pelajar tentang konsep dan kaedah statistik yang digunakan dalam bidang ekonomi dan perniagaan. Perbincangan meliputi pengenalan kepada statistik, perihal data secara visual dan numerik, pengenalan kepada kebarangkalian, taburan kebarangkalian, taburan pensampelan, penganggaran, ujian hipotesis, analisis varian, ujian Khi-kuasadua, kaedah statistik tak berparameter, analisis kolerasi dan analisis regresi. Selepas mengikut kursus ini, pelajar seharusnya boleh mengaplikasi kaedah statistik yang sesuai dan menganalisis keputusan statistik yang diperolehi.

*This course aims to provide students with an understanding of statistical concepts and methods used in economics and business. The discussions include introduction to statistics, visual and numerical data descriptions, introduction to probability, probability distributions, sampling distributions, estimation, hypothesis testing, analysis of variance, Chi-squared tests, non-parametric statistical methods, correlation analysis, and regression analysis. Upon completing this course, students are expected to apply appropriate statistical techniques and analyse statistical test results.*

### **EPPD1003 PRINSIP EKONOMI / PRINCIPLES OF ECONOMICS**

Kursus ini bertujuan memberi pengetahuan kepada pelajar tentang analisis dan konsep asas mikroekonomi dan makroekonomi. Topik dalam skop mikroekonomi merangkumi masalah ekonomi pada peringkat pengguna dan firma. Pelajar akan didedahkan kepada tajuk utama mikroekonomi meliputi aspek permintaan, penawaran, keseimbangan harga, keanjalan, fungsi pengeluaran, kos dan struktur

pasaran. Topik dalam skop makroekonomi pula meliputi pengukuran dan keseimbangan pendapatan negara, peranan bank pusat, bank perdagangan dan proses penciptaan kredit, pasaran wang dan penentuan kadar bunga, implikasi dasar fiskal dan monetari terhadap pendapatan negara, pengangguran dan inflasi, perdagangan antarabangsa, imbangan pembayaran serta pasaran pertukaran asing. Di akhir kursus, pelajar seharusnya dapat mengaplikasikan pendekatan kedua-dua mikroekonomi dan makroekonomi dalam menyelesaikan masalah ekonomi dan pengurusan serta mengaitkan ilmu tersebut dengan isu ekonomi semasa dalam persekitaran global dan setempat.

*This course aims to provide students with knowledge of the analysis and basic concepts of microeconomics and macroeconomics. Topics in the scope of microeconomics cover economic issues at the consumer and firm levels. Students will be introduced to key microeconomic topics, including aspects of demand, supply, price equilibrium, elasticity, production functions, costs and market structures. Topics within the scope of macroeconomic include the measurement and equilibrium of national income, the role of central and commercial banks, the credit creation process, money market and interest rate determination, implications of fiscal and monetary policies on national income, unemployment and inflation, international trade, the balance of payments and foreign exchange markets. By the end of the course, students should be able to apply both microeconomic and macroeconomic approaches in solving economic and management problems and relate this knowledge to current economic issues in the global and local environments.*

### **EPPM2043 ETIKA DAN TANGGUNGJAWAB SOSIAL KORPORAT / ETHICS AND CORPORATE SOCIAL RESPONSIBILITY**

Secara umumnya kursus ini membincangkan etika dan tanggungjawab sosial korporat berdasarkan perspektif Teori Pemegang Kepentingan yang menekankan bahawa perniagaan dan masyarakat adalah sebahagian daripada sistem yang saling berinteraksi dan bergantung antara satu sama lain. Tajuk-tajuk yang akan dibincangkan termasuklah hubungan di antara perniagaan dan masyarakat, persekitaran sosial, persekitaran etika, kerajaan, alam sekitar, perubahan teknologi, dan pemegang kepentingan. Para pelajar akan didedahkan kepada konsep dan teori etika dan tanggungjawab sosial korporat, isu-isu semasa dan masalah berkaitan dengan etika dan tanggungjawab sosial korporat. Melalui kursus ini juga, pelajar dapat mengaplikasikan pengetahuan melalui keterlibatan dengan aktiviti kesukarelawanan. Pelajar dikehendaki memilih satu daripada empat modul kesukarelawanan yang ditawarkan, iaitu: 1) modul alam sekitar, 2) modul kepenggunaan, 3) modul perniagaan sosial, dan 4) modul khidmat masyarakat. Di penghujung kursus, pelajar dikehendaki mengaplikasi teori dan pengetahuan yang

telah dipelajari dalam kes-kes sebenar berkaitan etika dan tanggungjawab sosial perniagaan.

*Generally, this course discusses ethics and corporate social responsibility from the perspective of Stakeholder Theory, which emphasizes that business and society are part of an interconnected and interdependent system. Topics to be covered include the relationship between business and society, the social environment, the ethical environment, government, the natural environment, change in technology, and stakeholders. Students will be exposed to concepts, theories of ethics, and corporate social responsibility, current issues, and challenges related to these topics. Through this course students will also apply their knowledge by engaging in voluntary activities. Students are required to select one of the four voluntary modules offered, namely: 1) environmental module, 2) consumerism module, 3) social business module, and 4) community service module. At the end of this course, students are required to apply the theories and knowledge acquired through real-world cases related to business ethics and corporate social responsibility.*

### **EPPM1013 PERNIAGAAN DIGITAL / DIGITAL BUSINESS**

Kursus ini bertujuan mendedahkan kepada pelajar mengenai perniagaan digital yang memfokuskan kepada perniagaan secara atas talian. Pelajar akan mempelajari konsep, infrastruktur, persekitaran, dan strategi penggunaan media digital seperti IoT (Internet of Things), media sosial dan e-dagang. Di samping itu, pelajar juga dilengkapi dengan kemahiran pengurusan hubungan dan pengalaman menggunakan kaedah pemasaran digital. Dengan mengetahui teknik sebegini, pelajar dapat memanfaatkan kuasa platform digital untuk mengembangkan perniagaan mereka selaras dengan agenda ekonomi digital negara - IR4.0 (Industrial Revolution 4.0).

*This course aims to expose students to digital business with a focus on online business. Students will learn the concepts, infrastructure, environments, and strategies for utilizing digital media such as IoT (Internet of Things), social media and e-commerce. In addition, students are also equipped with relationship management skills and experience in using digital marketing methods. By understanding these techniques, students will be able to leverage the power of digital platforms to expand their businesses in line with the country's digital economy agenda – IR4.0 (Industrial Revolution 4.0).*

### **EPPM1103 KELAKUAN ORGANISASI / ORGANIZATIONAL BEHAVIOUR**

Kursus ini bertujuan untuk memberi pendedahan tentang aspek utama kelakuan organisasi pada tiga tahap utama iaitu individu, kumpulan dan sistem dalam organisasi. Antara tajuk utama dalam rangka perbincangan adalah kelakuan dan

sikap individu, kelakuan antara individu, dinamik kumpulan, kepimpinan dan kuasa, serta budaya dan perubahan organisasi. Kursus ini menggunakan pendekatan kuliah, perbincangan dalam kumpulan dan forum untuk meningkatkan kefahaman pelajar berkenaan kelakuan organisasi.

**Prasyarat: EPPD1053 Pengantar Pengurusan / *Fundamentals Of Management*.**

*The course is designed to provide exposure to key aspects of organizational behaviour at three main levels: individual, group and organization. Among the main topics discussed include individual behaviour and attitudes, interpersonal behaviours, group dynamics, leadership and power, as well as organizational culture and change. The course employs lectures, group discussions and forums to enhance students' understanding of organizational behaviour.*

**EPPM1113 APLIKASI KOMPUTER BERSEPADU / *INTEGRATED COMPUTER APPLICATION***

Kursus ini bertujuan untuk memberi pendedahan tentang konsep asas teknologi maklumat dan penggunaan praktikal aplikasi komputer terkini dalam bidang ekonomi dan perniagaan. Konsep teknologi maklumat merangkumi perkakasan, perisian, pangkalan data, rangkaian, internet, telekomunikasi dan pendigitalan. Kursus ini juga menyediakan latihan praktikal aplikasi Microsoft Office bagi kegunaan dalam pengurusan dan perniagaan serta aplikasi lain yang penting bagi keperluan semasa seperti multimedia atau hipermedia, asas bahasa pemrograman (HTML) serta pembangunan blog.

*This course aims to provide exposure to the basic concepts of information technology and the practical application of the latest computer applications in economics and business. The information technology concepts include hardware, software, databases, networks, the internet, telecommunications, and digitization. The course also provides practical training on Microsoft Office applications relevant to management and business, as well as other applications important for current needs such as multimedia or hypermedia, basic programming languages (HTML) and blog development.*

**EPPM1123 PENGANTAR PEMASARAN / *FUNDAMENTALS OF MARKETING***

Kursus ini merupakan pengenalan kepada dunia pemasaran. Ianya membolehkan para pelajar mengenali dan memahami konsep-konsep asas dan falsafah pemasaran, memberi kefahaman tentang persekitaran pemasaran, dan kepentingan kelakuan pengguna dalam pemasaran. Pelajar juga akan diperkenalkan kaedah pemetakan pasaran, penyasaran, dan pemposisian produk atau perkhidmatan. Elemen-elemen campuran pemasaran (4P) iaitu produk, harga, pengedaran dan promosi turut dikupas. Di samping itu, pembentukan strategi pemasaran berasaskan



4P juga akan dibincangkan. Pelajar juga akan dapat meneroka asas-asas pemasaran antarabangsa. Selain itu, pelajar juga akan mengaplikasikan apa yang telah dipelajari dengan menghasilkan pelan pemasaran. Kesan IoT (Internet of Things) terhadap aktiviti pemasaran juga akan dibincangkan.

*This course is an introduction to the world of marketing. It enables students to recognise and understand the basic concepts and philosophy of marketing, provide an understanding of the marketing environment, and the importance of consumer behaviour in marketing. Students will also be introduced to market segmentation, targeting, and positioning products, or services. The elements of the marketing mix (4P), namely product, price, distribution and promotion, as well as the formulation of a 4P-based marketing strategy, will also be discussed. Students will also be able to explore the basics of international marketing and prepare a marketing plan to apply their acquired knowledge. The impact of IoT (Internet of Things) on marketing activities will also be examined.*

### **EPPM1133 PENGURUSAN SUMBER MANUSIA / HUMAN RESOURCES MANAGEMENT**

Kursus ini bertujuan memberi kefahaman kepada pelajar mengenai konsep, prinsip dan amalan pengurusan sumber manusia dalam organisasi. Di samping itu, kursus ini juga memupuk kemahiran pelajar untuk menganalisis dan menyelesaikan masalah berhubung isu-isu pengurusan sumber manusia dalam organisasi. Topik perbincangan termasuk analisis kerja, perancangan sumber manusia, perekrutan dan pemilihan pekerja, penilaian prestasi, latihan dan pembangunan, pengurusan ganjaran serta kesihatan dan keselamatan pekerjaan.

*This course aims to provide students with an understanding of the concepts, principles and practices of human resource management within organizations. In addition, the course also fosters students' skills in analysing and solving challenges related to human resource management issues within organizations. Topics of discussion include job analysis, human resource planning, employee recruitment and selection, performance appraisal, training and development, reward management as well as occupational health and safety.*

### **EPPM2033 PERNIAGAAN ANTARABANGSA / INTERNATIONAL BUSINESS**

Kursus ini bertujuan untuk mendedahkan pelajar terhadap pelbagai aspek pengurusan perniagaan di pasaran antarabangsa. Pelajar akan didedahkan dengan faktor persekitaran global yang pelbagai seperti sistem politik dan perundangan, ekonomi dan kewangan, serta sosio-budaya yang mempengaruhi strategi perniagaan rentas sempadan. Kandungan kursus merangkumi perbincangan teori serta polisi dalam perniagaan antarabangsa yang akan diaplikasikan dalam

merangka strategi pelaburan, pemasaran dan sumber manusia antarabangsa. Selain itu, kursus ini juga akan melibatkan pihak industri untuk berkongsi pengalaman dan kepakaran dalam dunia perniagaan antarabangsa sebenar.

*This course aims to expose students to various aspects of business management in the international market. Students will be exposed to diverse global environmental factors such as political and legal systems, economics and finance, as well as socio-cultural dynamics influencing cross-border business strategies. The curriculum encompasses discussions on international business theory and policy, that will be applied in formulating strategies for international investment, marketing and human resource management. In addition, the course will incorporate industry engagements to provide students with insights into real-world international business practices.*

### **EPPM2053 PENGURUSAN KEWANGAN / FINANCIAL MANAGEMENT**

Kursus ini bertujuan memberi pendedahan kepada pelajar mengenai prinsip dan teknik asas yang digunakan secara meluas dalam bidang kewangan di samping menekankan aplikasinya dalam membuat keputusan kewangan. Antara topik yang dibincangkan termasuk persekitaran dan pasaran kewangan, konsep dan aplikasi nilai masa wang, kadar faedah, penilaian sekuriti, polisi dividen, risiko dan pulangan dan pengurusan modal kerja. Di akhir kursus, pelajar diharap dapat memahami dan berkemahiran untuk menganalisa serta membuat perancangan kewangan dan menilai pelaburan dalam aset kewangan.

**Prasyarat: EPPA1013 Prinsip Perakaunan, DAN.**

**EPPD1043 Matematik untuk Ekonomi dan Perniagaan, ATAU**

**EPPD1083 Statistik untuk Ekonomi dan Pengurusan. / *Principles of Accounting and Mathematics for Economics and Business or Statistics for Economics and Business.***

*This course aims to familiarise students with the basic principles and techniques that are widely used in finance, while emphasizing their application to financial decision-making. Among the topics discussed include financial markets and environments, time value of money, interest rates, security valuation, dividend policy, risk and return, as well as working capital management. By the end of this course, students are expected to understand and demonstrate proficiency in financial analysis and planning, as well as investment valuation in financial assets.*

### **EPPM1023 PERNIAGAAN MENGIKUT PERSPEKTIF ISLAM / BUSINESS FROM ISLAMIC PERSPECTIVE**

Kursus ini memberi fokus kepada penghayatan kehidupan masyarakat dalam konteks amalan perniagaan mengikut perspektif Islam sebagai satu cara kehidupan

(Islam as a way of life). Matlamat utama kursus ini adalah untuk memberi pemahaman kepada pelajar terhadap asas-asas perniagaan menurut perspektif Islam yang mana pelajar akan didedahkan dengan konsep-konsep asas perniagaan dalam Islam, instrumen-instrumen kewangan Islam, pengurusan dalam Islam dan etika pengurusan Islam. Di samping itu juga, kursus ini akan membincangkan isu-isu semasa berkaitan dengan asas perniagaan menurut perspektif Islam.

*This course focuses on appreciating the role of business in the context of societal well-being from an Islam perspective, with the religion as a way of life. Its main objective is to foster an understanding of the foundations of business within Islamic contexts. Students will be introduced to core concepts of business from Islamic standpoint, such as Islamic financial instruments, Islamic management and Islamic ethics. This course will also address contemporary issues related to the basics of business from an Islamic perspective.*

### **EPPM2133 PENYELIDIKAN PERNIAGAAN / BUSINESS RESEARCH**

Kursus ini bertujuan untuk memperkenalkan pelajar kepada kaedah penyelidikan perniagaan. Pelajar dibimbing secara teori dan praktikal dalam penghasilan artikel penyelidikan perniagaan. Ia termasuk membentuk pernyataan masalah, objektif dan sumbangan kajian. Selain itu, pelajar dilatih membuat sorotan literatur secara sistematik. Kedua-dua kaedah kuantitatif dan kualitatif turut dibincangkan. Akhir sekali, pelbagai jenis analisis data turut diperkenalkan menggunakan perisian SPSS dan NVIVO. Di akhir kursus, pelajar perlu mengemukakan cadangan penyelidikan perniagaan untuk disiapkan dalam kursus EPPM3096-Kertas Ilmiah.

*This course is designed to introduce students to research methodologies in the field of business. Students will receive both theoretical and practical guidance on producing business research articles, including defining problem statements, objectives, and contributions of their studies. In addition, students are trained to conduct systematic literature review. The course covers both quantitative and qualitative research methods, together with various data analysis techniques, using software such as SPSS and NVIVO. At the end of the course, students are required to submit a business research proposal as part of the EPPM3096-Academic Paper.*

### **EPPM2143 PENGURUSAN OPERASI / OPERATION MANAGEMENT**

Kursus ini memperkenalkan teori, konsep dan isu utama dalam operasi pembuatan dan perkhidmatan. Di antara topik-topik yang diliputi ialah pengurusan operasi dalam era globalisasi, kaedah reka bentuk produk dan perkhidmatan, pengurusan kualiti, pengurusan rantaian bekalan, logistik, perancangan kapasiti dan lokasi, produktiviti,

pengurusan inventori, penjadualan dan sistem pengurusan sumber. Pelajar juga diberi latihan menerusi permainan simulasi berkaitan pengurusan rantaian bekalan untuk memberi pendedahan kepada pengurusan operasi perniagaan yang sebenar.

**Prasyarat: EPPD1043 Matematik untuk Ekonomi dan Perniagaan.**

**EPPD1083 Statistik untuk Ekonomi dan Perniagaan / *Mathematics for Economics and Business or Statistics for Economics and Business.***

*This course introduces the theories, concepts, and key issues in manufacturing and service operations. Among the topics covered are operations management in the era of globalization, methods of product and service design, quality management, supply chain management, logistics, capacity and location planning, productivity, inventory management, scheduling, and resource management systems. Students are also provided training through simulation games related to supply chain management to expose them to real-world business operations management.*

**EPPM2513 PRINSIP PENGURUSAN RISIKO / *PRINCIPLE OF RISK MANAGEMENT***

Kursus ini bertujuan memberikan pengetahuan kepada pelajar mengenai pengurusan risiko dan fungsi insurans sebagai mekanisma bagi mengurangkan beban kerugian kewangan yang mungkin dialami oleh individu dan organisasi akibat hal luar jangka atau kemalangan. Antara topik yang akan dibincangkan dalam kursus ini termasuklah konsep risiko, proses pengurusan risiko, prinsip-prinsip insurans, insurans hayat, insurans am dan takaful.

*This course aims to provide students with the knowledge of risk management and the function of insurance as a mechanism to reduce the burden of financial loss that individuals and organizations may face due to unforeseen events or accidents. Among the topics to be discussed in this course include the concept of risk, risk management process, insurance principles, life insurance, general insurance and takaful.*

**EPPA2813 PERAKAUNAN UNTUK PENGURUSAN / *MANAGERIAL ACCOUNTING***

Kursus ini memperkenalkan kepada pelajar-pelajar Sarjana Muda Pentadbiran Perniagaan elemen dan isu dalam perakaunan kos dan perakaunan pengurusan. Dengan itu, bakal-bakal pengurus ini bukan sahaja boleh memahami malahan juga boleh menerapkan pengetahuan yang berkaitan dalam merancang, mengawal, membuat keputusan dan melakukan pembaikan berterusan dalam kerja mereka kelak.

*This course introduces students of Bachelor of Business Administration to elements and issues of cost accounting and management accounting. Consequently, these future*

*managers will not only understand but also can apply the related knowledge in planning, controlling, decision-making and continuous improvement in their future roles.*

### **EPPA2823 UNDANG-UNDANG PERNIAGAAN / UNDANG-UNDANG PERNIAGAAN**

Kursus ini bertujuan memberi kefahaman tentang perundangan yang berkaitan perdagangan. Topik yang dibincangkan adalah Sistem Perundangan Malaysia, Undang-undang Kontrak, Undang-undang Ejensi, Undang-undang Jualan Barangan, Undang-undang Insurans, Undang-undang Pekerjaan, Undang-undang Perkongsian dan Undang-undang Syarikat.

*This course aims to provide an understanding of laws related to trade. Topics discussed include Malaysian Legal System, Contract Law, Agency Law, Sale of Goods Law, Insurance Law, Employment Law, Partnership Law and Company Law.*

### **EPPM3096 KERTAS ILMIAH / ACADEMIC PAPER**

Kursus ini menyediakan platform kepada pelajar untuk melaksanakan penyelidikan sendiri secara beretika dan profesional di bawah pantauan penyelia. Pelajar dapat mengaplikasikan pengetahuan tentang pengurusan dan pentadbiran perniagaan menerusi penyelidikan untuk menghasilkan kertas penyelidikan yang berbentuk kajian lapangan. Pelajar akan diselia oleh seorang pensyarah dalam bidang berkaitan untuk menghasilkan laporan bertulis dan pembentangan yang akan dinilai oleh penyelia dan pakar bidang dari fakulti.

**Prasyarat: EPPM2133 Penyelidikan Perniagaan. / Business Research.**

*This course provides a platform for students to conduct independent research ethically and professionally under the supervision of a supervisor. Students can apply their knowledge of business management and administration through research to produce a field study research paper. Each student will be supervised by a lecturer specializing in the relevant field to produce a written report and presentation, which will be evaluated by the supervisor and subject matter experts from the faculty.*

### **EPPM4023 PENGURUSAN STRATEGIK / STRATEGIC MANAGEMENT**

Kursus ini bertujuan untuk memberi pendedahan kepada para pelajar mengenai pengurusan strategik secara keseluruhan bagi sesebuah perniagaan. Pelajar diberi pendedahan mengenai keperluan dan tanggungjawab pengurusan atasan sesebuah syarikat dalam mengekalkan atau meningkatkan daya saing perniagaan menerusi perancangan dan pelaksanaan strategik. Pelajar diberi latihan untuk menganalisis persekitaran dalaman dan luaran perniagaan, dan diberi panduan tentang cara membentuk dan melaksanakan strategi yang sesuai untuk sesebuah perniagaan. Di

samping itu, kursus ini turut membincangkan isu-isu persekitaran global dan tren semasa yang dihadapi oleh pengurus atasan syarikat.

*This course aims to provide students with comprehensive understanding of strategic management for business entities. Students are introduced to the requirements and responsibilities of senior management in sustaining or enhancing business competitiveness through strategic planning and implementation. They will be given training in analysing internal and external business environment, together with guidance on how to formulate and implement appropriate strategies for a business entity. In addition, this course will also discuss global environmental issues and current trends faced by senior company management.*

### **EPPM4098 LATIHAN INDUSTRI / INDUSTRIAL TRAINING**

Kursus ataupun program Latihan Industri bertujuan memberi peluang kepada pelajar untuk mengaplikasikan pengetahuan dan kemahiran akademik dalam alam pekerjaan yang sebenar. Kursus ini membolehkan pelajar mempertingkatkan pengetahuan, kemahiran dan pengalaman bekerja dengan organisasi di mana ianya membolehkan pelajar memperkasakan kompetensi dan kemahiran dalam mempertingkatkan peluang pekerjaan dan kebolehpasaran pelajar. Melalui kursus ini juga pelajar berpeluang menerapkan konsep, teori dan kemahiran ilmu yang diperolehi dalam bilik kuliah kepada amalan spesifik dalam bidang pengkhususan masing-masing. Selain dari itu, program latihan industri juga bertujuan untuk menghasilkan kerjasama dan merapatkan jaringan antara pihak Fakulti, Universiti dan Industri.

**Prasyarat: Taklimat Latihan Industri yang dikendalikan oleh Sekretariat Jaringan Industri, Alumni dan Masyarakat (JIAM), Fakulti Ekonomi dan Pengurusan.**

*The Industrial Training course or program aims to provide students with the opportunity to apply academic knowledge and skills in the real working environment. This course enables students to enhance their knowledge, skills, and work experience with organizations, empowering them to strengthen their competencies and employability. Through this course, students also have the opportunity to apply the concepts, theories, and knowledge skills acquired in the lectures, into specific practices within their respective fields of specialization. Furthermore, the industrial training program also aims to foster cooperation and strengthen the network between the Faculty, University and the Industry.*

### **KURSUS ELEKTIF ELECTIVE COURSES**

## **KEWANGAN FINANCE**

### **EPPM3613 PASARAN DAN INSTITUSI KEWANGAN / *FINANCIAL MARKET AND INSTITUTION***

Kursus ini merupakan kursus wajib bagi semua pelajar yang mengkhusus dalam bidang kewangan. Kursus ini bertujuan memberi kefahaman menyeluruh tentang teori dan praktis pasaran dan institusi kewangan. Topik yang dipelajari merangkumi pasaran kewangan iaitu pasaran wang, pasaran modal, pasaran tukaran wang asing dan pasaran derivatif; dan institusi kewangan.

**Prasyarat: EPPM2053 Pengurusan Kewangan. / *Financial Management.***

*This course is compulsory for all students specializing in finance. It aims to provide a comprehensive understanding of theories and practices of the financial markets and institutions. Topics studied include financial markets namely money markets, capital markets, foreign exchange markets and derivatives markets, as well as financial institutions.*

### **EPPM3643 KEWANGAN KORPORAT / *CORPORATE FINANCE***

Kursus ini bertujuan meningkatkan kemahiran pelajar dalam mengaplikasikan teknik menganalisis dan penerapan model kewangan bagi membuat keputusan secara berkesan menggunakan penggunaan kajian kes yang telah dikenalpasti. Di antara keputusan kewangan korporat yang penting termasuklah perancangan dan pembiayaan pelaburan jangka panjang, dasar dividen, penstrukturan, penggabungan dan pengambilalihan. Matlamat utama kursus ini adalah mendedahkan pelajar kepada kemahiran dalam mengenalpasti masalah atau isu kewangan, menjana alternatif dan membuat keputusan.

**Prasyarat: EPPM2053 Pengurusan Kewangan. / *Financial Management.***

*This course aims to enhance students' skills in applying analytical techniques and financial models for effective decision-making, using selected case studies. Among the key corporate financial decisions include long-term planning and financing investments, dividend policy, restructuring and mergers and acquisitions. The main goal of this course is to expose students to the skills in identifying problems/financial issues, generating alternatives and making financial decisions.*

### **EPPM3653 PENGURUSAN PELABURAN DAN PORTFOLIO / INVESTMENT AND PORTFOLIO MANAGEMENT**

Antara topik-topik penting dalam kursus ini termasuklah persekitaran pelaburan di Malaysia, yang merangkumi pelbagai alternatif pelaburan langsung dan tidak langsung serta struktur pasaran kewangannya, konsep dan prinsip pelaburan, cara dan prosedur penilaian sekuriti dan pengurusan portfolio dengan mengambil kira perspektif Islam. Kursus ini juga membincangkan beberapa teori-teori utama kewangan dan pelaburan.

**Prasyarat: EPPM2053 Pengurusan Kewangan. / Financial Management.**

*Among key topics in this course include the investment environment in Malaysia which covers various direct and indirect investment alternatives, as well as the structure of its financial markets, the concepts and principles of investment, method and procedures in securities evaluation, and the management of portfolio, with consideration of Islamic perspective. This course also discusses several major finance and investment theories.*

### **EPPM4613 TEKNOLOGI KEWANGAN DAN ASET DIGITAL / FINANCIAL TECHNOLOGY AND DIGITAL ASSETS**

Kursus pra-siswazah ini memberikan pengenalan kepada teknologi kewangan (Fintech), lebar transaksi digital (blockchain), aset digital khususnya matawang kripto (cth., Bitcoin dan Ethreum), pembiayaan internet, pengajaran mesin, dan robot khidmat-nasihat. Kursus ini mendedahkan kepada pelajar perkembangan FinTech terbaru dan kesannya terhadap industri perkhidmatan kewangan. Topik-topik nya merangkumi blockchain dan aplikasi teknologi blockchain dalam pelbagai bidang kewangan (perbankan, kewangan dan pelaburan), dan FinTech dan aplikasinya (cth., pembiayaan P2P dan pembiayaan orang ramai) dan kesannya terhadap industri perbankan dan pembayaran tradisonal. Para pelajar juga akan menerima latihan amali dan pengalaman menyelesaikan masalah dalam aplikasi dan inovasi FinTech.

*This course introduces financial technology (FinTech), digital transaction ledgers (blockchain), digital assets particularly cryptocurrencies (e.g., Bitcoin and Ethereum), internet financing, machine learning, and advisory robots. This course exposes students to the latest development in FinTech and its impact on the financial service industry. Topics include blockchain and its applications in various financial fields (banking, finance and investment), and FinTech and its applications (e.g., P2P financing and crowdfunding) and its impact on the traditional payment and banking industry. Students will also receive practical training and experience in solving problems related to FinTech innovations and applications.*



### **EPPM4623 KEWANGAN ANTARABANGSA / INTERNATIONAL FINANCE**

Kursus ini bertujuan memberi fahaman kepada pelajar mengenai isu-isu utama dalam pengurusan kewangan antarabangsa dan kaedah-kaedah bagi menangani isu-isu tersebut. Perbincangan merangkumi aspek persekitaran syarikat multinasional, penentuan kadar pertukaran mata wang asing, pendedahan dan cara mengurus pendedahan perubahan kadar tukaran mata wang asing, pengurusan modal kerja antarabangsa, pelaburan dan pembiayaan antarabangsa khususnya pelaburan langsung asing, pembelanjawan modal global dan pembiayaan perdagangan antarabangsa, trend teknologi kewangan dan kesannya terhadap kewangan global.

**Prasyarat: EPPM2053 Pengurusan Kewangan.**

**EPPM3644 Kewangan Korporat & Penstrukturan**

**(untuk pelajar Kewangan & Perakaunan sahaja) | *Financial Management. Corporate Finance & Restructuring. (for Finance and Accounting students only)***

*This course aims to provide students with an understanding of significant issues in international financial management and methods for addressing these issues. The discussion covers topics related to the environment of multinational corporations, the determination of foreign exchange rates, exposure and management of foreign rate fluctuation, international working capital management, international investments and financing, specifically on foreign direct investment (FDI), global capital budgeting, and international trade financing. The course also covers FinTech trends and their implication for global finance.*

### **PERKHIDMATAN KEWANGAN DAN PENGURUSAN RISIKO FINANCIAL SERVICES AND RISK MANAGEMENT**

### **EPPM3533 OPERASI SYARIKAT INSURANS DAN TAKAFUL / OPERATIONS OF INSURANCE COMPANIES AND TAKAFUL**

Kursus ini bertujuan memberikan kefahaman terperinci kepada pelajar mengenai pengurusan syarikat insurans dan pengendali takaful, khususnya yang menjalankan perniagaan insurans dan takaful am. Pelajar akan didedahkan mengenai tanggungjawab setiap jabatan yang terdapat dalam sesebuah syarikat insurans dan pengendali takaful. Penekanan diberikan kepada jabatan pemasaran dan pengagihan produk, pengunderaitan, reinsurans, pengkadaran, pengendalian tuntutan dan kawalan kerugian. Di samping itu, jabatan-jabatan lain yang berkaitan seperti pelaburan, aktuari dan teknologi maklumat juga akan diperkenalkan.

**Prasyarat: EPPM2513 Prinsip Pengurusan Risiko. / Principle Of Risk Management.**

*This course aims to provide students with a detailed understanding of the management of insurance companies and takaful operators, especially those involved in general insurance and takaful businesses. Students will be exposed to the responsibilities of each department within an insurance company and takaful operator. Emphasis is placed on departments dealing with product marketing and distribution, underwriting, reinsurance, rating, claims handling, and loss control. In addition, other related departments such as investment, actuarial and information technology will also be introduced.*

**EPPM3553 PENGURUSAN RISIKO LANJUTAN / ADVANCED RISK MANAGEMENT**

Kursus ini mendedahkan para pelajar tentang pelaksanaan pengurusan risiko secara lebih mendalam. Penumpuan diberikan kepada pengurusan risiko tulen yang dilaksanakan oleh organisasi perniagaan. Perbincangan akan merangkumi topik penetapan objektif program pengurusan risiko, mengenalpasti risiko, menilai risiko, memilih dan melaksanakan kaedah pengurusan risiko yang sesuai dan memantau serta menilai semula program pengurusan risiko yang telah dibangunkan. Di akhir kursus, para pelajar akan diperkenalkan kepada konsep asas Pengurusan Risiko Enterprais.

**Prasyarat: EPPM2513 Prinsip Pengurusan Risiko. / Principle Of Risk Management.**

*This course exposes students to in-depth implementation of risk management. It focuses on pure risk management practices implemented by business organizations. Discussions will cover the topics of setting objectives for risk management program, identifying risks, assessing risks, selecting and implementing appropriate risk management methods, and monitoring and re-evaluating the risk management programs. At the end of this course, students will be introduced to the basic concepts of Enterprise Risk Management.*

**EPPM3563 PENGURUSAN RISIKO ENTERPRIS / ENTERPRISE RISK MANAGEMENT**

Kursus ini bertujuan memberi pendedahan kepada pelajar mengenai kaedah menguruskan risiko secara menyeluruh dalam sesebuah organisasi melalui pengurusan risiko enterpris (ERM). Antara topik yang dibincangkan termasuk evolusi dan pengenalan kepada ERM, kerangka ERM, pengenalpastian dan pengkuantifikasian risiko dan pembuatan keputusan serta perkaitannya dengan urustadbir korporat. Pelajar juga akan didedahkan dengan praktis ERM di dalam organisasi, termasuklah organisasi tidak berasaskan keuntungan. Di akhir kursus ini,

pelajar diharap dapat memahami dan mampu memahami kepentingan ERM dalam pembuatan keputusan strategik.

**Prasyarat: EPPM2513 Prinsip Pengurusan Risiko. / Principle Of Risk Management.**

*This course aims to expose students to comprehensive management methods within an organization through enterprise risk management (ERM). Among the topics discussed include the evolution and introduction to ERM, the ERM frameworks, risk identification and quantification, decision-making and its relevance to corporate governance. Students will also be exposed to ERM practices within organizations, including non-profit entities. By the end of this course, students are expected to understand and appreciate the importance of ERM in strategic decision-making.*

### **EPPM3573 INSURANS HAYAT DAN TAKAFUL KELUARGA / LIFE INSURANCE AND FAMILY TAKAFUL**

Kursus ini bertujuan memberikan kefahaman terperinci kepada pelajar mengenai konsep dan operasi insurans hayat serta takaful keluarga. Antara topik yang akan dibincangkan termasuklah prinsip dan operasi insurans hayat, pelan-pelan insurans hayat, insurans perubatan dan anuiti, peruntukan undang-undang kontrak insurans hayat, proses pengunderaitan, reinsurans, takaful keluarga, perancangan kewangan dan persaraan menggunakan insurans hayat dan takaful keluarga.

**Prasyarat: EPPM2513 Prinsip Pengurusan Risiko. / Principle Of Risk Management.**

*This course aims to provide students with a comprehensive understanding of the concepts and operations of life insurance and family takaful. Among the topics to be discussed include the principles and operations of life insurance, life insurance plans, medical insurance and annuities, legal provisions of life insurance contracts, underwriting process, reinsurance, family takaful, financial and retirement planning using life insurance and family takaful.*

### **PEMASARAN DAN KEPENGGUNAAN MARKETING AND CONSUMERISM**

#### **EPPM3303 PEMASARAN DIGITAL / DIGITAL MARKETING**

Kursus ini bertujuan untuk mengkaji konsep, prinsip, dan teknik pemasaran digital yang boleh digunakan oleh pemasar untuk mencapai matlamat perniagaan dan

pemasaran. Pelajar akan membangunkan dan melaksanakan kempen pemasaran digital yang strategik bagi memasarkan produk atau perkhidmatan menggunakan pelbagai saluran media digital, seperti media sosial, video, laman web, e-mail, pemasaran kandungan, pemasaran gabungan, dan bentuk media digital yang lain. Kursus ini juga akan mendedahkan pelajar kepada penggunaan enjin carian pengoptimuman (SEO), enjin carian pemasaran (SEM), paparan iklan, pengiklanan mudah alih, dan pemasaran kandungan digital.

**Prasyarat: EPPM1123 Pengantar Pemasaran. / *Fundamentals Of Marketing.***

**EPPM1113 Aplikasi Komputer Bersepadu. / *Integrated Computer Application.***

*This course aims to examine the concepts, principles, and techniques of digital marketing that can be used by marketers to achieve business and marketing goals. Students will develop and implement strategic digital marketing campaigns to market products or services using a variety of digital media channels, such as social media, video, websites, e-mail, content marketing, affiliate marketing, and other forms of digital media. The course will also expose students to the use of search engine optimization (SEO), search engine marketing (SEM), display advertising, mobile advertising, and digital content marketing.*

### **EPPM3313 PSIKOLOGI PENGGUNA / *CONSUMER PSYCHOLOGY***

Secara umumnya kursus ini menyingkap dan memahami psikologi pengguna dari dua perspektif iaitu perspektif pengguna dan juga perspektif pemasar. Kursus ini akan meneliti teori-teori berhubung psikologi pengguna bagi memahami bagaimana pengguna berkognisi, beremosi dan bertindak dalam proses berkaitan pembuatan keputusan pembelian dan penggunaan produk dan/atau perkhidmatan. Penelitian pengguna dibuat dalam tiga perspektif iaitu; (1) pengguna sebagai individu, (2) pengguna di dalam ekosistemnya iaitu persekitaran sosial dan budaya, dan (3) pengguna sebagai pembuat keputusan. Kursus ini akan memberi kefahaman komprehensif tentang faktor-faktor intrinsik dan ekstrinsik yang mempengaruhi proses pembuatan keputusan pengguna. Pelajar turut didedahkan kepada tiga (3) jenis pembuatan keputusan pengguna, iaitu pembuatan keputusan rutin, terhad dan lanjut. Para pelajar akan dapat membuat penelitian bagaimana personaliti pengguna dan amalan budaya serta kumpulan sekeliling mempengaruhi pembuatan keputusan. Seterusnya kepentingan memahami psikologi pengguna terhadap pembentukan dan pelaksanaan strategi pemasaran juga akan ditinjau dan dikupas.

**Prasyarat: EPPM1123 Pengantar Pemasaran. / *Fundamentals Of Marketing.***

*In general, this course examines and understands consumer psychology from two perspectives: namely the consumer and the marketer. This course analyses theories related*

*to consumer psychology, to understand how consumers use cognitive, emotion and action in the process of purchasing and consuming the products and/or services. Consumer analysis is conducted through three perspectives, namely (1) consumers as individuals, (2) consumers within their social and cultural environments, and (3) consumers as decision-makers. This course will provide a comprehensive understanding of the intrinsic and extrinsic factors that influence the consumer's decision-making process. Students will also be exposed to the three (3) types of decision-making procedures, which are routine, limited and extended problem-solving. Students will be able to examine how consumer personalities and cultural practices as well as surrounding groups, influence consumer decision-making. Additionally, the importance of understanding consumer psychology in shaping and implementing marketing strategies will also be reviewed and explored.*

### **EPPM3353 PENGURUSAN DAN STRATEGI PEMASARAN / MANAGEMENT AND MARKETING STRATEGY**

Kursus ini adalah lanjutan kepada kursus Pengantar Pemasaran di mana para pelajar perlu mengaplikasikan segala ilmu yang telah dipelajari dalam menghasilkan strategi pemasaran bagi produk/perkhidmatan. Tujuan utama kursus ini adalah untuk melatih pelajar membuat keputusan pemasaran yang sesuai dan membentuk strategi dan program pemasaran yang berkesan bagi mencapai matlamat firma. Kursus ini memerlukan pelajar mengintegrasikan secara ideal kesemua elemen campuran pemasaran (4Ps) bagi menghasilkan satu plan pemasaran yang komprehensif.

**Prasyarat: EPPM1123/EPPM2953 Pengantar Pemasaran. / *Fundamentals Of Marketing.***

*This course is a continuation to the Principles of Marketing course, requiring students to apply their knowledge to produce marketing strategies for products/services. The main objective of this course is to train students to make appropriate marketing decisions and develop effective marketing strategies and programs to achieve the firm's goals. This course requires students to ideally integrate all elements of the marketing mix (4Ps) to produce a comprehensive marketing plan.*

### **EPPM3363 PENGURUSAN PERUNCITAN / RETAIL MANAGEMENT**

Kursus ini memberi pendedahan dan pengetahuan tentang konsep dan strategi yang terlibat di dalam aktiviti pengurusan peruncitan masa kini. Penekanan diberi kepada strategi pasaran runcit, pemilihan lokasi, pengurusan sumber manusia, sistem pembelian barangan dagangan, perletakan harga, promosi dan pengurusan kedai. Impikasi Internet of Things (IoT) terhadap aktiviti peruncitan juga turut dibincangkan.

**Prasyarat: EPPM1123 Pengantar Pemasaran. / *Fundamentals Of Marketing.***

*This course provides exposure and knowledge of concepts and strategies involved in modern retail management activities. Retail market strategy is given emphasis, along with location selection, human resource management, merchandise purchasing systems, pricing, promotion and store management. The application of Internet of Things (IoT) on retail activities are also discussed.*

### **EPPM3373 PEMASARAN PERKHIDMATAN / SERVICES MARKETING**

Kursus ini bertujuan memberi pendedahan kepada cabaran-cabaran unik mengurus perkhidmatan dan menyampaikan perkhidmatan yang berkualiti kepada pelanggan. Pembentukan perhubungan pelanggan yang kukuh melalui kualiti perkhidmatan adalah teras kepada kursus ini. Kursus ini bukan sahaja boleh diaplikasikan kepada organisasi yang mana produk terasnya adalah perkhidmatan tetapi juga kepada organisasi yang bergantung kepada kecemerlangan perkhidmatan untuk mencapai kelebihan daya saing. Kursus ini akan mengetengahkan ilmu serta kemahiran kritikal yang diperlukan untuk penyampaian perkhidmatan berkualiti, berinovasi dan strategi perkhidmatan yang kukuh untuk kelestarian perkhidmatan. Penekanan juga diberi kepada rangka kerja pengurusan berteraskan pelanggan yang memfokus kepada peningkatan kepuasan dan kesetiaan pelanggan.

**Prasyarat: EPPM1123 Pengantar Pemasaran. / Fundamentals Of Marketing.**

*This course provides exposure to the unique challenges of managing services and delivering quality service to customers. Building strong customer relationships through service quality, forms the core of this course. It is applicable not only to organizations whose core offerings are services but also to those that rely on service excellence to achieve competitive advantage. This course highlights the critical knowledge and skills required for quality service delivery, innovation, and robust service strategies for service sustainability. A customer-centric management framework is emphasized, that focuses on enhancing customer satisfaction and loyalty.*

### **EPPM3383 INOVASI PRODUK DAN PENJENAMAAN / PRODUCT INNOVATION AND BRANDING**

Kursus ini bertujuan memperkenalkan beberapa struktur asas dalam usaha memahami dunia pengurusan inovasi produk dan penjenamaan. Para pelajar akan diperkenalkan kepada aspek-aspek utama yang lazimnya terdapat dalam kitaran perancangan inovasi produk. Penekanan utama akan diberikan dalam isu-isu inovasi produk dan penjenamaan. Di samping itu, penekanan juga akan diberikan kepada aktiviti-aktiviti yang berkait rapat dengan inovasi produk dan penjenamaan seperti perancangan, penilaian dan pelancaran produk baru. Akhir sekali, para

pelajar juga akan diperkenalkan kepada tatacara dalam menghasilkan pemposisian jenama yang selari dengan produk baru.

**Prasyarat: EPPM1123 Pengantar Pemasaran. / *Fundamentals Of Marketing.***

*This course introduces some basic concepts to understand product innovation management and branding. Students will be exposed to key aspects that are commonly found in the product innovation planning cycle, with a focus on innovation and branding issues. In addition, the course also covers related activities such as planning, evaluation and launching of new products. Additionally, students will also be exposed to brand positioning processes that are suitable to new products.*

### **EPPM3413 PEMASARAN HALAL / HALAL MARKETING**

Kursus ini bertujuan untuk mendedahkan pelajar kepada strategi pemasaran halal berpandukan kepada hukum Islam. Antara lain, ia akan memberi tumpuan kepada potensi produk dan perkhidmatan halal di peringkat global juga peluang pasaran halal yang wujud dalam pelbagai industri. Selain itu, pelajar juga akan didedahkan kepada aspek-aspek penting campuran pemasaran yang tidak bertentangan dengan shari'ah. Kursus ini juga akan merangkumi aspek gelagat pengguna Muslim dan juga penjenamaan produk halal. Secara asasnya, kursus ini memberi penekanan kepada pemahaman menyeluruh mengenai konsep halalan toyyiban dalam pemasaran yang bukan sahaja penting kepada pengusaha Muslim tetapi juga kepada pengusaha bukan Islam yang mensasarkan produk dan perkhidmatan mereka kepada pengguna Muslim.

**Prasyarat: EPPM1123 Pengantar Pemasaran. / *Fundamentals Of Marketing.***

*This course aims to expose students to halal marketing strategies based on Islamic law. It highlights the global potential of halal products and services, as well as halal market opportunities across various industries. In addition, students will also study key aspects of the marketing mix that align with shari'ah, Muslim consumer behavior, and branding of halal products. Essentially, the course emphasizes on a comprehensive understanding of the concept of halalan toyyiban in marketing, which is crucial for both Muslim and non-Muslim entrepreneurs who target their products and services for Muslim consumers.*

### **EPPM4323 KOMUNIKASI PEMASARAN BERSEPADU / INTEGRATED MARKETING COMMUNICATION**

Kursus ini meningkatkan pengetahuan pelajar tentang proses mengurus aktiviti komunikasi pemasaran. Kursus ini akan membincangkan bagaimana elemen-elemen komunikasi pemasaran termasuk pengiklanan, promosi jualan, jualan

peribadi, perhubungan awam dan pemasaran langsung boleh digubal dan diadun secara bersepadu bagi mencapai matlamat sesebuah organisasi. Pelajar akan berpeluang untuk mengaplikasi komunikasi pemasaran bersepadu melalui tugas yang diberikan. Penyediaan pelan komunikasi pemasaran yang komprehensif serta pembentangan di akhir semester dapat membantu pelajar memahami kursus ini dengan mendalam.

**Prasyarat: EPPM1123 Pengantar Pemasaran. / *Fundamentals Of Marketing.***

*This course enhances students' understanding of managing marketing communication activities. It will discuss how elements such as marketing communication including advertising, sales promotion, personal selling, public relations and direct marketing can be formulated and integrated to achieve organizational goals. Students will have the opportunity to apply integrated marketing communication concepts, through their assignments. The preparation and presentation of a comprehensive marketing communication plan at the end of the semester will further deepen their understanding of the subject.*

## **PENGURUSAN MANAGEMENT**

### **EPPM2093 PENGURUSAN SISTEM MAKLUMAT/ *INFORMATION SYSTEM MANAGEMENT***

Kursus ini bertujuan memberikan pendedahan kepada pelajar tentang kepentingan pengurusan teknologi dan sistem maklumat dalam era globalisasi. Penggunaan sistem maklumat yang berkesan dapat memberi peluang organisasi berinovasi. Penekanan diberikan kepada konsep asas, teori, klasifikasi dan fungsi sistem maklumat yang perlu ada dalam sesebuah organisasi. Pelajar juga dapat mempelajari tentang peranan teknologi maklumat dalam meningkatkan keupayaan dan daya saing organisasi. Tajuk-tajuk lain berkaitan pembuatan keputusan, pengurusan pengetahuan, aplikasi enterpris, keselamatan dan etika, sistem rantaian bekalan dan sistem pengurusan hubungan pelanggan turut diketengahkan.

**Prasyarat: EPPM1113 Aplikasi Komputer Bersepadu / *Integrated Computer Application***

*This course introduces students into the importance of technology management and information systems in the era of globalization. The use of effective information systems enable organizations to innovate. The course emphasises the basic concepts, theories, classifications and functions of the information systems for success in an organization. Students will explore the role of information technology in enhancing organizational capabilities and competitiveness. Among the topics covered include current challenges in*



*information systems management, the diversity of information systems in business, planning and development for decision-making as well as ethical and security issues.*

### **EPPM3153 TEORI DAN REKA BENTUK ORGANISASI / ORGANIZATION THEORY AND DESIGN**

Kursus ini bertujuan memberi kefahaman tentang teori organisasi serta kaitannya dengan falsafah di sebalik reka bentuk dan strategi yang diamalkan oleh organisasi. Kursus ini juga bertujuan memupuk kemahiran pelajar untuk menganalisis isu-isu dan cabaran persekitaran dalaman dan luaran organisasi seperti teknologi, budaya organisasi, konflik dan politik dalam organisasi melalui amalan organisasi global.

**Prasyarat: EPPD1053 Pengantar Pengurusan. / *Fundamentals Of Management***

*This course aims to provide an understanding of organization theory and its relation to the philosophy behind organizational design and strategies. It also develops students' analytical skills in addressing internal and external organizational challenges. These include technological issues, organization culture, conflicts and politics, with insights drawn from global organizational practices.*

### **EPPM3223 PENGURUSAN SUMBER MANUSIA ANTARABANGSA / INTERNATIONAL HUMAN RESOURCES MANAGEMENT**

Kursus ini memberi kefahaman mengenai amalan pengurusan sumber manusia dalam domain antarabangsa. Tumpuan diberikan kepada pengurusan sumber manusia ke arah meningkatkan keupayaan dan kelebihan daya saing organisasi global atau multinasional. Topik-topik perbincangan adalah meliputi perancangan, perekrutan, pemilihan, dan perancangan kerjaya sumber manusia dalam aktiviti ekspatriasi. Pelajar juga diberikan pendedahan mengenai pengurusan kepelbagaian dan kesan perbezaan faktor-faktor sosio-budaya, ekonomi dan politik negara hos dan negara asal ke atas sumber manusia organisasi.

**Prasyarat: EPPM2033 Perniagaan Antarabangsa. / *International Business.***

*This course provides an understanding of human resource management practices in the international domain focusing on enhancing the capabilities and competitiveness of global or multinational organizations. Topics of discussion include human resource planning, recruitment, selection, and career planning in expatriation activities. Students are also given exposure to diversity management and the impact of socio-cultural, economic and political differences between the host and home countries on organizational human resources.*

### **EPPM4253 PENGURUSAN GANJARAN PEKERJA / EMPLOYEE REWARD MANAGEMENT**

Kursus ini bertujuan melengkapkan pelajar dengan pengetahuan tentang konsep, kepentingan, pendekatan dan amalan pengurusan pampasan dan faedah. Secara khusus, tajuk-tajuk yang diliputi adalah polisi utama sistem pampasan dan faedah, struktur pampasan, polisi tahap pampasan, penilaian kerja, sistem pampasan berdasarkan kerja, sistem pampasan berdasarkan orang, sistem faedah kerja, pendekatan pengurusan terbaharu terhadap sistem pampasan dan faedah, pengaruh kesatuan sekerja terhadap pampasan dan faedah, undang-undang yang berkaitan dengan pampasan dan faedah, dan sistem pampasan dan faedah antarabangsa.

#### **Prasyarat: EPPM1133 Pengurusan Sumber Manusia. / HUMAN RESOURCES MANAGEMENT**

*This course aims to provide students with knowledge of the concepts, importance, approaches and practices in organisational management of rewards and benefits. The key topics covered include major policies on rewards and benefits, salary structure, job analysis and evaluation, job-based as well as person-based compensation systems, contemporary approach in compensation administration systems, the influence of trade unions, and relevant legal regulations concerning rewards and benefits practices in Malaysia. For a broader and contemporary perspective, the course also examines rewards and benefits systems in other countries across the world.*

### **EPPM4263 LATIHAN DAN PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA / EMPLOYEE TRAINING AND DEVELOPMENT**

Kursus ini memberi pendedahan dan pengetahuan tentang teori, konsep dan amalan pembangunan sumber manusia dalam organisasi. Tajuk-tajuk yang diliputi ialah program dan kaedah latihan, analisis keperluan pembangunan sumber manusia, teori-teori yang berkaitan dengan pembangunan sumber manusia, pembangunan kerjaya, pembangunan organisasi, kaunseling dan bimbingan pekerja, penggunaan teknologi dalam pembangunan sumber manusia, dan pembangunan sumber manusia antarabangsa.

#### **Prasyarat: EPPM1133 Pengurusan Sumber Manusia./ Human Resources Management**

*This course provides exposure and knowledge of the theories, concepts and practices of human resource development in organizations. Topics covered are training programs and methods, human resource development needs analysis, theories related to human resource development, career development, organizational development, employee counseling and*

*coaching, use of technology in human resource development, and international human resource development.*

## **PERNIAGAAN ANTARABANGSA INTERNATIONAL BUSINESS**

### **EPPE3143 EKONOMI PERDAGANGAN ANTARABANGSA / INTERNATIONAL TRADE ECONOMICS**

Kursus ini membincangkan tentang teori, polisi dan aplikasi dalam ekonomi perdagangan antarabangsa. Tajuk-tajuk utama yang dibincangkan meliputi teori perdagangan antarabangsa klasik dan moden, kesan perdagangan ke atas agihan pendapatan dan kebajikan penduduk, sekatan perdagangan yang berkaitan dengan tarif dan sekatan bukan tarif serta hujah yang menyokong kepada halangan perdagangan antarabangsa. Di samping itu, isu-isu dan tajuk berkaitan integrasi ekonomi, pertumbuhan dan mobiliti antarabangsa faktor pengeluaran serta kemajuan teknikal dan hubungan mereka dengan kadar syarat perdagangan, jumlah perdagangan antarabangsa dan kebajikan ekonomi negara turut dibincangkan. Selepas mengikuti kursus ini pelajar berupaya mengaplikasikan konsep dan polisi, membandingkan teori perdagangan antarabangsa dan mampu membuat penyelidikan berkaitan isu ekonomi perdagangan antarabangsa.

*This course discusses theories, policies and applications in the economics of international trade. The main topics discussed include classical and modern international trade theories, the impact of trade on income distribution and welfare of the population, tariff and non-tariff trade restrictions, and arguments in favour of international trade barriers. Additional topics include economic integration, growth and international mobility of production factors, as well as technological advances and their relationship in trade conditions, international trade volume and national economic welfare. Upon completion of this course, students will be able to apply concepts and policies, compare theories of international trade and conduct research related to economic issues.*

### **EPPM3183 PENGURUSAN PERUBAHAN DAN INOVASI/ INNOVATION AND CHANGE MANAGEMENT**

Kursus ini bertujuan untuk melengkapkan pelajar dengan pengetahuan komprehensif dalam pengurusan perubahan dan inovasi. Perbincangan teori dan teknikal merangkumi strategi inovasi dan teknologi terkini, pengurusan proses inovasi, serta kaedah pengukuran pencapaian inovasi. Selain itu, pelajar akan

mempelajari kaedah efektif dalam memupuk budaya inovasi dalam organisasi. Secara praktikal, pelajar akan mengaplikasi pengetahuan untuk membentuk strategi pemasaran inovasi selain membangunkan pelan inovasi bagi pasaran global.

*The goal of this course aims to equip students with comprehensive knowledge of change management and innovation. The theoretical and technical discussions cover the latest innovation and technology changes, innovation process management and methods for measuring innovation performance. Additionally, students will learn effective approaches to fostering an innovation-driven culture within organisations. Practically, students will apply their knowledge to develop innovation marketing strategies and create innovation plans for global markets.*

### **EPPM3413 PENGURUSAN SILANG BUDAYA / CROSS-CULTURAL MANAGEMENT**

Kursus ini bertujuan untuk memberi kefahaman tentang pengurusan antarabangsa menerusi perspektif silang budaya. Kursus ini membincangkan teori pengurusan silang budaya dan kesan kepelbagaian budaya kepada struktur, strategi dan operasi organisasi di peringkat global. Kursus ini juga membincangkan amalan komunikasi efektif silang budaya dalam meningkatkan kompetensi rundingan perniagaan antarabangsa. Ianya juga mendedahkan pelajar kepada pendekatan untuk membangun dan menguruskan sumber manusia dari pelbagai budaya. Kursus ini juga membincangkan kesan konflik berpunca dari perbezaan budaya dan cara untuk menanganinya. Pengetahuan yang diperoleh dari kursus ini sejajar dengan situasi pasaran dan ekonomi semasa yang membentuk landskap pergerakan globalisasi hari ini yang menyediakan pelajar untuk persekitaran kerja.

**Prasyarat: EPPM2033 Perniagaan Antarabangsa. / International Business**

*This course provides an understanding of international management through cross-cultural perspectives. It covers cross-cultural management theories and the impact of cultural diversity on organisational structure, strategy and operations at the global level. The course also discusses effective cross-cultural communication practices to enhance international business negotiation competencies, and introduces approaches for developing and managing human resources across multiple cultures. It also examines the effects of conflicts arising from cultural differences, and strategies for resolving them. The knowledge gained from this course, is consistent with current global market trends and economic dynamics, adequately prepares students for the work environment.*

**SARJANA MUDA  
KEUSAHAWANAN DAN  
INOVASI DENGAN  
KEPUJIAN  
/  
BACHELOR IN  
ENTREPRENEURSHIP  
AND INNOVATION WITH  
HONOURS**

**PROGRAM SARJANA MUDA KEUSAHAWANAN DAN INOVASI DENGAN KEPUJIAN**  
**BACHELOR OF ENTREPRENEURSHIP AND INNOVATION WITH HONOURS**

Matlamat Program Sarjana Muda Keusahawanan dan Inovasi dengan Kepujian ialah untuk melahirkan graduan yang berciri keusahawanan yang mampu meneroka, mencipta dan merealisasikan idea-idea atau usaha niaga baharu.

*The goal of the **Bachelor of Entrepreneurship and Innovation with Honours** programme is to produce entrepreneurial graduates who can explore, create, and realise new business ideas or ventures.*

**Objektif Program Sarjana Muda Keusahawanan dan Inovasi dengan Kepujian adalah:**

***Objectives of the Bachelor of Entrepreneurship and Innovation (Honours) programme are as follows:***

1. Melahirkan graduan yang berilmu secara teori dan praktikal serta celik digital dalam mengenalpasti peluang perniagaan.  
*To produce graduates who are knowledgeable in both theoretical and practical aspects, as well as digitally literate in identifying business opportunities.*
2. Melahirkan graduan yang mempunyai kemahiran kepimpinan, interpersonal dan keupayaan berkomunikasi dengan berkesan dalam menguruskan perniagaan.  
*To develop graduates with leadership skills, interpersonal abilities, and effective communication skills in managing businesses.*
3. Menyediakan graduan dengan pembelajaran sepanjang hayat serta berkemampuan dalam penjanaaan idea perniagaan yang berinovatif.  
*To equip graduates with lifelong learning capabilities and the ability to generate innovative business ideas.*
4. Melahirkan graduan yang beretika, profesional dan berintegriti dalam menguruskan perniagaan.  
*To nurture graduates who are ethical, professional, and possess integrity in business management.*

## **Hasil Pembelajaran Program** ***Programme Learning Outcomes***

Pada akhir program pengajian, graduan seharusnya boleh:  
*Upon completion of the programme, graduates should be able to:*

1. Mengenalpasti teori dan konsep dalam bidang keusahawanan.  
*Identify theories and concepts in the field of entrepreneurship.*
2. Mengaplikasi teori dan konsep keusahawanan dalam perniagaan.  
*Apply entrepreneurial theories and concepts in business.*
3. Mempamerkan kemahiran praktikal dalam bidang keusahawanan.  
*Demonstrate practical skills in entrepreneurship.*
4. Mempamer kemahiran berinteraksi melalui kerjasama dengan pihak berkepentingan.  
*Exhibit interaction skills through collaboration with stakeholders.*
5. Mempamer kemahiran berkomunikasi lisan dan bukan lisan yang efektif.  
*Display effective verbal and non-verbal communication skills.*
6. Mengguna kemahiran digital berkaitan bidang keusahawanan.  
*Utilise digital skills relevant to entrepreneurship.*
7. Menganalisa data numerikal berkaitan bidang keusahawanan.  
*Analyse numerical data related to entrepreneurship.*
8. Mempamerkan sikap kepimpinan yang berkesan dalam pelaksanaan tugas.  
*Demonstrate effective leadership qualities in task execution.*
9. Mempamerkan semangat pembangunan diri melalui pembelajaran sepanjang hayat.  
*Exhibit a commitment to self-development through lifelong learning.*
10. Mempamerkan ciri-ciri keusahawanan yang kreatif dan berinovasi.  
*Display creative and innovative entrepreneurial characteristics.*
11. Mengamalkan sikap beretika dan profesional berkaitan bidang keusahawanan.  
*Practise ethical and professional conduct in entrepreneurship.*

## **Struktur Program** ***Programme Structure***

Program ini merangkumi kerja-kerja kursus yang meliputi teori dan amalan dalam bidang keusahawanan dan inovasi. Bagi tujuan pengijazahan, pelajar perlu lulus sekurang-kurangnya 120 unit kredit yang ditetapkan seperti berikut:

*This programme encompasses coursework that covers both theoretical and practical aspects of entrepreneurship and innovation. For graduation, students are required to complete at least 120 credit units as outlined below:*

1. Kursus Wajib Universiti – 22 unit  
*University Compulsory Courses – 22 units*
2. Kursus Teras (Teras) – 78 unit  
*Core Courses(Core) – 78 unit*  
Kursus Teras (Pementoran) – 8 unit  
*Core Courses (Mentoring) – 8 unit*
3. Kursus Elektif – 12 unit  
*Elective Courses – 12 unit*

**Kursus Wajib Universiti – 22 Unit Kredit**  
***University Compulsory Courses – 22 Credit Units***

<b>Bil No</b>	<b>Kod Kursus</b> <i>Course Code</i>	<b>Nama Kursus</b> <i>Course Name</i>	<b>Kredit</b> <i>Credit</i>
1	LMCW1022	Asas Keusahawanan dan Inovasi	2
2	LMCW2143	Falsafah dan Isu Semasa	3
3	LMCW2152	Integriti dan Antirasuah	2
4	LMCW2153	Penghayatan Etika dan Peradaban	3
5	LMXXxxxx	Kursus Citra Universiti	12

**Kursus Teras – 86 Unit Kredit**  
***Core Courses – 86 Credit Units***

<b>Bil No</b>	<b>Kod Kursus</b> <i>Course Code</i>	<b>Nama Kursus</b> <i>Course Name</i>	<b>Kredit</b> <i>Credit</i>
---------------	---	--	--------------------------------



1	LMCE1062/ LMCE1072/ LMCE1082	<i>Academic Interaction (MUET Band 3.0 dan 3.5)/ Academic Literacy (MUET Band 4.0 dan 4.5) Page to Stage (MUET Band 5.0,5+)</i>	2
2	LMCE2082/ LMCE2092/ LMCE2103	<i>Pro Talk English (MUET Band 3.0 dan 3.5)/ Speak to Persuade (MUET Band 4.0 dan 4.5) Advanced Communication Project (MUET Band 5.0,5+)</i>	2
3	LMCE3061/ LMCE3071/ LMCE2103	<i>Corporate Storytelling (MUET Band 3.0 dan 3.5) / Professional Communication (MUET Band 4.0 dan 4.5) Advanced Communication Project (MUET Band 5.0,5+)</i>	1
4	EPPD1003	Prinsip Ekonomi <i>Principles of Economics</i>	3
5	EPPD1043	Matematik untuk Ekonomi dan Perniagaan <i>Mathematics for Economics and Business</i>	3
6	EPPD1053	Pengantar Pengurusan <i>Introduction to Management</i>	3
7	EPPD1073	Komunikasi Perniagaan Kontemporari <i>Contemporary Business Communication</i>	3
8	EPPD1083	Statistik untuk Ekonomi dan Pengurusan <i>Statistics for Economics and Business</i>	3
9	EPPA1013	Prinsip Perakaunan <i>Principles of Accounts</i>	3
10	EPPM1113	Aplikasi Komputer Bersepadu <i>Integrated Computer Application</i>	3
11	EPPM1013	Perniagaan Digital <i>Digital Business</i>	3

12	EPPM1123	Pengantar Pemasaran <i>Fundamentals Of Marketing</i>	3
13	EPPM1133	Pengurusan Sumber Manusia <i>Human Resource Management</i>	3
14	EPPM2033	Perniagaan Antarabangsa <i>International Business</i>	3
15	EPPM2043	Etika dan Tanggungjawab Sosial Korporat <i>Ethics and Corporate Social Responsibility</i>	3
16	EPPM3383	Inovasi Produk dan Penjenamaan <i>Product Innovation and Branding</i>	3
17	EPPA2823	Undang-Undang Perniagaan <i>Business Law</i>	3
18	EPPK1013	Pengantar Keusahawanan <i>Fundamentals of Entrepreneurship</i>	3
19	EPPK1113	Kewangan Keusahawanan <i>Entrepreneurial Finance</i>	3
20	EPPK2053	Penerokaan Usaha Niaga Baharu <i>New Venture Exploration</i>	3
21	EPPK2123	Pengurusan Rantaian Bekalan dan Nilai <i>Value and Supply Chain Management</i>	3
22	EPPK2153	Kepimpinan dalam Keusahawanan <i>Entrepreneurial Leadership</i>	3
23	EPPK3133	Pengurusan Inovasi Strategik <i>Strategic Innovation Management</i>	3
24	EPPK3713	Inovasi dan Kreativiti dalam Perniagaan <i>Innovation and Creativity In Business</i>	3
25	EPPK3064	Pengurusan Projek <i>Project Management</i>	4
26	EPPK3036	Rancangan Perniagaan <i>Business Plan</i>	6
27	EPPK3088	Pementoran <i>Mentoring</i>	8

### Kursus Elektif – 12 Unit Kredit

**Elective Courses – 12 Credit Units**

Sebanyak **empat (4) kursus** boleh diambil daripada senarai berikut:

*Students may select **four (4) courses** from the following list:*

<b>Bil No</b>	<b>Kod Kursus</b> <i>Course Code</i>	<b>Nama Kursus</b> <i>Course Name</i>	<b>Kredit</b> <i>Credit</i>
1	EPPK2043	Keusahawanan Sosial <i>Social Entrepreneurship</i>	3
2	EPPK3063	Jaringan dan Rundingan dalam Perniagaan <i>Networking and Negotiation In Business</i>	3
3	EPPM1023	Perniagaan Mengikut Perspektif Islam <i>Business from Islamic Perspective</i>	3
4	EPPM3313	Psikologi Pengguna <i>Consumer Psychology</i>	3
5	EPPM3183	Pengurusan Perubahan dan Inovasi <i>Innovation and Change Management</i>	3
6	EPPM4323	Komunikasi Pemasaran Bersepadu <i>Integrated Marketing Communication</i>	3

**SINOPSIS KURSUS**  
**COURSE SYNOPSIS**

**KURSUS TERAS**  
**CORE COURSES**

**EPPD1003 PRINSIP EKONOMI / PRINCIPLES OF ECONOMICS**

Kursus ini bertujuan memberi pengetahuan kepada pelajar tentang analisis dan konsep asas mikroekonomi dan makroekonomi. Topik dalam skop mikroekonomi merangkumi masalah ekonomi pada peringkat pengguna dan firma. Pelajar akan didedahkan kepada tajuk utama mikroekonomi meliputi aspek permintaan, penawaran, keseimbangan harga, keanjalan, fungsi pengeluaran, kos dan struktur pasaran. Topik dalam skop makroekonomi pula meliputi pengukuran dan

keseimbangan pendapatan negara, peranan bank pusat, bank perdagangan dan proses penciptaan kredit, pasaran wang dan penentuan kadar bunga, implikasi dasar fiskal dan monetari terhadap pendapatan negara, pengangguran dan inflasi, perdagangan antarabangsa, imbangan pembayaran serta pasaran pertukaran asing. Di akhir kursus, pelajar seharusnya dapat mengaplikasikan pendekatan kedua-dua mikroekonomi dan makroekonomi dalam menyelesaikan masalah ekonomi dan pengurusan serta mengaitkan ilmu tersebut dengan isu ekonomi semasa dalam persekitaran global dan setempat.

*This course aims to provide students with knowledge of fundamental concepts and analysis of microeconomics and macroeconomics. Topics in the scope of microeconomics cover consumer and firm-level economic issues, supply, price equilibrium, elasticity, production functions, costs and market structures. Macroeconomic topics include the measurement and equilibrium of national income, the role of central and commercial banks, credit creation, the money market, interest rate determination, implications of fiscal and monetary policy on national income, unemployment and inflation, international trade, the balance of payments and foreign exchange markets. By the end of the course, students should be able to apply both microeconomic and macroeconomic approaches in solving economic and management problems and relate their knowledge to current economic issues in both global and local environments.*

### **EPPD1043 MATEMATIK UNTUK EKONOMI DAN PERNIAGAAN / MATHEMATICS FOR ECONOMICS AND BUSINESS**

Kursus ini memberi kefahaman kepada pelajar beberapa aspek asas dalam matematik yang meliputi fungsi, matriks, matematik kewangan, had, keselajaran, perbezaan dan pengamiran. Aplikasi dalam bidang ekonomi turut dibincangkan untuk setiap tajuk tersebut. Selepas mengikuti kursus ini, pelajar dapat menganalisis masalah ekonomi dan perniagaan dengan menggunakan teknik-teknik matematik yang telah dibincangkan.

*This course introduces students to fundamental aspects of mathematics such as functions, matrices, financial mathematics, limits and continuity, differentiation and integration. Upon completing this course, students will be able to do analyse economic and business problems through using the mathematical techniques covered.*

### **EPPD1053 PENGANTAR PENGURUSAN / INTRODUCTION TO MANAGEMENT**

Kursus ini merupakan kursus pengenalan kepada pengurusan pemiagaan. Ia mendedahkan kepada pelajar konsep dan teori asas pengurusan dan pentadbiran organisasi. Tajuk-tajuk utama merangkumi pemikiran pengurusan, perancangan, pengorganisasian, kepimpinan dan motivasi, pengawalan kualiti dan prestasi,

budaya korporat dan komunikasi dalam menguruskan sesebuah organisasi. Kursus ini turut membincangkan tentang amalan-amalan terbaik pengurusan terkini dalam pembentukan dan pengekalan daya saing organisasi.

*This introductory course on business management familiarizes students with basic concepts and theories of organizational management and administration. The main topics include management thought, planning, organizing, leadership and motivation, quality and performance control, corporate culture, and communication within organizational management. This course also discusses best management practices in management to build and sustain organizational competitiveness.*

### **EPPD1073 KOMUNIKASI PERNIAGAAN KONTEMPORARI / *CONTEMPORARY BUSINESS COMMUNICATION***

Komunikasi Perniagaan mengajar pelajar cara untuk memperbaiki kemahiran berkomunikasi sebagai asas kejayaan dalam alam pekerjaan. Kursus ini membolehkan pelajar memahami faktor-faktor yang akan menjamin komunikasi yang efektif. Pelajar akan diajar tentang pelbagai elemen kemahiran komunikasi seperti komunikasi silang budaya, komunikasi lisan dan bukan lisan. Pelajar akan mengetahui cara berkomunikasi ketika berada dalam situasi berbeza, dalam kumpulan kerja, mendengar secara ektif, serta menggunakan teknologi untuk berkomunikasi dengan lebih efektif dan produktif. Pelajar juga akan didedahkan kepada penulisan resume dan penyediaan resume video bagi memenuhi tuntutan terkini industri, seterusnya dibimbing melalui satu sesi mock interview sebagai latihan persediaan temuduga pekerjaan.

*The Business Communication course enhances students' communication skills, which are critical for their professional success. It enables students to understand the factors ensuring effective business communication and covers elements such as cross-cultural, verbal, and non-verbal communication. Students learn how to communicate effectively in various job situations, within work groups, and through active listening, while utilizing technology for more efficient and active communication. They will also be trained in CV writing and video resume preparation, to meet current industry demands, culminating in a mock interview session for job interview preparation.*

### **EPPD1083 STATISTIK UNTUK EKONOMI DAN PERNIAGAAN / *STATISTICS FOR ECONOMICS AND BUSINESS***

Kursus ini bertujuan memberi fahaman kepada pelajar tentang konsep dan kaedah statistik yang digunakan dalam bidang ekonomi dan perniagaan. Perbincangan meliputi pengenalan kepada statistik, perihal data secara visual dan numerik,

pengenalan kepada kebarangkalian, taburan kebarangkalian, taburan pensampelan, penganggaran, ujian hipotesis, analisis varian, ujian Khi-kwasdua, kaedah statistik tak berparameter, analisis kolerasi dan analisis regresi. Selepas mengikut kursus ini, pelajar seharusnya boleh mengaplikasi kaedah statistik yang sesuai dan menganalisis keputusan statistik yang diperolehi.

*This course equips students with an understanding of statistical concepts and methods used in economics and business. Topics include an introduction to statistics, visual and numerical description of data, introduction to probability, probability distributions, sampling distributions, estimation, hypothesis testing, analysis of variance, Chi-squared tests, non-parametric statistical methods, correlation analysis and regression analysis. By the end of this course, students should be able to apply appropriate statistical techniques and analyse the test results effectively.*

### **EPPA1013 PRINSIP PERAKAUNAN / PRINCIPLES OF ACCOUNTS**

Kursus ini memperkenalkan pelajar kepada konsep dan prinsip asas serta rasional yang mendasari amalan perakaunan. Kitaran perakaunan disentuh secara terperinci yang meliputi proses penjurnalan, pengeposan, penyediaan imbalan duga, pelarasan, penyediaan penyata kewangan dan catatan penutup. Perbincangan meliputi kitaran perakaunan bagi jenis operasi berbeza seperti perniagaan perkhidmatan, pembarangan dan perkilangan serta dari konteks pemilikan berbeza yang meliputi pemilikan tunggal, perkongsian, syarikat dan organisasi tidak bermotifkan keuntungan.

*This course introduces students to the basic concepts and principles, and rationale that form the basis of accounting practices. The accounting cycle is thoroughly explored, covering the processes of journalizing, posting, preparing trial balances, adjustments, preparing financial statements and closing entries. The discussion covers the accounting cycle of various types of operations, such as services, merchandising and manufacturing businesses, as well as different ownership contexts, including sole proprietorships, partnership, corporations and non-profit making organizations.*

### **EPPM1113 APLIKASI KOMPUTER BERSEPADU / INTEGRATED COMPUTER APPLICATION**

Kursus ini bertujuan untuk memberi pendedahan tentang konsep asas teknologi maklumat dan penggunaan praktikal aplikasi komputer terkini dalam bidang ekonomi dan perniagaan. Konsep teknologi maklumat merangkumi perkakasan, perisian, pangkalan data, rangkaian, internet, telekomunikasi dan pendigitalan. Kursus ini juga menyediakan latihan praktikal aplikasi Microsoft Office bagi kegunaan dalam pengurusan dan perniagaan serta aplikasi lain yang penting bagi

keperluan semasa seperti multimedia atau hipermedia, asas bahasa pemrograman (HTML) serta pembangunan blog.

*This course aims to provide exposure to the basic concepts of information technology and the practical application of contemporary computer tools in the fields of economics and business. Information technology concepts include hardware, software, databases, networks, internet, telecommunications, and digitization. The course also provides practical training in Microsoft Office applications for management and business as well as other applications that for current needs, such as multimedia or hypermedia, basic programming language (HTML) and blog development.*

### **EPPM1013 PERNIAGAAN DIGITAL / DIGITAL BUSINESS**

Kursus ini bertujuan mendedahkan kepada pelajar mengenai perniagaan digital yang memfokuskan kepada perniagaan secara atas talian. Pelajar akan mempelajari konsep, infrastruktur, persekitaran, dan strategi penggunaan media digital seperti IoT (Internet of Things), media sosial dan e-dagang. Di samping itu, pelajar juga dilengkapi dengan kemahiran pengurusan hubungan dan pengalaman menggunakan kaedah pemasaran digital. Dengan mengetahui teknik sebegini, pelajar dapat memanfaatkan kuasa platform digital untuk mengembangkan perniagaan mereka selaras dengan agenda ekonomi digital negara - IR4.0 (Industrial Revolution 4.0).

*This course aims to expose students to digital businesses that focus on online business. Students will learn the concepts, infrastructure, environment, and strategies for leveraging digital media, such as IoT (Internet of Things), social media and e-commerce. In addition, students will be equipped with relationship management skills and experience in employing digital marketing methods. By knowing such techniques, students can harness the power of digital platforms to grow their businesses in line with the nation's digital economy agenda – IR4.0 (Industrial Revolution 4.0).*

### **EPPM1123 PENGANTAR PEMASARAN / FUNDAMENTALS OF MARKETING**

Kursus ini merupakan pengenalan kepada dunia pemasaran. Ianya membolehkan para pelajar mengenali dan memahami konsep-konsep asas dan falsafah pemasaran, memberi kefahaman tentang persekitaran pemasaran, dan kepentingan kelakuan pengguna dalam pemasaran. Pelajar juga akan diperkenalkan kaedah pemetakan pasaran, penyasaran, dan pemposisian produk atau perkhidmatan. Elemen-elemen campuran pemasaran (4P) iaitu produk, harga, pendedaran dan promosi turut dikupas. Di samping itu, pembentukan strategi

pemasaran berasaskan 4P juga akan dibincangkan. Pelajar juga akan dapat meneroka asas-asas pemasaran antarabangsa. Selain itu, pelajar juga akan mengaplikasikan apa yang telah dipelajari dengan menghasilkan pelan pemasaran. Kesan IoT (Internet of Things) terhadap aktiviti pemasaran juga akan dibincangkan.

*This course is an introduction to the world of marketing. It enables students to know and understand the basic concepts and philosophy of marketing, the marketing environment, and the importance of consumer behavior in marketing. Students will also be introduced to methods of market segmentation, targeting, and positioning of products or services. The elements of the marketing mix (4P) i.e., product, price, distribution and promotion, as well as the formation of a 4P-based marketing strategy will also be discussed. Students will also be able to explore the basic of international marketing and apply their learning by creating a marketing plan. The impact of IoT (Internet of Things) on marketing activities will also be discussed.*

### **EPPM1133 PENGURUSAN SUMBER MANUSIA / HUMAN RESOURCE MANAGEMENT**

Kursus ini bertujuan memberi kefahaman kepada pelajar mengenai konsep, prinsip dan amalan pengurusan sumber manusia dalam organisasi. Di samping itu, kursus ini juga memupuk kemahiran pelajar untuk menganalisis dan menyelesaikan masalah berhubung isu-isu yang berkaitan dengan pengurusan sumber manusia dalam organisasi. Topik perbincangan termasuk analisis kerja, perancangan sumber manusia, perekrutan dan pemilihan pekerja, penilaian prestasi, latihan dan pembangunan, pengurusan ganjaran serta kesihatan dan keselamatan pekerjaan.

**Prasyarat/ Prerequisite : EPPD1053 (Pengantar Pengurusan/ Fundamentals of Management)**

*This course aims to provide students with an understanding of the concepts, principles and practices of human resource management within organizations. In addition, the course also cultivates students' skills in analysing and solving problems in relation to issues related to human resource management in organizations. Topics of discussion included job analysis, human resource planning, employee recruitment and selection, performance appraisal, training and development, reward management as well as occupational health and safety.*

### **EPPM2033 PERNIAGAAN ANTARABANGSA / INTERNATIONAL BUSINESS**

Kursus ini bertujuan untuk mendedahkan pelajar terhadap pelbagai aspek pengurusan perniagaan di pasaran antarabangsa. Pelajar akan didedahkan dengan



faktor persekitaran global yang pelbagai seperti sistem politik dan perundangan, ekonomi dan kewangan, serta sosio-budaya yang mempengaruhi strategi perniagaan rentas sempadan. Kandungan kursus merangkumi perbincangan teori serta polisi dalam perniagaan antarabangsa yang akan diaplikasikan dalam merangka strategi pelaburan, pemasaran dan sumber manusia antarabangsa. Selain itu, kursus ini juga akan melibatkan pihak industri untuk berkongsi pengalaman dan kepakaran dalam dunia perniagaan antarabangsa sebenar.

*This course aims to expose students to various aspects of business management in the international market. Students will be exposed to diverse global environmental factors such as political and legal systems, economics and finance, as well as socio-cultural influencing cross-border business strategies. The course content includes discussions on theories and policies in international business, that will be applied in formulating international investment, marketing and human resource strategies. In addition, the course will also involve industry engagement to share real-world experiences and expertise in international business.*

### **EPPM2043 ETIKA DAN TANGGUNGJAWAB SOSIAL KORPORAT / ETHICS AND CORPORATE SOCIAL RESPONSIBILITY**

Secara umumnya kursus ini membincangkan etika dan tanggungjawab sosial korporat berdasarkan perspektif Teori Pemegang Kepentingan yang menekankan bahawa perniagaan dan masyarakat adalah sebahagian daripada sistem yang saling berinteraksi dan bergantung antara satu sama lain. Tajuk-tajuk yang akan dibincangkan termasuklah hubungan di antara perniagaan dan masyarakat, persekitaran sosial, persekitaran etika, kerajaan, alam sekitar, perubahan teknologi, dan pemegang kepentingan. Para pelajar akan didedahkan kepada konsep dan teori etika dan tanggungjawab sosial korporat, isu-isu semasa dan masalah berkaitan dengan etika dan tanggungjawab sosial korporat. Melalui kursus ini juga, pelajar dapat mengaplikasikan pengetahuan melalui keterlibatan dengan aktiviti kesukarelawanan. Pelajar dikehendaki memilih satu daripada empat modul kesukarelawanan yang ditawarkan, iaitu: 1) modul alam sekitar, 2) modul kepenggunaan, 3) modul perniagaan sosial, dan 4) modul khidmat masyarakat. Di penghujung kursus, pelajar dikehendaki mengaplikasikan teori dan pengetahuan yang telah dipelajari dalam kes-kes sebenar berkaitan etika dan tanggungjawab sosial perniagaan.

*This course broadly discusses ethics and corporate social responsibility from the perspective of Stakeholders' Theory, which emphasizes that business and society are interdependent systems interacting with one another. Topics discussed include the relationship between*

*business and society, social environment, ethical environment, government, environmental issues, technological change, and stakeholders. Students will be exposed to concepts, theories, current issues and challenges on ethics and corporate social responsibility. Through this course students will apply their knowledge by participating in volunteer activities. Students are required to select one of the four volunteer modules offered as followings: 1) environmental module, 2) consumerism module, 3) social business module, and 4) community service module. By the end of this course, students will apply the theories and knowledge acquired through real-world cases related to ethics and corporate social responsibility.*

### **EPPM3383 INOVASI PRODUK DAN PENJENAMAAN / *PRODUCT INNOVATION AND BRANDING***

Kursus ini bertujuan memperkenalkan beberapa struktur asas dalam usaha memahami dunia pengurusan inovasi produk dan penjenamaan. Khususnya, para pelajar akan didedahkan kepada aspek-aspek utama yang lazimnya terdapat dalam kitaran perancangan inovasi produk. Penekanan utama akan diberikan dalam isu-isu inovasi produk dan penjenamaan yang berkaitan dengan isu-isu pengurusan pemasaran. Di samping itu, penekanan juga akan diberikan kepada aktiviti-aktiviti yang berkait rapat dengan inovasi produk dan penjenamaan seperti perancangan, penilaian dan pelancaran produk baru. Akhir sekali, para pelajar juga akan didedahkan kepada tatacara dalam menghasilkan proposisi penjenamaan yang selari dengan produk baru yang telah dibangunkan.

**Prasyarat: EPPM1123 (Pengantar Pemasaran / *Fundamentals Of Marketing*)**

*This course aims to introduce some basic structures in order to understand the world of product innovation management and branding. In particular, students will be exposed to key aspects that are commonly found in the product innovation planning cycle. Major emphasis will be given in product innovation and branding issues related to marketing management issues. In addition, the course emphasizes activities closely related to product innovation and branding such as planning, evaluation and launching of new products. Finally, students will also be exposed to the procedures in producing branding propositions aligned to newly developed products.*

### **EPPA2823 UNDANG-UNDANG PERNIAGAAN / *BUSINESS LAW***

Kursus ini bertujuan memberi kefahaman tentang perundangan yang berkaitan perdagangan. Topik yang dibincangkan adalah Sistem Perundangan Malaysia, Undang-undang Kontrak, Undang-undang Ejensi, Undang-undang Jualan

Barangan, Undang-undang Insurans, Undang-undang Pekerjaan, Undang-undang Perkongsian dan Undang-undang Syarikat.

*This course aims to provide an understanding of laws related to trade. Topics discussed include Malaysian Legal System, Contract Law, Agency Law, Sale of Goods Law, Insurance Law, Employment Law, Partnership Law and Company Law.*

### **EPPK1013 PENGANTAR KEUSAHAWANAN / FUNDAMENTALS OF ENTREPRENEURSHIP**

Kursus ini bertujuan untuk memberikan pengenalan mengenai bidang keusahawanan yang merangkumi teori dan amalan keusahawanan. Pelajar akan diperkenalkan dengan persekitaran dan kepentingan keusahawanan dalam dunia perniagaan hari ini, penjanaaan idea perniagaan, pengenalpastian peluang perniagaan, penyediaan konsep perniagaan, pembiayaan perniagaan, perkembangan dan pertumbuhan perniagaan dan strategi keluar/tuai. Kursus ini juga memberi pendedahan kepada isu-isu dalam keusahawanan seperti etika keusahawanan, perniagaan keluarga, penilaian dan pembelian perniagaan, dan perniagaan francais.

*This course aims to provide an introduction of the field of entrepreneurship, encompassing both the theory and practice of entrepreneurship. Students will be introduced to the environment and importance of entrepreneurship in today's business world, generating business ideas, identifying business opportunities, preparing business concepts, business financing, business development and growth and exit/harvest strategies. The course also provides exposure to issues in entrepreneurship such as entrepreneurial ethics, family business, business valuation and acquisition, and franchise business.*

### **EPPK1113 KEWANGAN KEUSAHAWANAN / ENTREPRENEURIAL FINANCE**

Kursus ini bertujuan memberi pendedahan kepada pelajar mengenai prinsip dan teknik asas yang digunakan secara meluas dalam bidang kewangan di samping menekankan aplikasinya dalam membuat keputusan kewangan. Antara topik yang dibincangkan termasuk persekitaran dan pasaran kewangan, konsep dan aplikasi nilai masa wang, kadar faedah, penilaian sekuriti, polisi dividen, risiko dan pulangan dan pengurusan modal kerja. Di akhir kursus, pelajar diharap dapat memahami dan

berkemahiran untuk menganalisa serta membuat perancangan kewangan dan menilai pelaburan dalam aset kewangan.

**Prasyarat: EPPA1013 (Prinsip Perakaunan / Principles Of Accounts), EPPD1043 (Matematik untuk Ekonomi dan Perniagaan atau EPPD2023 (Statistik Untuk Ekonomi dan Perniagaan) / Mathematics For Economics And Business or Statistics for Economics and Business.**

*This course aims to expose students to the basic principles and techniques that are widely used in the field of finance while emphasizing their application in financial decision-making. Among the topics discussed include the financial environment and markets, the concept and application of time value of money, interest rates, valuation of securities, dividend policy, risk and return and working capital management. At the end of the course, students are expected to understand and have the skills to analyse and make financial plans and evaluate investments in financial assets.*

### **EPPK2053 PENEROKAAN USAHA NIAGA BAHARU / NEW VENTURE EXPLORATION**

Kursus ini merupakan kesinambungan kepada kursus EPPK1013 (Pengantar Keusahawanan). Di peringkat awal, pelajar perlu memahami faktor-faktor luaran dan dalaman dalam proses mengenal pasti ruang dan peluang perniagaan, melalui pelbagai teknik termasuklah tinjauan pasaran dan temubual. Pelajar akan dibimbing untuk membangunkan sebuah model perniagaan yang berpotensi untuk direalisasikan.

**Prasyarat: EPPK1013 Pengantar Keusahawanan / Fundamentals of Entrepreneurship.**

*This course is a continuation of the EPPK1013 (Fundamental of Entrepreneurship) course. In the initial stages, students need to understand external and internal factors in the process of identifying business spaces and opportunities, through a variety of techniques including market surveys and interviews. Students will be guided to develop a business model with the potential for realization.*

### **EPPK2123 PENGURUSAN RANTAIAN BEKALAN DAN NILAI / VALUE AND SUPPLY CHAIN MANAGEMENT**

Kursus ini memperkenalkan teori dan amalan pengurusan rantai bekalan nilai (PRBN) dan kepentingannya dalam sesebuah perniagaan kecil dan sederhana. Topik utama yang akan dibincangkan termasuklah peranan PRBN dalam strategi operasi, faktor-faktor yang mempengaruhi PRBN, pengurus pembekal dan vendor, keperluan dalam menjayakan PRBN, logistic dan inventori. Kursus ini juga akan memberi pengetahuan tentang piawaian tempatan dan antarabangsa.

**Prasyarat: EPPD1053 Pengantar Pengurusan / *Introduction To Management***

*This course introduces the theory and practice of value supply chain management (VSCM) and its importance for small and medium business. Key topics to be discussed include the role of VSCM in operational strategy, factors influencing VSCM, supplier and vendor management, requirements for successful VSCM implementation, logistics and inventory. The course will also provide knowledge of local and international standards.*

### **EPPK2153 KEPIMPINAN DALAM KEUSAHAWANAN / *ENTREPRENEURIAL LEADERSHIP***

Kursus ini mendedahkan pelajar tentang teori kepimpinan dalam keusahawanan sebagai persediaan menjadi seorang usahawan yang mampu memimpin dengan efektif. Melalui kursus ini pelajar diajar tentang pelbagai jenis pendekatan dalam kepimpinan, kepentingan kemahiran kepimpinan dalam keusahawanan, dinamik kepimpinan dalam pelbagai situasi, faktor-faktor mempengaruhi keberkesanan kepimpinan dalam keusahawanan dan juga etika kepimpinan dalam keusahawanan.

**Prasyarat: EPPD1053 Pengantar Pengurusan / *Introduction To Management***

*This course exposes students to leadership theories in entrepreneurship in preparation for becoming an entrepreneurs capable of leading effectively. Through this course students are taught about various types of approaches in leadership, the importance of leadership skills in entrepreneurship, leadership dynamics in different situations, the factors influencing leadership effectiveness in entrepreneurship and ethical leadership in entrepreneurship contexts.*

### **EPPK3133 PENGURUSAN INOVASI STRATEGIK / STRATEGIC INNOVATION MANAGEMENT**

Kursus ini bertujuan untuk memberi pengetahuan lebih komprehensif berkenaan pengurusan inovasi secara strategik. Selanjutnya kursus ini digubal untuk memberi pendedahan kepada pelajar bahawa inovasi adalah jalan penyelesaian yang diperlukan untuk menangani pelbagai masalah yang selanjutnya mencabar pencapaian matlamat organisasi. Inovasi juga diperkenalkan sebagai kaedah strategik yang proaktif untuk membina kelebihan persaingan. Kursus ini membuka peluang kepada pelajar untuk berkolaborasi dengan industri dan mempelajari selok belok perniagaan yang berinovasi. Pelbagai disiplin ilmu digabungjalinkan seperti komunikasi, kepimpinan, pemasaran, kewangan, inovasi produk dan penjenamaan, dan sebagainya.

*This course aims to provide a comprehensive understanding of strategic innovation management. Further, the course is designed to expose students to the importance of innovation as a necessary pathway to address various challenges that hinder the achievement of organizational goals. Innovation is also introduced as a proactive strategic approach to building a competitive advantage. This course offers students opportunities to collaborate with industry and gain insights into the intricacies of innovative business practices. Various disciplines are integrated, including communication, leadership, marketing, finance, product innovation and branding, and so on.*

### **EPPK3713 INOVASI DAN KREATIVITI DALAM PERNIAGAAN / INNOVATION AND CREATIVITY IN BUSINESS**

Kursus ini bertujuan memperkenalkan kepada pelajar kaedah dan strategi pemikiran kritis dan inovatif dalam perniagaan. Para pelajar akan diterapkan dengan pengetahuan tentang teori dan konsep asas kreativiti, inovasi dan pemikiran kritis yang diamalkan oleh usahawan. Antara topik yang akan dipelajari ialah pengenalan kepada teori kreativiti dan inovasi, pembentukan organisasi kreatif, strategi pengurusan kreatif, persekitaran perniagaan kreatif dan strategi pengembangan perniagaan berdasarkan kreativiti dan inovasi.

**Prasyarat EPPK1013 Pengantar Keusahawanan / Fundamentals Of Entrepreneurship**

*This course aims to introduce students to the methods and strategies for critical and innovative thinking in business. Students will be equipped with knowledge of the basic theories and concepts related to creativity, innovation and critical thinking, as practiced by entrepreneurs. Topics covered include an introduction to creativity and innovation theories, creative organization formation, creative management strategies, creative business environment and business expansion strategies based on creativity and innovation.*

### **EPPK3064 PENGURUSAN PROJEK / PROJECT MANAGEMENT**

Kursus ini memberi pengetahuan tentang teknik mengurus projek secara bersepadu. Ia memfokus kepada proses pengurusan projek, kos, pengurusan risiko dan faedah projek serta pelbagai alat/teknik pengurusan projek. Antara topik yang dibincang termasuk kitaran hayat projek, perancangan kualiti, pemasaan dan kos serta alat/teknik pengurusan projek serta aplikasi komputer dalam mengawal dan mengawasi projek.

**Prasyarat: EPPK2123 Pengurusan Rantaian Bekalan dan Nilai EPPK3713 Inovasi & Kreativiti dalam Perniagaan / Value and Supply Chain Management and Innovation and Creativity In Business**

*This course provides knowledge on integrated project management techniques. It focuses on the project management process, cost, risk management and project benefits, as well as various tools and techniques used in project management. Topics discussed include project life cycle, quality planning, timing and cost as well as project management tools/techniques and computer applications in project control and monitoring.*

### **EPPK3036 RANCANGAN PERNIAGAAN / BUSINESS PLAN**

Kursus ini bertujuan memperkenalkan konsep penting dalam menyediakan Rancangan Perniagaan untuk sebuah enterprais baru. Pelajar akan didedahkan dengan teknik kajian kebolehmungkinan (feasibility study) dan seterusnya melakukan kajian tersebut untuk menyokong idea perniagaan yang dicadangkan. Kursus ini memerlukan pelajar menulis sebuah rancangan perniagaan yang lengkap sesuai dengan standard penilaian. Akhirnya, setiap pelajar perlu membentangkan rancangan perniagaan untuk dinilai oleh pelbagai pihak berkepentingan.

**Prasyarat: EPPK1013 (Pengantar Keusahawanan / *Fundamentals Of Entrepreneurship*), EPPK2053 (Penerokaan Usaha Niaga Baharu / *New Venture Exploration*)**

*This course aims to introduce important concepts in preparing a Business Plan for a new enterprise. Students will be exposed to feasibility study techniques and will be required to conduct such studies to support proposed business ideas. This course requires students to prepare a complete business plan in accordance with established assessment standards. In the end, each student must present their business plan for evaluation by various stakeholders*

**EPPK3088 PEMENTORAN / *MENTORING***

Kursus ini menerapkan pembelajaran dan pengalaman berkaitan praktis sebenar keusahawanan dan perniagaan kepada pelajar untuk bersedia dengan suasana, cabaran dan strategi yang bakal ditempuhi dalam kerjaya keusahawanan. Melalui kursus ini pelajar akan berinteraksi dengan mentor usahawan yang akan membimbing pelajar dalam proses membangunkan perniagaan. Selain itu, kursus ini juga bertujuan memperkasakan kompetensi dan kemahiran keusahawanan pelajar dan seterusnya dapat mempertingkatkan kebolehpasaran pelajar. Melalui kursus ini juga pelajar berpeluang menerapkan konsep, teori dan kemahiran keusahawanan yang dipelajari ke alam perniagaan.

**Prasyarat: EPPK3036 Rancangan, EPPK3064 Pengurusan Projek / *Business Plan, Project Management***

*This course applies learning and experiential practice of entrepreneurship and business to prepare students for the realities, challenges and strategies of an entrepreneurial career. Through this course, students will interact with entrepreneur mentors who will guide them in the process of operating a business. In addition, this course also aims to strengthen students' entrepreneurial competencies and skills, thereby improving their employability. Students will also have the opportunity to apply the concepts, theories and entrepreneurial skills acquired to real-world business.*

**KURSUS ELEKTIF  
*ELECTIVE COURSE***

**EPPK2043 KEUSAHAWANAN SOSIAL / *SOCIAL ENTREPRENEURSHIP***

Kursus ini memberi pengetahuan tentang konsep keusahawanan sosial, siapa usahawan sosial, dan perbezaan dengan konsep usahawan sosial, usahawan konvensional dan aktiviti kemasyarakatan. Pelajar akan didedahkan dengan topik



khusus seperti konsep, sejarah dan dimensi keusahawanan sosial, teori berkaitan perubahan sosial, persekitaran dan cabaran dalam keusahawanan sosial, dan kisah kejayaan keusahawanan sosial. Pelajar juga akan diberikan ilmu pengetahuan dan kemahiran mengenai model keusahawanan sosial dan melaksanakan projek keusahawanan sosial.

*This course provides knowledge of the concept of social entrepreneurship, the definition of social entrepreneur, and the distinctions between social entrepreneurs, conventional entrepreneurs, and community-based activities. Students will be exposed to specific topics such as the concepts, history and dimensions of social entrepreneurship, theories related to social change, the environment and challenges in social entrepreneurship, and success stories of social entrepreneurship. Students will also gain knowledge and skills on social entrepreneurship models and implementing social entrepreneurship projects.*

### **EPPK3063 JARINGAN DAN RUNDINGAN DALAM PERNIAGAAN / NETWORKING AND NEGOTIATION IN BUSINESS**

Kursus ini memberi pengetahuan tentang prinsip-prinsip asas dan amalan jaringan perniagaan dan rundingan dalam perniagaan. Pelajar akan diajar kemahiran dalam membina dan mengekalkan jaringan serta membuat rundingan yang berkesan.

**Prasyarat: EPPD1053 Pengantar Pengurusan / Introduction To Management**

*This course provides students with the basic principles and practices of business networking and negotiation in business. Students will be taught skills in building and maintaining networks as well as making effective negotiations.*

### **EPPM1023 PERNIAGAAN MENGIKUT PERSPEKTIF ISLAM / BUSINESS FROM ISLAMIC PERSPECTIVE**

Kursus ini memberi fokus kepada penghayatan kehidupan masyarakat dalam konteks amalan perniagaan mengikut perspektif Islam sebagai satu cara kehidupan (Islam as a way of life). Matlamat utama kursus ini adalah untuk memberi pemahaman kepada pelajar terhadap asas-asas perniagaan menurut perspektif Islam yang mana pelajar akan didedahkan dengan konsep-konsep asas perniagaan dalam Islam, instrumen-instrumen kewangan Islam, pengurusan dalam Islam dan etika pengurusan Islam. Di samping itu juga, kursus ini akan membincangkan isu-isu semasa berkaitan dengan asas perniagaan menurut perspektif Islam.

*This course focuses on valuing community's life in the context of business from an Islam perspective, embracing Islam as a way of life. The main objective of this course is to provide students with an understanding of the foundations of business from Islamic perspectives. Students will be exposed to basic concepts of Islamic business, Islamic financial instruments, Islamic management and Islamic ethics. Current issues pertaining to the basics of business from Islamic perspectives will also be discussed.*

### **EPPM3313 PSIKOLOGI PENGGUNA / CONSUMER PSYCHOLOGY**

Secara umumnya kursus ini menyingkap dan memahami gelagat pengguna dari dua sudut iaitu pengguna dan pembangunan strategi dan taktik pemasaran. Kursus ini akan meneliti teori-teori berhubung gelagat pengguna bagi memahami bagaimana pengguna berkognisi, beremosi dan bertindak dalam proses berkaitan pembelian dan berinteraksi. Penelitian pengguna dibuat dalam tiga perspektif, yakni pengguna sebagai individu, pengguna di dalam ekosistemnya iaitu persekitaran sosial dan budaya, dan pengguna sebagai pembuat keputusan. Kursus ini akan memberi kefahaman komprehensif tentang faktor-faktor intrinsik dan ekstrinsik yang mempengaruhi proses pembuatan keputusan pengguna. Para pelajar akan didedahkan kepada tatacara pembuatan keputusan, sama ada rutin atau kompleks; proses kognitif dan pengalaman yang dialami oleh pengguna sebelum, ketika dan selepas membuat keputusan membeli. Para pelajar akan dapat membuat penelitian bagaimana personaliti pengguna dan amalan budaya serta kumpulan sekeliling mempengaruhi pembuatan keputusan. Seterusnya implikasi memahami gelagat pengguna kepada pembentukan dan pelaksanaan strategi pemasaran juga akan ditinjau dan dikupas.

*In general, this course aims to explore and understand consumer behavior from two perspectives; namely the consumer and the development of marketing strategies and tactics. This course will examine theories related to consumer behavior to understand how consumers feel cognitively, emotionally and act in the process of purchasing and interacting. Consumer research is conducted from three perspectives: namely the consumer as an individual, the consumer within a social and cultural ecosystem, the consumer as a decision-maker. This course will provide a comprehensive understanding of the intrinsic and extrinsic factors that influence the consumer decision-making processes. Students will be exposed to decision-making procedures, whether routine or complex; cognitive processes and experiences consumers undergo before, during and after a purchase decision., as well as how personality, cultural practices, and peer groups impact decision making. The implications of understanding consumer behavior for the development and implementation of marketing strategies will also be reviewed and analysed.*

### **EPPM3183 PENGURUSAN PERUBAHAN DAN INOVASI / INNOVATION AND CHANGE MANAGEMENT**

Kursus ini bertujuan untuk melengkapkan pelajar dengan pengetahuan komprehensif dalam pengurusan perubahan dan inovasi. Perbincangan teori dan teknikal merangkumi strategi inovasi dan teknologi terkini, pengurusan proses inovasi, serta kaedah pengukuran pencapaian inovasi. Selain itu, pelajar akan mempelajari kaedah efektif dalam memupuk budaya inovasi dalam organisasi. Secara praktikal, pelajar akan mengaplikasi pengetahuan untuk membentuk strategi pemasaran inovasi selain membangunkan pelan inovasi bagi pasaran global.

*This course aims to equip students with a comprehensive knowledge of change management and innovation. Theoretical and technical discussions cover the latest innovation strategies and technologies, innovation process management, as well as methods of measuring innovation achievement. In addition, students will learn effective approaches to fostering a culture of innovation within organizations. In practice, students will apply knowledge to develop an innovation marketing strategy as well as develop an innovation plan for the global market.*

### **EPPM4323 KOMUNIKASI PEMASARAN BERSEPADU / INTEGRATED MARKETING COMMUNICATION**

Kursus ini meningkatkan pengetahuan pelajar tentang proses mengurus aktiviti komunikasi pemasaran. Kursus ini akan membincangkan bagaimana elemen-elemen komunikasi pemasaran termasuk pemasaran atas talian boleh digubal dan diadun secara bersepadu bagi mencapai matlamat sesebuah organisasi. Pelajar juga akan dilatih secara khusus menggunakan Internet dan teknologi untuk melaksanakan kajian dan program komunikasi pemasaran. Gabungan antara teori atau konsep dengan aplikasi komunikasi pemasaran melalui tugas dapat membantu pelajar membina keyakinan diri untuk membuat keputusan. Penyediaan kempen promosi yang komprehensif serta pembentangan di akhir semester dapat membantu pelajar ke arah tujuan tersebut.

**Prasyarat: EPPM1123 Pengantar Pemasaran / Fundamentals Of Marketing**

*This course enhances students' knowledge of the process of managing marketing communication activities. It addresses how the elements of marketing communication, including online marketing, can be formulated and integrated to achieve the organizational goals. Students will also be specifically trained in using the Internet and technology for research and marketing communications programs. Combining theory with the practical*

*application of marketing communication through assignments, this course can help students build self-confidence in decision-making. The preparation and presentation of a comprehensive promotional campaign at the end of the semester further support this objective.*

# PERATURAN-PERATURAN UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA (PENGAJIAN SARJANA MUDA)

*REGULATIONS OF  
THE NATIONAL UNIVERSITY OF MALAYSIA  
(UNDERGRADUATE STUDIES)*

**Peraturan-peraturan Universiti Kebangsaan Malaysia  
(Pengajian Sarjana Muda) 2024**  
*Regulations of the National University of Malaysia  
(Undergraduate Studies) 2024*

<http://tinyurl.com/peraturansarjanamudaukm2024>

**Peraturan ini boleh dimuat turun melalui laman sesawang Pusat  
Pengurusan Akademik atau melalui pautan berikut:**  
*These regulations can be downloaded from the website of the Academic  
Management Centre or via the following link:*

<https://www.ukm.my/fep/prasiswazah/peraturan-peraturan-universiti-kebangsaan-malaysia-pengajian-sarjana-muda-2024/>

**Ahli Jawatankuasa**  
**Penerbitan Buku Panduan Prasiswazah Fakulti Ekonomi dan Pengurusan**  
**Sesi Akademik 2024/2025**

*Committee Members*

*Publication of the Undergraduate Handbook, Faculty of Economics and  
Management*

*Academic Session 2024/2025*

**Penasihat** *Advisor*

Prof. Dr. Aini Aman

**Penyelaras Buku Panduan** *Handbook Coordinator*

Prof. Madya Datin Dr. Nor Liza Abdullah

**Editor** *Editors*

Prof. Madya Dr. Hairunnizam Wahid

Dr. Elaina Rose Johar

Dr. Maizatulakma Abdullah

Dr. Nurul Atasha Jamaludin

Puan Syahida binti Zainal Abidin

**Pembantu Penerbitan** *Publication Assistants*

Puan Asnida Mat Daud

Puan Fatin Nuri Baharom

Puan Haslinda Binti Bujang

Puan Noniwati Binti Abu Osthman

Puan Norashikin Binti Hussin

Encik Arif Hakimi Bin Shahrudin

Encik Mohammad Zukry Ahmad

Encik Sahail Ilyasa Sulaiman

**SEKRETARIAT PRASISWAZAH**  
**FAKULTI EKONOMI DAN PENGURUSAN**  
**UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA**  
**43600 UKM BANGI, SELANGOR**

✉ prasiswazahfep@ukm.edu.my

☎ +603 8921 3951 (Tel)

📠 +603 8925 1821 (Faks)

🌐 [www.ukm.my/fep/prasiswazah](http://www.ukm.my/fep/prasiswazah)

IMBAS UNTUK  
KENALI FEP

